

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**2025**

**HARI KHAMIS : 6 FEBRUARI 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 4, NO. 6, NO. 9 HINGGA NO. 92 )**

**[SOALAN NO. 4 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 71]**

**[SOALAN NO. 6 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 50]**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah rasional di sebalik hasrat TNB menaikkan tarif elektrik walaupun negara jiran terdekat mempunyai perancangan sebaliknya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan tarif asas elektrik bagi pengguna elektrik di Semenanjung dengan mengambil kira aspek trilema tenaga iaitu keterjaminan bekalan, kelestarian dan mampu dibayar pengguna. Bermula pada tahun 2014, Kerajaan telah menggunakan mekanisme Incentive Based Regulation (IBR) bagi penetapan purata tarif asas elektrik di Semenanjung. Melalui mekanisme IBR ini, purata tarif asas di Semenanjung akan dikaji setiap tiga tahun sekali berserta dengan penetapan parameter-parameter asas seperti unjuran harga bahan api, kos operasi (OPEX), kos modal (CAPEX) dan kadar keuntungan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dikawal selia oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga (ST). Dalam hal ini, Kerajaan pada 13 Disember 2024 telah bersetuju dengan penetapan kadar purata tarif asas elektrik di Semenanjung bagi TNB di bawah mekanisme IBR untuk tempoh Regulatori Keempat (RP4) bermula pada 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

Sebagai makluman, komponen terbesar dalam pengiraan tarif asas adalah unjuran harga bahan api iaitu arang batu dan gas untuk penjanaan elektrik. Kenaikan harga bahan api di peringkat global dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini menjadikan unjuran bagi tempoh RP4 (2025 – 2027) adalah lebih tinggi supaya ia mencerminkan harga bahan api sebenar pada masa ini. Seperti semua pihak sedia maklum, unjuran harga bahan api arang batu dan gas adalah jauh lebih rendah semasa penetapan kadar purata tarif asas elektrik bagi tempoh Regulatori Ketiga (RP3) iaitu pada tahun 2022 hingga 2024 yang mengakibatkan pelarasaran surcaj tarif elektrik di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) menjadi amat tinggi. Oleh itu, penetapan unjuran baharu bagi tempoh RP4 akan merapatkan lagi jurang harga bahan api semasa pelarasaran ICPT yang disemak setiap enam bulan dapat dikawal dengan lebih cekap dan berkesan.

Disebabkan implikasi tersebut dan keprihatinan Kerajaan, maka Kementerian

pada 20 Disember 2024 telah mengeluarkan kenyataan media yang bertajuk “Pengekalan Tarif Elektrik di Semenanjung Bagi Tempoh 1 Januari Hingga 30 Jun 2025”. Kenyataan tersebut antara lainnya, memaklumkan perancangan Kementerian bersama-sama dengan ST untuk memuktamadkan cadangan jadual tarif baharu yang mencerminkan kos pembekalan elektrik sebenar lebih kompetitif dan berdaya saing untuk dilaksanakan bermula pada 1 Julai 2025. Selain itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM5.96 Bilion untuk meneruskan pemberian subsidi secara bersasar bagi 85% pengguna domestik di Semenanjung terus kekal dilindungi daripada sebarang kenaikan tarif elektrik kepada semua pengguna dalam tempoh berkenaan.

Untuk makluman Yang Di Pertua, Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga juga telah melaksanakan libat urus bersama pemain industri dan komuniti perniagaan pada 13 Januari 2025 dan 5 Februari 2025 mengenai perkara ini. Keterlibatan pemain industri dan komuniti perniagaan adalah penting bagi memastikan kepentingan semua pihak diambil kira. Kementerian akan memperhalusi pandangan-pandangan yang diberikan untuk dijadikan input bagi penetapan jadual tarif baharu kelak agar semua pengguna terutamanya pihak industry lebih bersedia dengan perubahan tersebut dan menggunakan elektrik dengan lebih cekap pada masa akan datang.

Kementerian memberi jaminan bahawa penetapan tarif elektrik di Semenanjung termasuk pelaksanaan jadual tarif yang baharu di bawah RP4 akan mengambil kira semua aspek termasuk kebijakan dan kesejahteraan rakyat seperti yang disaranakan oleh YAB Perdana Menteri. Dalam hal ini, sebarang pengumuman berhubung penetapan tarif elektrik di Semenanjung hanya akan dikeluarkan secara rasmi oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :**

a. langkah-langkah Kementerian untuk menangani isu-isu rasuah berkaitan pemeriksaan keselamatan kenderaan selepas operasi yang dijalankan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan ke atas PUSPAKOM tahun lepas

b. apakah perancangan Kementerian untuk memastikan bahawa isu-isu ini tidak berulang dengan syarikat lain selepas monopoli PUSPAKOM ditamatkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Merbok pada urusan mesyuarat hari ini dan Yang Berhormat Bukit Bintang bertarikh 17 Februari 2025 serta pertanyaan Yang Berhormat Bentong dan Yang Berhormat Sungai Petani bertarikh 20 Februari 2025, kerana menyentuh isu yang sama iaitu isu integriti pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM.
2. Kementerian Pengangkutan (MOT) amat memandang serius isu integriti pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM terutamanya berkaitan dengan dakwaan wujudnya kartel yang bersekongkol meluluskan kenderaan yang tidak mematuhi syarat teknikal. Dalam hubungan ini, MOT ingin menegaskan bahawa pihak Kementerian dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak akan berkompromi dalam isu integriti dan akan bekerjasama erat dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan isu ini dapat ditangani dengan efektif.
3. MOT akan melaksanakan pemantauan yang lebih ketat dan berterusan bagi memastikan integriti dalam proses pemeriksaan kenderaan dipertingkatkan. Antara langkah pemantauan dan penambahbaikan yang dirancang termasuk:
4. Pemantauan berkala oleh JPJ akan ditingkatkan di semua cawangan PUSPAKOM, dengan memberi tumpuan khusus kepada cawangan utama yang mempunyai jumlah pemeriksaan yang tinggi;
  - a. Penetapan KPI kepada semua Bahagian Kejuruteraan Automotif (BKA) JPJ negeri bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengawalseliaan PUSPAKOM di lapangan;

- b. Meningkatkan jumlah sampel bagi pemeriksaan kualiti oleh pegawai-pegawai BKA, JPJ; dan
  - c. Pemantauan akan lebih tertumpu kepada aspek keselamatan kenderaan, termasuk sistem brek dan tayar yang merupakan komponen penting dalam menjamin keselamatan jalan raya.
  - d. Sekiranya terdapat sebarang unsur salah guna kuasa atau penyelewengan yang dikesan oleh pasukan pemantauan, MOT dan JPJ akan menyerahkan kes tersebut kepada SPRM untuk siasatan lanjut, termasuk kes kenderaan yang tidak selamat tetapi didapati lulus pemeriksaan.
5. Selain itu juga, pemberian Lesen Operasi di bawah Seksyen 126, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] daripada MOT kepada PUSPAKOM telah menetapkan perjanjian tahap perkhidmatan (*Service Level Agreement*) yang wajib dipatuhi oleh PUSPAKOM. JPJ selaku pihak berkuasa dalam perkhidmatan pemeriksaan kenderaan akan menjalankan pemantauan dan audit secara berkala yang mana sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan dalam pemeriksaan teknikal, denda boleh dikenakan ke atas PUSPAKOM bagi setiap kesalahan yang dikesan.
6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOT melalui JPJ kini berada dalam fasa akhir untuk memuktamadkan pelantikan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) yang baharu. Proses penilaian terhadap permohonan yang dikemukakan telah selesai melibatkan semakan pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan termasuk keupayaan kewangan dan pembangunan serta keupayaan untuk melaksanakan fungsi pemeriksaan kenderaan motor bagi pihak JPJ. Pelantikan pihak yang berjaya memenuhi semua syarat ini dijangka dapat dimuktamadkan dan diumumkan dalam masa terdekat.
7. Kementerian akan menetapkan syarat-syarat yang ketat (iaitu sama seperti yang ditetapkan kepada PUSPAKOM) yang perlu dipatuhi oleh syarikat-syarikat baharu yang bakal dilantik.

NO SOALAN : 6

8. Semua langkah dan tindakan yang digariskan adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk memelihara kepentingan pemeriksaan kenderaan bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dengan mematuhi piawaian teknikal dan keselamatan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian untuk membantu pelajar tamat pengajian yang terbeban dengan hutang pinjaman PTPTN.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa prihatin dan memberi perhatian kepada kebijakan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan kemudahan membayar balik pinjaman. Sehingga kini, terdapat pelbagai cara dan inisiatif yang dilakukan dalam usaha memudahkan peminjam terutamanya mereka yang menghadapi kesukaran membuat bayaran balik pinjaman seperti berikut-

- i.Pertama**, memohon penangguhan bayaran balik sekiranya menyambung pengajian atau belum mendapat pekerjaan,
- ii.Kedua**, penstrukturran atau pun penjadualan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam, dan
- iii.Ketiga**, bayaran balik pinjaman PTPTN hanya bermula selepas 12 bulan peminjam menamatkan pengajian untuk memberi ruang kepada peminjam membuat persediaan sewajarnya serta memperoleh pendapatan yang stabil sebelum memulakan bayaran balik.

2. Sehubungan dengan itu, suka saya menasihatkan mana-mana peminjam yang menghadapi masalah untuk membuat bayaran balik pinjaman mereka untuk tampil atau hadir berunding di mana-mana cawangan PTPTN di seluruh negara bagi mendapatkan kaedah penyelesaian terbaik untuk masalah yang dihadapi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan strategi Kementerian dalam memperkuat Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan khususnya untuk mengenakan tindakan 'punitif' atau hukuman yang boleh diambil ke atas syarikat atau negara yang melanggar perjanjian ini berikutan Malaysia selaku pengurus ASEAN pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sentiasa komited dalam menangani masalah jerebu merentas sempadan. Sejak tahun 2023, NRES telah membuat penelitian semula pendekatan sedia ada dan mekanisme terbaik dalam menguruskan masalah ini secara holistik.
2. Pada 21 Disember 2023, Sesi *Town Hall* Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Bersama Pihak Berkepentingan Bagi Membincangkan Langkah Menangani Masalah Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan telah diadakan bagi mendapatkan cadangan dan pandangan pelbagai aspek dalam menangani masalah ini. Sesi *town hall* ini telah melibatkan Ahli Parlimen, Panel Penasihat dan Panel Konsultasi berkaitan alam sekitar, pakar-pakar undang-undang dan alam sekitar, pihak-pihak berkepentingan meliputi jabatan dan agensi kerajaan, akademia, wakil syarikat swasta dan pemain industri serta badan bukan kerajaan (NGO). Selanjutnya, sebanyak empat (4) sesi Mesyuarat *Focus Group*, tujuh (7) mesyuarat khusus dan perbincangan susulan telah diadakan bersama pelbagai pihak berkepentingan untuk meneliti kebolehlaksanaan dan kaedah pelaksanaan pelbagai cadangan ini.
3. Berdasarkan pelbagai sesi libat urus yang diadakan ini, NRES telah merangka 9 strategi utama bagi menangani masalah jerebu merentas sempadan yang selanjutnya telah dibentangkan dan mendapat persetujuan Jemaah Menteri melalui mesyuarat bertarikh 25 Oktober 2024.
4. Bagi memperkuuh pelaksanaan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (*ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution – AATHP*) dan selaras dengan Kepengerusian ASEAN 2025, NRES akan mengetengahkan dua (2) strategi iaitu berkaitan pelaksanaan diplomasi sains dan pemerkasaan dana jerebu mampan.

5. Perkara ini dicadangkan dengan mengambil contoh kejayaan pelaksanaan Perjanjian Alam Sekitar Pelbagai Hala (*Multilateral Environmental Agreements* – MEAs) seperti Protokol Montreal mengenai Bahan Penipis Lapisan Ozon dan *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) di peringkat antarabangsa yang antara lain menekankan keseimbangan komposisi antara data saintifik, fakta dan rundingan untuk menyokong proses membuat keputusan. Selain itu, dengan tersedianya dana jerebu mampan, pelaksanaan penyelidikan, penerokaan teknologi dan inovasi baharu dalam pembangunan infrastruktur, pelan pencegahan dan pemadaman kebakaran tanah gambut dapat dilaksanakan dengan efektif selaras dengan Artikel 16 - Kerjasama Teknikal dan Artikel 17 - Penyelidikan Saintifik di bawah AATHP.
6. Sehingga kini tiada tindakan punitif boleh dikenakan di bawah AATHP terhadap negara atau syarikat yang menyebabkan jerebu merentas sempadan. Sekiranya terdapat isu dan pertikaian di kalangan negara anggota, perkara tersebut perlu diselesaikan secara rundingan dan kesepakatan (*amicable*) berlandaskan prinsip ASEAN. Bagi mengatasi jurang ini, NRES berpandangan langkah pencegahan (*preventive*) dan langkah berjaga-jaga (*precautionary*) melalui pelaksanaan diplomasi sains, tindakan pencegahan kebakaran dan pemantauan berterusan dan ketersediaan dana jerebu yang mampan akan dapat memastikan pengurusan jerebu merentas sempadan yang efektif di bawah perjanjian ini.
7. Kerajaan juga akan terus memperkuuh hubungan dan kerjasama diplomatik dengan negara anggota ASEAN khususnya Indonesia. NRES optimis untuk bekerjasama dengan tampuk kepimpinan Kerajaan Indonesia yang baharu dengan mengambil contoh pendekatan beberapa perjanjian dan kerjasama dua hala yang berjaya dilaksanakan di peringkat antarabangsa seperti Perjanjian Kualiti Udara antara Amerika Syarikat dan Kanada serta kerjasama antara Korea Selatan dan China dalam pengurusan isu kualiti udara di kedua-dua negara. Antara bidang kerjasama yang akan diketengahkan melalui kerjasama dua hala berkaitan alam sekitar ini adalah pengurusan tanah gambut lestari dan pengurusan kualiti udara. Bidang kerjasama ini akan diperluaskan dari semasa ke semasa berdasarkan persetujuan bersama kedua-dua negara.

8. Sebagai langkah mengawal pencemaran jerebu dalam negara (domestik), Kerajaan akan terus mempertingkatkan pemantauan kawasan berisiko terbakar termasuk tanah gambut dan melaksanakan penguatkuasaan pembakaran terbuka secara bersepadu. Kerjasama dengan kerajaan negeri juga telah diperkuuh melalui penglibatan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan bagi membincangkan isu ini secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD  
NOR [TEMERLOH]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan :**

- a. jumlah Kampung Angkat MADANI mengikut negeri dan parlimen
- b. jumlah peruntukan Kementerian kepada setiap kampung ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Program Kampung Angkat MADANI diperkenalkan dalam Belanjawan 2024 dengan peruntukan 100 juta ringgit bertujuan untuk memperkasakan komuniti desa selaras dengan konsep Malaysia MADANI. Peruntukan ini telah digandakan kepada 200 juta ringgit pada tahun 2025 dengan sasaran sebanyak 200 kampung.
2. Program Kampung Angkat MADANI bukan sahaja melibatkan pendekatan turun padang secara terus kepada rakyat malah menumpukan usaha dalam mengenalpasti kaedah terbaik bagi memastikan pelaksanaan dibuat secara holistik, bagi menentukan penanda aras terbaik dalam memastikan capaian liputan kemudahan asas seperti air, elektrik, jalan, lampu jalan, kemudahan masyarakat dan capaian internet dapat dipertingkatkan melalui pendekatan *Whole of Government*. Justeru, semua kampung yang terpilih mendapat persetujuan dan kerjasama utuh dari Kerajaan Negeri untuk sama-sama mengembangkan tenaga dan memudahkan cara pelaksanaan Kampung Angkat MADANI.
3. Antara projek-projek utama Kampung Angkat Madani adalah:
  - i) **Pembangunan Infrastruktur** – Meningkatkan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air bersih, elektrik, ameniti sosial dan kemudahan digital termasuk capaian internet;
  - ii) **Kelestarian Alam** – Menggalakkan amalan kelestarian, kitar semula, penggunaan tenaga hijau dan boleh baharu serta penjagaan alam sekitar; dan
  - iii) **Kesejahteraan Sosial** – Memperkuat hubungan sosial, meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan, dan memperkasakan golongan rentan.

4. Keunikan pelaksanaan Kampung Angkat MADANI adalah dari segi pendekatan yang berbeza dalam melaksanakan sesuatu projek kecil. Justeru, inisiatif ini diterajui oleh semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan mengikut kampung yang telah dipilih bagi memastikan jentera Kerajaan bergerak bersama-sama di luar kebiasaan bagi memastikan projek yang dirancang disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
5. Pada tahun 2024, sebanyak 43 kampung telah terpilih sebagai Kampung Angkat MADANI dengan peruntukan maksimum sehingga RM2.5 juta. Setiap kampung yang terpilih juga telah mendapat persetujuan dari Kerajaan Negeri untuk sama-sama mengembang tenaga dan memudahkan pelaksanaan Kampung Angkat MADANI.
6. Untuk makluman, sebanyak 262 projek-projek kecil fizikal melibatkan naik taraf infrastruktur seperti dewan serbaguna gelanggang sukan, pemberian surau serta menaik taraf jambatan/titi telah dilaksanakan di kampung terpilih. Selain itu, terdapat 46 projek bukan fizikal yang melibatkan program kemasyarakatan seperti gotong-royong serta bimbingan kepada kanak-kanak sekolah, remaja dan belia. Sehingga kini lebih 85% projek siap sepenuhnya dan telah dibuat penyerahan kepada komuniti setempat. Kesemua projek ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, syarikat swasta, NGO, dan komuniti setempat bagi memastikan keberkesanan jangka panjang.
7. Kesemua 43 buah kampung ini melibatkan taburan di pelbagai negeri antaranya 4 buah kampung di Pahang, 5 buah kampung di Johor, 3 buah kampung di Kedah, 5 buah kampung di Kelantan, 5 buah kampung di Sabah, 4 buah kampung di Sarawak dan juga negeri-negeri lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan mahasiswa dari Sabah yang telah mendapat manfaat daripada skim FlySiswa pada tahun 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Perpaduan pada tahun 2023 telah memperkenalkan inisiatif FLYasiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sebanyak RM300 untuk pelajar Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman.
2. Selanjutnya, pelaksanaan inisiatif ini telah diteruskan pada tahun 2024 untuk manfaat sebanyak 52,055 mahasiswa terutamanya dari Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22,232 mahasiswa dari Sabah telah mendapat manfaat daripada skim FLYSiswa.
3. Daripada jumlah tersebut, seramai 17,394 orang pelajar Sabah menuntut di Semenanjung Malaysia, 3,433 orang di Sarawak dan selebihnya iaitu seramai 1,405 orang pelajar menuntut di Wilayah Persekutuan Labuan.
4. Dalam hubungan ini, pelaksanaan inisiatif FLYasiswa ini juga akan diteruskan bagi tahun 2025 bermula pada 1 Jan 2025 dan subsidi ditingkatkan kepada RM400.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI [DUNGUN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkhidmatan sokongan yang disediakan kepada pelatih Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) terutamanya dalam kalangan belia bagi membantu mereka berintegrasi semula dengan masyarakat dan mengurangkan kadar pengulangan jenayah (*recidivism*).

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dan bahan serta sentiasa komited untuk membendung masalah dadah dalam negara. Bagi memastikan elemen rawatan dan pemulihan dipenuhi, AADK telah menyediakan perkhidmatan sokongan kepada semua klien yang sedang menjalani **Program Rawatan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI)** terutamanya kepada golongan belia.

Antara perkhidmatan sokongan yang diberikan oleh AADK adalah melalui **Program Latihan Kemahiran Dan Vokasional**. Program ini merupakan salah satu komponen dalam i-Pulih bagi klien yang menjalani Program Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). Setiap klien akan didedahkan dengan latihan kemahiran, aktiviti vokasional, pra penempatan pekerjaan dan penempatan pekerjaan.

Kursus Kemahiran Vokasional kepada klien-klien AADK telah dilaksanakan secara kursus jangka panjang modular di PUSPEN menerusi Program Latihan Vokasional (TVET) dan Latihan Pekerjaan yang melibatkan 8 program pensijilan. Secara keseluruhannya, kursus-kursus ini telah **melibatkan sejumlah 2,398 orang klien** yang telah menjalani latihan pensijilan **sepanjang tahun 2020 hingga Ogos 2024**.

Selain itu, AADK turut melaksanakan **Program Integrasi Klien** sebagai satu mekanisma elemen pendedahan kepada klien untuk berinteraksi bersama masyarakat. Bagi klien yang berusia di bawah 18 tahun, AADK menyediakan peluang pendidikan sebagai satu langkah perkhidmatan. Berdasarkan rekod pada tahun 2024, seramai 12 orang klien AADK telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MORDI ANAK BIMOL [MAS GADING]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN MORDI ANAK BIMOL [MAS GADING]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan graduan tempatan yang terpaksa bekerja di luar bidang pengajian mereka untuk tempoh tahun 2019 sehingga 2023 dan apakah inisiatif Kementerian untuk memastikan graduan lepasan diploma dan ijazah, tidak terkesan dengan ketiadaan peluang pekerjaan yang setara dengan kelayakan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan **data rasmi dari Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG)** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan graduan yang **bekerja dalam bidang yang sama dengan dipelajari di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** bagi tahun 2019 hingga 2023 adalah seperti berikut:
  - i. Seramai **35,924 orang graduan peringkat Ijazah Pertama** dan **29,576 orang graduan lepasan Diploma** tidak bekerja dalam bidang pada tahun 2019,
  - ii. Seramai **31,220 orang graduan peringkat Ijazah Pertama** dan **25,770 orang graduan lepasan Diploma** tidak bekerja dalam bidang pada tahun 2020,
  - iii. Seramai **34,872 orang graduan peringkat Ijazah Pertama** dan **27,089 orang graduan lepasan Diploma** tidak bekerja dalam bidang pada tahun 2021,
  - iv. Seramai **41,044 orang graduan peringkat Ijazah Pertama** dan **29,851 orang graduan lepasan Diploma** tidak bekerja dalam bidang pada tahun 2022, dan
  - v. Seramai **38,340 orang graduan peringkat Ijazah Pertama** dan **27,706 orang graduan lepasan Diploma** tidak bekerja dalam bidang pada tahun 2023.

2. Data-data ini adalah khusus bagi setiap tahun dan tidak bersifat kumulatif atau terkumpul dari tahun-tahun sebelumnya.
3. Untuk makluman Yang di-Pertua dan ahli dewan, SKPG diisi oleh pelajar yang baharu sahaja menamatkan pengajian. Justeru, data kebolehpasaran graduan berdasarkan skop KPT adalah dalam tempoh tersebut sahaja.
4. Sehubungan itu, antara inisiatif KPT bagi memastikan graduan IPT tidak terkesan dengan ketiadaan peluang pekerjaan setara dengan kelayakan pendidikan mereka adalah seperti:

- **Mempergiat Kerjasama merentas Kementerian dan Agensi**

Kolaborasi serta perbincangan dari semasa ke semasa dalam pelbagai platform bersama-sama dengan Kementerian dan Agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Ekonomi (KE) turut dipergiat bagi membantu menangani isu kekurangan tenaga kerja, jurang kemahiran pekerja, guna tenaga tidak penuh, gaji permulaan graduan dan pelbagai lagi.

- **Program Pembangunan Keusahawanan**

Pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025) yang menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar untuk membentuk minda mereka daripada hanya sebagai pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta pekerjaan (*job creator*).

Perubahan industri ke arah Revolusi Industri 4.0 dan selari dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030 telah memberi perubahan kepada program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh IPT, tumpuan kepada program keusahawanan digital melalui penerapan elemen IR4.0, *internet of things*, data raya, program keusahawanan sosial, keusahawanan agro dan perkhidmatan selain program-

program peningkatan kemahiran keusahawanan yang bersifat *hands on* kepada pelajar yang dilihat bersetujuan dengan trend semasa keusahawanan pada masa kini.

KPT turut menjalankan kerjasama dengan Kementerian dan agensi – agensi strategik antaranya seperti pihak TEKUN dan SMECorp. dalam pembiayaan dana, MDEC dan juga MRANTI dalam peningkatan kemahiran khusus dan kolaborasi lain bagi membantu usahawan siswazah dalam memperoleh ilmu baharu yang dipraktikkan dalam pasaran, khidmat nasihat dan *mentorship*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL  
RAHMAN [LABUAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP menyatakan perancangan mengenai dasar utama Kementerian sebagai usaha dalam menstabilkan kos sara hidup yang mampan termasuk memastikan pergerakan inflasi kekal stabil.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan MADANI terus komited memastikan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan **holistik dan strategik** dalam menstabilkan **kos sara hidup**. Keprihatinan Kerajaan dalam isu ini dapat dilihat melalui usaha-usaha bersepdu yang bukan sahaja **mengawal harga barang**, tetapi juga **meningkatkan daya tahan ekonomi rakyat** secara menyeluruh.

### **1. Inflasi yang Stabil: Kunci kepada Kos Sara Hidup yang Mampan**

Untuk memahami isu kos sara hidup, kita harus melihat kepada faktor utama yang mempengaruhi harga barang dan perkhidmatan, iaitu **inflasi**. **Inflasi yang stabil** bermaksud kadar kenaikan harga barang dan perkhidmatan dalam ekonomi berlaku secara **terkawal, tidak terlalu mendadak dan seajar dengan pertumbuhan ekonomi serta peningkatan pendapatan rakyat**. Ini penting bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan kenaikan kos sara hidup yang drastik, manakala sektor ekonomi masih dapat berkembang dengan sihat.

Kerajaan mengambil pendekatan **seimbang** dalam memastikan inflasi kekal pada kadar yang terkawal melalui **kawalan harga, penguatkuasaan undang-undang, serta inisiatif peningkatan pendapatan rakyat**. Hasil daripada langkah-langkah yang dilaksanakan, inflasi terus menunjukkan trend **penurunan**. Pada **Disember 2024**, inflasi mencatat kadar **1.7%**, lebih rendah berbanding **1.8%** pada bulan sebelumnya. Ini adalah bukti jelas bahawa usaha Kerajaan berkesan dalam **mengawal kenaikan harga dan menstabilkan kos sara hidup rakyat**.

### **2. Strategi Menyeluruh Kerajaan: Pendekatan ‘Whole of Nation’**

Kerajaan memahami bahawa kestabilan kos sara hidup dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk **harga barang, pendapatan rakyat, dan pertumbuhan ekonomi**. Oleh itu, **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** terus menggalas tanggungjawab sebagai penyelaras utama melalui **Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)**.

Majlis ini berfungsi sebagai platform **utama** yang memastikan semua **kementerian dan agensi berkaitan bekerjasama** dalam **merangka dasar, hala tuju dan strategi berkesan** bagi menstabilkan kos sara hidup secara mampan.

### **3. Penguatkuasaan dan Perlindungan Pengguna**

Dalam memastikan kestabilan harga barang keperluan asas, Kerajaan melalui KPDN telah memperhebatkan **penguatkuasaan** di bawah beberapa **akta penting**, termasuk:

- 1. Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122)**
- 2. Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (Akta 723)**
- 3. Akta Persaingan 2010 (Akta 712)**
- 4. Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599)**

Selain itu, operasi bersepada seperti **OPS KITA GEMPUR** serta **pemantauan harga di 1,600 premis seluruh negara** telah membantu **mengawal kenaikan harga yang tidak munasabah**.

### **4. Peranan Aktif Pengguna dalam Menstabilkan Harga**

Kerajaan turut menggalakkan rakyat memainkan **peranan aktif** sebagai **pengguna bijak** dengan menggunakan **Aplikasi Price Catcher**, yang membolehkan perbandingan harga barang keperluan asas sebelum membuat pembelian.

**Ini bukan sahaja memberi lebih kawalan kepada pengguna, tetapi juga menggalakkan peniaga bersaing secara sihat.**

### **5. Sokongan Ekonomi Jangka Panjang: Meningkatkan Pendapatan Rakyat**

Kerajaan tidak hanya menumpukan kepada kawalan harga, tetapi juga memastikan rakyat memperoleh pendapatan yang setimpal melalui dasar-dasar berikut:

1. **Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)**
2. **Dasar Gaji Progresif** bagi memastikan keadilan dalam penggajian
3. **Semakan berkala Perintah Gaji Minimum**
4. **Peluang pekerjaan berpendapatan tinggi melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)**
6. **Inisiatif Bantuan Langsung untuk Rakyat**

Bagi meringankan beban kos sara hidup, Kerajaan turut memperkenalkan pelbagai bantuan langsung termasuk:

1. **Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA)** dinaikkan kepada RM4,600 mulai 2025
2. **Bantuan Awal Persekolahan (BAP) RM150** diperluaskan kepada pelajar Tingkatan Enam
3. **Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM)** dan **Program Jualan Agro MADANI (JAM)** diperluaskan
4. **BUDI Individu RM200 sebulan secara tunai** serta **BUDI MySubsidi Diesel**

#### **Kesimpulan: Keberkesanan Dasar Kerajaan MADANI**

Kesemua usaha ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan bukan sahaja **cakna terhadap kos sara hidup**, malah mengambil **tindakan proaktif dan strategik** untuk memastikan **kestabilan harga serta kesejahteraan ekonomi rakyat**.

Melalui gabungan **pengawalan harga, perlindungan pengguna, peningkatan pendapatan, serta bantuan langsung**, Kerajaan **MADANI** akan terus memperjuangkan kepentingan rakyat dengan memastikan **setiap dasar yang**

NO SOALAN : 15

**dirangka benar-benar memberikan manfaat kepada semua golongan.**

Sekian, terima Kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan pecahan kes jenayah yang melibatkan warga asing termasuk pemegang kad UNHCR di negara ini dalam tempoh tiga tahun terkini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik Jenayah Indeks adalah merupakan petunjuk utama situasi semasa jenayah negara. Pengukuran Jenayah Indeks mengambil kira jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikasi yang boleh dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada tahap jenayah di sesuatu tempat. Jenayah Indeks dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

Untuk makluman, kes jenayah indeks yang melibatkan warga asing termasuk pemegang kad UNHCR di negara ini yang berlaku dari tahun 2022 hingga tahun 2024 yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak **547 kes**. Daripada jumlah ini, tahun **2024** merekodkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak **197 kes**. Manakala kes terendah direkodkan pada tahun **2022** iaitu sebanyak **168 kes**. Pecahan kes jenayah yang melibatkan warga asing termasuk pemegang kad UNHCR di negara ini bagi tempoh 2022 hingga 2024 adalah seperti yang berikut:

- i. Pada **tahun 2022** sebanyak **168 kes** telah dilaporkan;
- ii. Bagi **tahun 2023** pula sebanyak 182 kes telah dilaporkan; dan
- iii. Pada **tahun 2024** sebanyak 197 kes telah dilaporkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK  
BEGRI [BETONG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- a. bagaimana Kementerian menangani isu ketirisan perbelanjaan dalam sektor awam terutamanya dalam projek-projek besar dan strategik
- b. apakah mekanisme pengawasan dan pemantauan yang dilaksanakan untuk mengelakkan pembaziran dan penyelewengan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kewangan sentiasa memastikan tatakelola perolehan Kerajaan yang ketat bagi mengelakkan ketirisan perbelanjaan dalam sektor awam terutamanya melibatkan projek-projek besar dan strategik. Kementerian Kewangan telah menetapkan supaya proses perolehan Kerajaan dilaksana berteraskan kepada lima (5) prinsip utama iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah terbaik, mewujudkan saingan terbuka serta adil dan saksama termasuk melibatkan projek-projek besar dan strategik. Perolehan yang diguna pakai oleh Kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan awam di peringkat antarabangsa yang mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka dan amalan ini masih diteruskan pada masa ini.
2. Kerajaan sentiasa memperkasakan mekanisme pengawasan dan pemantauan disetiap peringkat bagi menangani isu ketirisan perbelanjaan dalam sektor awam terutamanya dalam projek-projek besar dan strategik. Oleh itu, Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPA) diperingkat Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal. JKPA antara lain berfungsi untuk memantau pengurusan bajet, pengurusan perakaunan, pengurusan perolehan termasuk memastikan semua projek Kerajaan ditadbir dengan cekap dan telus serta memantau kemajuan pelaksanaan projek agar tidak mengalami kelewatan atau menjadi projek sakit.
3. Di samping itu Kerajaan juga telah menetapkan supaya Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) perlu diadakan secara berkala dengan tujuan membuat perancangan, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan supaya dapat dilaksanakan dengan sempurna.

4. Di peringkat tertinggi pula, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) akan memantau mekanisme penyelarasan pelaksanaan pembangunan negara melalui 2 platform utama seperti Majlis Tindakan Pembangunan Negara (MTPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri berfungsi untuk memutuskan strategi pelaksanaan dan hala tuju penyelesaian agenda pembangunan negara. Manakala Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) akan berfungsi memastikan keputusan MTPN dilaksanakan dengan mencari jalan penyelesaian ke atas isu dan masalah pelaksanaan projek dan program pembangunan.
5. Jabatan Audit Negara melalui pasukan Audit Pematuhan dan Prestasi secara berkala dan bersasar melaksanakan semakan pematuhan tatakelola perolehan Kerajaan di semua agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat milik Kerajaan dalam usaha membendung gejala pembaziran dan penyelewengan. Selain itu setiap agensi Kerajaan telah diwujudkan Unit Audit Dalam dan Unit Integriti bertujuan antaranya untuk memantau pengurusan kewangan dan perolehan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk menarik balik lesen pengusaha bas sekolah yang menaikkan kadar tambang atas alasan kenaikan harga diesel seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar tambang bas sekolah telah diliberalisasikan sejak 1 Januari 2015. Semua kadar tambang yang dikenakan oleh pengendali adalah bergantung kepada rundingan di antara pihak pengendali dan pihak sekolah serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).
2. Kementerian Pengangkutan (MOT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif agar pelajar-pelajar sekolah dapat pergi ke sekolah menggunakan pengangkutan awam pada kadar yang berpatutan. Di Lembah Klang, rapidKL menyediakan kad konsesi kepada pelajar sekolah yang menawarkan diskaun 50% untuk perkhidmatan bas RapidKL, BRT, LRT, MRT dan Monorel. Selain itu, RapidKL telah memperkenalkan perkhidmatan Demand Responsive Transit (DRT) menggunakan van dengan jenama RapidKL On Demand pada kadar promosi RM1 setiap perjalanan. Sejumlah 300 van akan diperkenalkan secara berfasa. Perkhidmatan juga akan merangkumi Pulau Pinang.
3. Sebagai tambahan, selaras dengan pengumuman Belanjawan 2025, Prasarana akan melaksanakan *Proof of Concept* perkhidmatan DRT yang memberikan fokus kepada kawasan sekolah dengan dua laluan awal seperti berikut:
  - a. LRT Sri Rampai ke Giant Ulu Kelang dan SMK Seksyen 5, Wangsa Maju; dan
  - b. LRT Melati ke Danau Kota, SMK Gombak Setia Seksyen 1 dan 2, SRA Al-Nawawi, Setapak serta SRA Zaid Harithah, Gombak
4. Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) kini juga dalam proses untuk memperluaskan Program

NO SOALAN : 18

Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST) menggunakan jenama BAS.MY di Johor Bahru, Melaka, Seremban, Ipoh, Kota Setar, Kangar, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu. Kawasan sekolah telah diambil kira dalam rancangan jajaran perkhidmatan BAS.MY. Pelajar-pelajar sekolah juga boleh menikmati tambang percuma melalui Kad Konsesi BAS.MY.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakakah serbuan dan tangkapan yang dibuat di bawah Ops Dadu untuk membanteras kegiatan judi atas talian di Sarawak serta usaha untuk memastikan laman sesawang judi atas talian ini tidak dapat diakses oleh kanak-kanak dan remaja di bawah umur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2024, berdasarkan rekod Op Dadu di bawah Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang membanteras kegiatan perjudian dalam talian di negeri Sarawak, sebanyak 1,046 serbuan dan seramai 1,126 individu telah ditangkap.

Tuan Yang di Pertua,

Untuk memastikan laman sesawang judi dalam talian ini tidak dapat diakses, Kementerian dan PDRM telah:

- i. bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi sekatan laman sesawang perjudian di bawah seksyen 263(2), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Pada tahun 2024 sejumlah 485 permohonan sekatan laman web telah direkodkan berbanding 683 permohonan pada tahun 2023 iaitu penurunan sebanyak 198 permohonan; dan
- ii. bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan utiliti ke atas premis-premis terselindung yang sering digunakan oleh sindiket perjudian. Ketiadaan utiliti ini akan menyebabkan pelayan (*server*) bagi laman sesawang judi dalam talian tidak dapat berfungsi dan akan menghentikan aktiviti-aktiviti perjudian yang dijalankan.

PDRM juga telah mencadangkan agar penelitian undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan *modus operandi* sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (*online*). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut terlibat dalam kajian penambahbaikan undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) supaya selaras dengan perkembangan semasa.

NO SOALAN : 19

Sekian. terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan mekanisme yang digunakan oleh Kementerian bagi menilai keberkesanan inisiatif baharu program Ihsan Cashback dan i-Mesra bagi memastikan golongan sasar terutamanya B40 di kawasan luar bandar mempunyai akses yang mudah bagi memanfaatkan kedua-dua program ini.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Ihsan *Cashback* dan Sistem i-Mesra adalah merupakan usaha sektor GLC dan swasta di bawah Inisiatif Ihsan RAHMAH MADANI yang bertujuan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat dan meningkatkan daya saing peniaga tempatan terutamanya dalam sektor makanan dan minuman.

Sistem i-Mesra adalah sebuah platform pengurusan perniagaan digital yang bertujuan membantu pengusaha perkhidmatan makanan untuk mengurus inventori, memberi rujukan bahan ramuan menyeluruh kepada pengguna, pengurusan kewangan, pemasaran, proses pengesahan digital, perlindungan liabiliti dan keuntungan bersama. Sistem ini telah dibangunkan oleh Halal Development Corporation (HDC) dengan kerjasama pihak swasta, bertujuan menyokong perniagaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS), terutamanya dalam sektor makanan dan minuman.

Program Ihsan *Cashback* pula adalah program yang menawarkan insentif berbentuk pulangan tunai melalui e-dompet atas pembelian yang dibuat melalui rangkaian rakan kongsi i-Mesra. Program ini bertujuan membantu pengguna untuk menjimatkan perbelanjaan, meningkatkan daya beli dalam ekonomi Malaysia dan mengekalkan sokongan kepada peniaga tempatan. Antara ciri-ciri utamanya adalah untuk mempromosikan kempen beli barang Malaysia, rangkaian yang luas, proses penebusan ganjaran yang fleksibel, dan penebusan saluran silang untuk pelbagai perkhidmatan di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pra-pelancaran bagi dua inisiatif ini telah diadakan pada 14 Julai 2024. Program ini masih dalam peringkat fasa awal serta masih belum dilaksanakan secara sepenuhnya, di mana hanya program perintis bagi mendapat info penerimaan usahawan sedang dilaksanakan. Mekanisme bagi kedua-dua program ini sedang ditambah baik, dan pihak Kementerian akan menguar-uarkan mengenai ketersediaan program ini kelak.

Kementerian ini akan sentiasa menyokong inisiatif pihak GLC dan swasta untuk membantu mendaya upayakan pengguna dan meransang serta meningkatkan ekonomi domestik melalui perdagangan pengedaran dan perniagaan yang

NO SOALAN : 20

akhirnya dapat membantu rakyat untuk meringankan beban kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tarikh sebenar jangkaan siap pembinaan Lapangan Terbang Tanjung Labuh, UTHM, Batu Pahat serta jumlah kos yang telah dibelanjakan sehingga kini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), projek pembangunan Pusat Teknologi Aeronautik melibatkan Aerodrom Tanjung Laboh di UTHM telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 4*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMK-11) untuk dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kos sebanyak RM15 juta.
2. Projek ini dijangka siap pada hujung tahun 2025 dengan jumlah anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM18.2 juta. Sehingga Disember 2024, jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk pelaksanaan projek adalah sebanyak RM5.8 juta.
3. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) telah menerima permohonan rasmi daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 14 November 2024 untuk menubuhkan Aerodrom Tanjung Laboh di UTHM Kampus Tanjung Laboh, Batu Pahat, Johor selaras dengan Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016.
4. Pihak CAAM seterusnya telah melaksanakan penilaian teknikal berdasarkan *Preliminary Technical Study* (PTS) termasuk penggunaan ruang udara piawaian aerodrom sedia ada berdasarkan permohonan tersebut. Berdasarkan penilaian tersebut, CAAM berpandangan bahawa isu pertindihan Tanjung Laboh *Control Traffic Region* (CTR) dengan dua kawasan ruang udara terhad WMR240A - had ketinggian sehingga 5500 kaki dan WMR240B – had ketinggian sehingga 5000 kaki serta kawasan ruang udara terhad WMR226 yang dikawal oleh Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) Kluang wajar diteliti semula bagi mengelakkan risiko keselamatan operasi penerbangan ketika kedua-dua kawasan ruang udara terhad ini diaktifkan.

5. Selain itu, pihak UTHM perlu melaksanakan sesi libat urus yang menyeluruh dengan semua pihak berkepentingan untuk membincangkan penyelesaian berkaitan isu pertindihan dan jarak ruang udara terhad melibatkan pihak berkepentingan.
6. Dalam hubungan ini, pihak UTHM sedang melaksanakan kajian lanjut berkenaan kebolehlaksanaan dari sudut pengurusan ruang udara di Tanjung Laboh dan akan mengemukakan semula permohonan menubuhkan Aerodrom Tanjung Laboh yang ditambah baik untuk penilaian semula CAAM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya kita gagal menjelaskan premium insurans kenderaan kesan seperti tidak boleh baharui cukai jalan, perlindungan terbatal, insurans luput, premium baru lebih mahal dan memberi kesan terhadap skor kredit. Mengapa ada kesan pada skor kredit yang akhirnya mempengaruhi rekod dalam CCRIS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. CCRIS (*Central Credit Reference Information System*) ialah sebuah pangkalan data yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selaras dengan peruntukan seksyen 47, Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701] untuk mengumpul dan menzahirkan maklumat kredit peminjam kepada institusi kewangan dan agensi pelaporan kredit swasta yang terpilih dengan persetujuan daripada peminjam tersebut.
2. Laporan CCRIS hanya menyediakan maklumat faktual seperti data pengenalan diri peminjam yang penting (seperti nama, nombor pengenalan diri, dan tarikh lahir) serta maklumat berkaitan permohonan kredit dan pinjaman yang dikeluarkan (seperti jenis kemudahan kredit, sejarah pembayaran balik dan had kredit).
3. Namun demikian, **laporan CCRIS tidak mempunyai maklumat berkenaan premium insurans kenderaan.** Laporan CCRIS juga tidak menyediakan sebarang skor kredit atau membuat sebarang penilaian mengenai kelayakan kredit peminjam.
4. Laporan CCRIS ialah salah satu sumber maklumat yang digunakan oleh institusi kewangan untuk membantu penilaian kepercayaan kredit (atau *creditworthiness*) peminjam sedia ada atau bakal peminjam mereka. Institusi kewangan turut mengumpul lain-lain maklumat tentang peminjam daripada sumber selain CCRIS, seperti agensi pelaporan kredit swasta untuk menilai risiko kredit peminjam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KAR HING [GOPENG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN TAN KAR HING [GOPENG]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha Kementerian dalam menangani krisis yang tidak terduga berkaitan pemasangan aset-aset utiliti yang berada di bawah tanah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) komited untuk bekerjasama dan membantu pihak berkuasa serta agensi Kerajaan yang lain dalam usaha untuk menangani bencana atau krisis yang tidak terduga berkaitan pepasangan aset-aset utiliti bawah tanah. Dalam hal ini, NRES melalui Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah melaksanakan beberapa inisiatif melibatkan pengurusan dan perkongsian data berkaitan utiliti bawah tanah seperti berikut:
  - i. Pertama, melalui pembangunan dan penyelenggaraan Pangkalan Data Utiliti Kebangsaan (PADU) yang berperanan mengumpul dan menyimpan data utiliti bawah tanah yang dibekalkan oleh penyedia perkhidmatan utiliti, Jabatan Kerja Raya (JKR), Juruukur Tanah Berlesen (JTB) serta pelbagai agensi lain. PADU merupakan pusat rujukan utama bagi mendapatkan maklumat kedudukan laluan utiliti bawah tanah bertujuan untuk membolehkan pasukan penyelamat membuat keputusan yang tepat dan pantas semasa situasi krisis atau bencana.
  - ii. Inisiatif kedua adalah melalui pewujudan Augmented Reality for Underground Utility Mapping Systems (ARUUMS) yang merupakan satu aplikasi mudah alih bagi membolehkan pengguna atau pasukan penyelamat mendapatkan gambaran berkaitan maklumat utiliti bawah tanah secara 3 dimensi (3D) dengan pantas secara real time. Kaedah pemetaan secara interaktif ini akan membolehkan data-data pemetaan utiliti bawah tanah disemak secara maya di lokasi bencana.
  - iii. Di samping itu, JUPEM juga telah mewujudkan satu Pusat Panggilan Setempat Utiliti Bawah Tanah (Underground Utility Call Centre) sebagai sebuah platform perkongsian data pemetaan utiliti bawah tanah dengan pihak-pihak yang memerlukan sebelum kerja-kerja

pengorekan pepasangan utiliti dijalankan. Selain itu, ia juga boleh dimanfaatkan sebagai pusat rujukan sekiranya berlaku sebarang krisis atau bencana melibatkan pepasangan utiliti bawah tanah.

- iv. Inisiatif keempat adalah penyediaan dokumen Peraturan Tetap Operasi (PTO) berkaitan bencana utiliti. Menyedari kepentingan mewujudkan mekanisme pengurusan bencana secara menyeluruh dan sistematik, JUPEM juga telah mengeluarkan dokumen Peraturan Tetap Operasi (PTO) Penyampaian Maklumat Geospatial Bencana yang merangkumi sepuluh (10) jenis bencana termasuk bencana utiliti. Melalui dokumen ini, satu garis panduan yang komprehensif disediakan untuk dipatuhi oleh semua pegawai JUPEM yang terlibat dalam pengurusan, penyampaian dan pengemaskinian maklumat geospatial kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) sekiranya berlaku sebarang bencana yang melibatkan aset-aset utiliti.
2. Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, data pemetaan utiliti bawah tanah yang lengkap dan komprehensif dapat disediakan, dikemaskini dan dikongsi dengan pihak berkuasa serta pasukan penyelamat yang terlibat seterusnya membantu memastikan pengurusan krisis atau bencana di negara ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIMBANDAR  
BAHARU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIMBANDAR BAHARU]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah penyelesaian pihak Kementerian terhadap isu membabitkan salah laku dan pelanggaran tatacara dalam kalangan warga IPTA dan IPTS berikutan laporan kes gangguan seksual yang didakwa melibatkan seorang warga pendidik di Universiti Malaya baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian sentiasa peka dan memandang serius sebarang aduan yang melibatkan isu salah laku dan pelanggaran etika dalam kalangan warga Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS).
2. Dalam hal ini, warga IPTA adalah tertakluk kepada:
  - i. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia - Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam,
  - ii. Peraturan-Peraturan Pegawai (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang antara lain menyatakan bahawa beliau *“tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.”*, dan
  - iii. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] yang terpakai kepada semua kakitangan Universiti Awam (berstatus Badan Berkanun Persekutuan).
3. Berkenaan laporan kejadian di Universiti Malaya (UM), pihak universiti sedang menjalankan siasatan mengikut Kod Bebas Eksplotasi Penganiayaan dan Gangguan Seksual di UM bagi mendapatkan bukti yang menyokong kepada kes yang dinyatakan.
4. Orang Yang Diadu telah ditahan kerja bagi tempoh dua (2) bulan untuk memastikan siasatan berjalan dengan lancar.
5. Pengadu juga telah dimaklumkan oleh Unit Integriti UM bahawa beliau boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling daripada Pusat Kaunseling dan Pemerkasaan OKU, UM.

6. Unit Integriti UM juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memberi kesedaran mengenai gangguan seksual dengan menyebarkan definisi gangguan seksual, saluran aduan, serta implikasi bagi kes yang bersalah melalui e-mel dan poster di Pusat-Pusat Tanggungjawab UM. Malah, Program Integriti 2025 yang berfokus kepada gangguan seksual juga telah dirancang sebagai salah satu topik yang akan diketengahkan.
7. Di peringkat IPTS pula, secara umumnya, usaha menangani kes gangguan seksual adalah termasuk di bawah Subseksyen 30(1) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kekangan PUSPAKOM dalam mengesan kenderaan perdagangan yang menggunakan alat ganti sewa ketika pemeriksaan di fasiliti tersebut dan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan pemeriksaan yang lebih terperinci dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) mengambil maklum berhubung kebimbangan terhadap aktiviti sindiket yang menawarkan sewaan tayar atau alat ganti untuk tujuan manipulasi kelulusan pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM. Isu ini merupakan tindakan yang tidak bertanggungjawab dan mendatangkan kesan yang buruk terhadap keselamatan jalan raya dan integriti sistem pemeriksaan kenderaan yang dilaksanakan.
2. Aktiviti penukaran tayar yang secara asasnya sah dari segi undang-undang dan perlu dilakukan bagi memenuhi syarat pemeriksaan. Namun, masalah timbul apabila berlaku manipulasi, yang mana tayar yang telah memenuhi piawaian pemeriksaan ditukar semula kepada tayar lama atau tidak selamat selepas pemeriksaan selesai. Dalam hal, MOT akan mengkaji kerangka perundangan sedia ada untuk mengenal pasti sekiranya terdapat ruang bagi menggubal undang-undang atau peraturan sedia ada bagi mengenakan tindakan tegas atau penalti terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti menyewakan atau menggunakan alat ganti sewa semasa pemeriksaan di PUSPAKOM.
3. Pada masa yang sama, MOT melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melaksanakan penguatkuasaan secara bersepadu terhadap ekosistem yang terlibat dalam sindiket ini merangkumi pembekal/kedai yang menawarkan perkhidmatan sewa tayar, orang tengah (*runner*) dan pemilik kenderaan terbabit.
4. Selain itu, MOT melalui JPJ akan mempergiatkan penguatkuasaan terhadap kenderaan berat dengan melaksanakan pemeriksaan mengejut (*spot checks*) di lokasi strategik selepas pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM. Selain itu, Pasukan Unit Penguatkuasaan Lebuhraya (UPLR) turut ditubuhkan oleh JPJ untuk meningkatkan pematuhan

kenderaan perdagangan terhadap peraturan, khususnya di lebuh raya dan laluan utama yang mempunyai aliran trafik tinggi. Tugas UPLR merangkumi:

- a. Memantau secara visual ketebalan tayar kenderaan berat yang beroperasi di jalan raya;
  - b. Menguatkuasakan peraturan terhadap kenderaan perdagangan yang membawa lebih muatan atau memandu di lorong kanan secara berterusan;
  - c. Memeriksa aksesori yang mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya, seperti kayu penyendal yang tidak diikat dengan baik; dan
  - d. Mengambil tindakan terhadap kenderaan yang berhenti di lorong kecemasan atau tepi lebuh raya tanpa alasan kukuh.
5. Pada masa jangka masa panjang, MOT dengan kerjasama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) akan mengkaji kaedah yang lebih efektif dengan menggunakan penerapan teknologi bagi menangani isu manipulasi sewa tayar bagi kelulusan pemeriksaan kenderaan.
  6. Di samping itu, MOT secara terus akan melaksanakan program kerjasama dalam bentuk advokasi, kesedaran, dan latihan yang akan dijalankan bersama agensi seperti JPJ, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan lain-lain agensi bagi memastikan pematuhan yang lebih baik terhadap piawaian keselamatan.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :**

a. pendirian Kementerian berhubung laporan penghantaran notis kepada ribuan peminjam PTPTN sejak Disember lalu disertakan dengan ancaman tindakan mahkamah sekiranya gagal melunaskan pinjaman PTPTN

b. usaha pembaharuan Kementerian untuk mewujudkan kerangka pembiayaan PTPTN yang mampan bagi menampung keperluan peminjam baharu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Pendekatan yang diambil oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) iaitu penghantaran makluman mula bayar balik, surat-surat peringatan, diikuti dengan notis tindakan untuk peminjam mula membuat bayaran balik adalah merupakan tindakan-tindakan yang dibenarkan dan termaktub dalam perjanjian pinjaman yang ditandatangani oleh peminjam.
2. Ingin saya perjelaskan di sini bahawa notis-notis yang dikeluarkan bukanlah untuk mengancam peminjam, sebaliknya untuk mengingatkan mereka mengenai tanggungjawab membuat bayaran balik pinjaman sekiranya berkemampuan.
3. PTPTN sentiasa terbuka dan mengalu-alukan peminjam yang menghadapi kesukaran atau tidak berkemampuan membayar balik pinjaman mereka untuk segera tampil berunding.
4. Rundingan ini boleh dibuat untuk menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan, atau membuat penangguhan bayaran balik pinjaman mengikut kelonggaran yang dibenarkan oleh PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua,

(b)

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, model pembiayaan PTPTN adalah bergantung kepada kutipan bayaran balik pinjaman sebagai sumber utama dana pusingan, di mana sebarang kekurangan ke atas keperluan dana ini terpaksa ditampung dengan pembiayaan daripada institusi kewangan tempatan atau pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.
6. Menyedari bahawa kebergantungan berterusan ke atas jaminan Kerajaan adalah tidak mampan untuk jangka masa panjang, usaha berterusan untuk memperkasa kutipan bayaran balik, terutamanya kepada peminjam yang berkemampuan perlu dibuat bagi memastikan terdapat dana pusingan yang mencukupi setiap tahun untuk memberi pinjaman kepada peminjam aktif sedia ada serta peminjam baharu.

7. Antara inisiatif PTPTN adalah dengan memberi alternatif kepada ibu bapa untuk membuat perancangan dan tabungan awal bagi tujuan pendidikan anak-anak mereka melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang menawarkan pelbagai insentif menarik. Strategi jangka masa panjang ini dilihat boleh membantu mengurangkan kebergantungan berterusan pelajar kepada pinjaman pendidikan di masa akan datang.
8. Di samping itu, PTPTN turut memperkenalkan produk wakaf tunai pendidikan iaitu "myWaqafPTPTN" melalui kerjasama strategik bersama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), di mana individu, korporat, NGO dan dana antarabangsa boleh membuat sumbangan.
9. Dana tersebut seterusnya boleh dikembangkan dan digunakan untuk menaja pelajar yang layak dalam bentuk biasiswa bagi melanjutkan pengajian mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian membangunkan pengangkutan awam di pekan-pekan dan bandar kecil seperti Muar-Bakri bagi membantu penduduk menghadapi masalah kesesakan yang semakin serius dalam bandar dan perhubungan dengan bandar luar terutama dengan bandar utama seperti JB/KL.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pada masa ini terdapat satu laluan perkhidmatan bas berhenti-henti bertambang yang menghubungkan Bandar Muar dan Pekan Bakri di bawah syarikat Omega Pertiwi Sdn Bhd, selain perkhidmatan percuma Bas Muafakat Johor (BMJ) laluan MU003) yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Muar. Selain itu, Bandar Muar turut dihubungkan dengan kawasan sekitarnya melalui lima perkhidmatan BMJ. Bandar Muar juga dihubungkan melalui perkhidmatan bas ekspres ke bandar/ pekan di Semenanjung Malaysia, termasuk Kuala Lumpur dan Johor Bahru.
  
2. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) terbuka untuk menerima cadangan laluan baharu khususnya di Muar, sama ada daripada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau pengendali bas berhenti-henti dalam usaha sama memperluas rangkaian pengangkutan awam sedia ada agar menggalakkan penggunaannya dari orang awam. Permohonan untuk penyediaan laluan bas berhenti-henti di luar bandar perlu dikaji terlebih dahulu oleh pihak yang mencadangkan, terutamanya dari aspek keperluan permintaan dan kesesuaian liputan laluan di sesuatu kawasan agar pengurusan pengangkutan di sesuatu kawasan tersebut lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN ABD.  
MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN ABD. MUTTALIB [MARAN] minta  
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :**

- a. apakah Kementerian sudah mengkaji faktor utama berlakunya kemalangan yang berpunca daripada jentera berat (bas dan lori) yang semakin kerap berlaku dan kadangkala menyebabkan kehilangan ramai nyawa yang tidak bersalah
  
- b. berapa jumlah kemalangan melibatkan jentera berat ini sejak tahun 2021-2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui data siasatan kemalangan terperinci oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) antara tahun 2011 hingga 2016 yang melibatkan kenderaan bas dan lori, 71% disebabkan oleh faktor manusia – 35% pemanduan berbahaya (*risky driving*), 24% memandu laju (*speeding*), 11% kelesuan (*fatigue*) dan 1% memandu di bawah pengaruh alkohol/ ubat-ubatan mengantuk (DUI).
2. Selain itu, daptan melalui Pemeriksaan dan Audit Keselamatan (JISA) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga menunjukkan kadar pematuhan Kod Amalan Industri (ICOP) yang tidak memuaskan di kalangan pengendali kenderaan berat berkemungkinan meningkatkan risiko kemalangan di jalan raya kerana kurangnya pengurusan keselamatan pekerjaan berkaitan jalan raya dalam syarikat tersebut. Ini juga dapat dilihat apabila kurangnya pemantauan dilakukan secara proaktif terhadap pemanduan pemandu melalui Sistem Penjejak Sejagat (GPS) yang dipasang pada kenderaan.
3. Bagi statistik kemalangan melibatkan jentera berat sejak tahun 2021 – 2024 adalah sebanyak 153,904 dengan pecahan sebanyak 15,134 bagi bas dan 138,770 bagi lori. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:
  - a. 2021: Bas (2,092) dan lori (32,761). Jumlah: 34,853;
  - b. 2022: Bas (3,552) dan lori (34,941). Jumlah: 38,493;
  - c. 2023: Bas (4,545) dan lori (34,719). Jumlah: 39,264; dan
  - d. 2024: Bas (4,945) dan lori (36,349). Jumlah: 41,294.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI [RAUB]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHOW YU HUI [RAUB]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- a. bilangan pelajar peringkat sarjana muda (warganegara Malaysia) di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), diklasifikasikan mengikut kategori pendapatan isi rumah, B40, M40 dan T20
- b. bentuk bantuan yang disediakan oleh universiti kepada pelajar B40 bagi memastikan akses kepada pendidikan tinggi yang lebih inklusif.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), jumlah enrolmen pelajar warganegara di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2024 (sehingga September 2024) di peringkat Sarjana Muda adalah seramai 345,648 orang.
2. Daripada jumlah tersebut, bilangan pelajar daripada kategori pendapatan isi rumah B40 adalah seramai 235,335 orang, diikuti dengan M40 seramai 76,617 orang dan akhir sekali, T20 seramai 33,696 orang.
3. Dalam hubungan ini, bagi memastikan akses kepada pendidikan tinggi yang inklusif, pelbagai bentuk inisiatif dan bantuan kepada pelajar berkeperluan di IPTA terutamanya daripada golongan B40 telah disediakan oleh KPT, antaranya:
  - i. pelaksanaan Program Pembangunan Siswa Sulung (SULUNG) iaitu pemberian pengecualian yuran universiti kepada individu pertama dalam keluarga B40 yang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA),
  - ii. keutamaan diberikan kepada mahasiswa B40 tinggal di kolej kediaman sepanjang tempoh pengajian tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan universiti,
  - iii. pelaksanaan inisiatif MySiswa Meals iaitu program bantuan pemakanan secara percuma kepada mahasiswa berkeperluan termasuk B40 dengan sokongan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemain industri yang merangkumi:
    - a. pelaksanaan Program Food Bank Siswa iaitu inisiatif pengagihan barang makanan kering dan atau makanan ready-to-eat kepada mahasiswa berkeperluan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), rakan strategik dan pihak pengurusan IPTA, dan
    - b. inisiatif Dapur Hal Ehwal Pelajar (HEP) menerusi penyediaan kelengkapan atau peralatan asas memasak di “dapur” atau pantri yang dikenal pasti oleh

pihak IPTA bagi membolehkan mahasiswa menyediakan makanan ringkas tanpa mengeluarkan kos yang tinggi.

iv. selain itu, terdapat juga pemberian sumbangan dan bantuan oleh Yayasan Perkasa Siswa seperti Bantuan Pembiayaan Pendidikan (MySiswa Care) dan Bantuan Peranti (MySiswa Device), dan

v. pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) berjumlah RM1,500.00 oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada mahasiswa yang melanjutkan pengajian peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa yang mana ibu bapa atau penjaga mereka adalah Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada undang-undang berkaitan SOP lori mengangkut ikan busuk supaya pengusaha melengkapkan lori mereka dengan takungan air ikan busuk dan tidak melepaskan air busuk dan kotoran di atas jalan raya dan mencemarkan persekitaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) memandang serius isu melibatkan lori yang melepaskan air ikan busuk atau kotoran di atas jalan raya, yang bukan sahaja boleh mencemarkan persekitaran tetapi juga menjelaskan keselamatan pengguna jalan raya. Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] di bawah **Kaedah 92A, Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959** telah menetapkan tanggungjawab sepenuhnya terhadap pemandu kenderaan barang serta pemiliknya untuk memastikan tiada sebarang lelehan, tumpahan, taburan atau kebocoran bahan sama ada dalam bentuk cecair atau pepejal daripada kenderaan mereka.
2. Sekiranya berlaku pelanggaran terhadap peraturan ini, mana-mana individu yang terlibat boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti berikut:
  - i. **Kesalahan Pertama:** Denda tidak melebihi RM500 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan.
  - ii. **Kesalahan Berikutnya:** Denda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua bulan, atau kedua-duanya sekali.
3. Dalam hubungan ini, MOT menggesa semua pengusaha lori yang mengangkut bahan seperti ikan busuk supaya melengkapkan kenderaan mereka dengan takungan yang sesuai dan selamat untuk menampung air lelehan atau kotoran tersebut bagi memastikan ianya tidak mencemarkan jalan raya atau persekitaran.
4. Bagi menangani isu ini dengan lebih menyeluruh, orang ramai adalah digalakkan untuk membuat aduan kepada MOT melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau pihak berkuasa berkenaan sekiranya

NO SOALAN : 30

terdapat sebarang insiden yang sedemikian. Langkah ini akan membolehkan tindakan segera diambil terhadap pihak yang tidak mematuhi peraturan dengan menumpahkan cecair, air atau sisa busuk yang mencemarkan alam sekitar malah membahayakan pengguna jalan. MOT kekal komited dalam memastikan pengangkutan barang di jalan raya mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya serta menjaga kebersihan dan kesejahteraan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN  
ABDULLAH [PAYA BESAR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kementerian bagi memperkasa pensyarah dalam penyesuaian kepada ledakan teknologi seperti kecerdasan buatan dan automasi untuk melahirkan pelajar yang bersedia menghadapi dunia pekerjaan justeru memastikan pensyarah sentiasa relevan dan memberikan pengajaran berkualiti tinggi.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah merangka pelbagai inisiatif penting untuk meningkatkan pemerksaan pensyarah seiring ledakan teknologi seperti bidang kecerdasan buatan (AI) dan automasi. Salah satu langkah utama di peringkat KPT adalah penubuhan Fakulti AI (FAI) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang membolehkan tenaga pengajar AI terus dibangunkan dan seterusnya melahirkan graduan tersedia masa kini dan masa hadapan.
2. Melalui penubuhan FAI, UTM diamanahkan untuk membantu IPT lain dalam pembangunan kurikulum akademik AI dengan berkongsi pengalaman serta bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini memastikan pensyarah AI sentiasa relevan dan memberikan pengajaran berkualiti tinggi.
3. Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) turut menyediakan latihan dan kursus pembangunan profesional secara berterusan kepada pensyarah untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam PdP termasuk bengkel dan webinar melibatkan perisian pembelajaran interaktif, gamifikasi dan aplikasi Augmented Reality/ Virtual Reality (AR/ VR) untuk simulasi dalam bidang teknikal.
4. Selain itu, sistem PdP di IPT juga diterapkan dengan elemen AI mengikut keperluan masing-masing. Dalam hubungan ini, KPT telah mengeluarkan Garis Panduan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Tinggi untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi ini, selaras dengan hasrat KPT untuk melestarikan teknologi baharu dalam pendidikan.
5. Penubuhan Malaysia AI Consortium (MAIC) juga memainkan peranan penting dalam menyatukan pakar-pakar AI dari pelbagai IPT dan industri untuk memberikan nasihat, kepakaran, dan sumbangan kepada pembangunan bakat AI di Malaysia. KPT turut menggalakkan IPT menjalinkan kerjasama dengan institusi penyelidikan dan universiti terkemuka di peringkat antarabangsa untuk mempelajari amalan terbaik dan membawa teknologi serta pengetahuan terkini ke Malaysia dalam usaha menjadikan pensyarah AI di negara ini lebih relevan dan berkualiti.

6. KPT turut bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menubuhkan pusat kecemerlangan AI di universiti dan institusi penyelidikan, bagi menjadi pusat rujukan dan latihan dalam teknologi AI. Inisiatif ini menggalakkan inovasi, penyelidikan lanjutan, dan memperkasa bakat tenaga pengajar AI.
7. Dengan langkah-langkah ini, KPT berharap dapat melahirkan lebih ramai pensyarah yang mampu beradaptasi dengan teknologi yang sentiasa berkembang dan seterusnya melahirkan graduan yang kompeten dan bersedia menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah konstruktif dalam memberi pendidikan tentang kesedaran keselamatan jalan raya memandangkan sebanyak 532,125 kes kemalangan jalan raya dicatatkan pada tahun 2024.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) di Malaysia merupakan satu usaha kerjasama antara Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2007 dengan objektif mendedahkan murid-murid dengan pengetahuan keselamatan jalan raya melalui pendekatan sistem pendidikan formal.
2. Inisiatif jangka masa panjang ini bermula dari peringkat taska sehingga sekolah menengah bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran asas tentang keselamatan jalan raya dalam kalangan kanak-kanak agar mereka dapat memahami, menghayati serta mengamalkan langkah-langkah memelihara keselamatan diri di atas jalan raya dan menghormati hak pengguna jalan raya yang lain.
3. Modul PKJR Sekolah Rendah (Semakan 2016) mula dilaksanakan di seluruh Malaysia bermula pada 2019 dan diikuti dengan pelaksanaan Modul PKJR Sekolah Menengah Rendah (Semakan 2016) pada tahun 2020. Modul PKJR juga telah dikembangkan ke peringkat TASKA dan Prasekolah pada tahun 2023. Di samping itu, modul PKJR bagi murid kurang upaya penglihatan dan pendengaran peringkat rendah dan menengah telah berjaya dibangunkan pada tahun 2023 bagi mendekatkan jurang ilmu murid arus perdana dan Murid Berkeperluan Khas (MBPK).
4. Selain itu, selaras dengan landskap era digitalisasi pendidikan, e-Pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (ePKJR) juga telah dibangunkan melalui platform *Learning Management System* (LMS). Kursus dalam talian ini bertujuan untuk mempermudahkan akses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) PKJR bagi guru-guru. Sistem ini akan memperkuatkkan lagi kaedah penyerapan dan pelaksanaan PKJR di peringkat sekolah.

5. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) PKJR di sekolah juga diperkuuhkan melalui aktiviti ko-kurikulum. Bagi Sesi Akademik 2023/ 2024, terdapat sebanyak 1,293 sekolah rendah dan menengah yang mempunyai Kelab Keselamatan Jalan Raya melibatkan keahlian seramai 36,830 orang murid. Pasukan Beruniform Kadet JPJ juga telah ditubuhkan di 339 buah sekolah menengah yang melibatkan seramai 23,620 murid. Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum akan menyemai sikap bertimbang rasa serta bertanggungjawab murid-murid ke atas keselamatan semua pengguna jalan raya dan seterusnya meningkatkan pembudayaan keselamatan jalan raya di kalangan murid-murid.
6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memupuk pembudayaan yang mementingkan keselamatan jalan raya, MOT melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah membentangkan cadangannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesesakan Jalan Raya (JKMKKJR) Bilangan 3 Tahun 2024 mengenai inisiatif pelaksanaan Program Komuniti Selamat di Jalan Raya (KITARA) dan Belia Malaysia Penggerak Keselamatan Jalan Rata (MyBARA).
7. Program ini adalah bagi memperkasa komuniti dalam aktiviti keselamatan jalan raya serta memperkasa golongan belia melalui program MyBARA dengan kerjasama kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimana Kementerian bercadang untuk mencapai matlamat tenaga lestarinya kerana dasar semasa yang kurang menarik bagi pelabur dan industri untuk menghasilkan tenaga hijau mereka sendiri pada kos yang berpatutan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2024, pencapaian sasaran peralihan tenaga dan pembangunan tenaga lestari negara adalah sebanyak 28%, bersamaan 11.3 Gigawatt (GW) berbanding sasaran titik pencapaian (*milestone*) peralihan tenaga negara yang pertama iaitu 31% atau 12GW pada akhir tahun 2025. Mengambil kira inisiatif dan program penjanaan tenaga boleh baharu (TBB) yang telah diperkenalkan Kerajaan serta sambutan pemegang taruh dan kemajuan pelaksanaannya, kapasiti terpasang TBB dalam pembekalan elektrik negara akan mencapai sasaran 31%, menjelang penghujung tahun ini.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) komited dalam meneruskan usaha untuk memastikan sasaran titik pencapaian seterusnya iaitu 40% kapasiti terpasang TBB pada tahun 2035 dan 70% pada tahun 2050 dapat dicapai, dengan melakukan penyesuaian yang sewajarnya terhadap pelaksanaan program penjanaan TBB sedia ada di samping memperkenalkan program baharu yang bersesuaian untuk mewujudkan opsyen akses bekalan elektrik hijau kepada pelabur bernilai tinggi seperti pusat data dan pengguna industri berstatus RE100.

Penelitian khusus serta pemantauan berterusan terhadap pelaksanaan program sedia ada seperti *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS), *Low Carbon Energy Generation Programme* (LCEP), *Net Energy Metering* (NEM) dan *Solar for Self-consumption* (SelCo) yang membolehkan pelabur atau industri menghasilkan tenaga hijau untuk kegunaan sendiri serta membuat penyesuaian dasar dan langkah penampaikan yang sewajarnya, bagi memastikan program-program tersebut lebih berdaya saing dan dapat menarik minat pihak industri, namun pada masa yang sama tidak menjaskan keseimbangan trilema tenaga sehingga menyebabkan kenaikan tarif kepada pengguna elektrik secara umum.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan Malaysia Madani yang mengutamakan keperluan rakyat, tumpuan utama PETRA adalah sehabis baiknya mengekalkan tarif elektrik bagi pengguna elektrik pada kadar yang berpatutan dan mampu bayar. Manakala pihak industri yang memerlukan bekalan elektrik hijau yang merupakan satu komoditi premium di dalam aspek perbekalan elektrik perlu membayar pada kos yang setimpal untuk *additionality* tenaga elektrik hijau yang diperolehi melalui rangkaian grid sistem bekalan elektrik atau yang disokong oleh sistem bekalan elektrik negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana penekanan dari segi penyelidikan kolaboratif di dalam dan di luar negara menerusi rangkaian Kerjasama Strategik Industri bagi merapatkan jurang pengkomersialan produk penyelidikan di IPT, institut penyelidikan dan sektor swasta selain memperkuat platform perkongsian kepakaran serta meningkatkan kapasiti penyelidik dan industri.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa memberi penekanan dari segi penyelidikan kolaboratif di dalam dan di luar selain memperkuat platform perkongsian kepakaran serta meningkatkan kapasiti penyelidik dan industri.
2. Pada tahun 2024, dua (2) program geran penyelidikan bersama pihak industri telah dilaksanakan melibatkan kesemua 20 universiti Awam dan beberapa universiti swasta. iaitu:
  - i. Program Padanan Industri (IMaP):
    - Sebanyak 242 projek bersama pihak industri telah berjaya ditawarkan oleh pihak Kementerian melalui program ini.
    - Salah satu projek yang ditawarkan melibatkan industri luar negara yang bertapak di Malaysia iaitu ARCHIMEDES HOLDING BV (Space Science System Sdn Bhd) di bawah tajuk penyelidikan Development of a Real-Time 3D Localization System using UWB Technology (Bidang Elektrik dan Elektronik) oleh Universiti Malaysia Perlis.
    - Projek ini mempunyai nilai padanan berjumlah RM297,000 ribu daripada pihak Kementerian dan RM45,000 daripada pihak industri.
  - ii. Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS):
    - Pada tahun 2025, PRGS turut dibuka kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan jumlah peruntukan dana sebanyak RM7 juta.
    - Penglibatan IPT dan industri disasarkan kepada lebih dari sepuluh (10) industri di Malaysia untuk tahun 2025.
3. Dana Penyelidikan Padanan Antarabangsa (MyPAiR) pula bertujuan mempertingkat kerjasama penyelidikan antara IPT dengan industri tempatan serta agensi antarabangsa dalam bidang strategik.
4. MyPAiR diperkenalkan untuk memperkuat penyelidikan Malaysia melalui perkongsian dan kerjasama strategik, bukan hanya dalam aspek kepakaran tetapi juga dalam konteks yang lebih luas. Skop penyelidikannya merangkumi bidang-bidang penting yang selaras dengan agenda negara. Kerjasama penyelidikan dicapai melalui perkongsian kepakaran, sumber, peralatan dan infrastruktur.

5. Menerusi program ini, kerjasama pelbagai hala dalam penyelidikan dan pendidikan tinggi dengan negara-negara rakan kerjasama dapat diperkuuh.
6. Di bawah MyPAiR, sembilan (9) program atau geran penyelidikan padanan antarabangsa telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi ternama antarabangsa dari empat (4) negara iaitu Jepun, United Kingdom, Perancis, dan Sepanyol.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk mengurangkan kos sara hidup, terutama harga makanan asas yang terus meningkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat termasuk memastikan harga makanan, barang dan keperluan asas kekal stabil. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan Kawalan Harga Barang Bersubsidi bagi RON95, diesel (bagi sektor yang layak), LPG domestik dan minyak masak polibeg 1kg;
2. Melaksanakan Kawalan Harga Tanpa Subsidi bagi gula pasir putih bertapis dan minyak masak kemasan botol;
3. Mempergiatkan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM). Pada tahun 2024, sebanyak 12,260 PJRM telah dilaksanakan dan sebanyak RM155.04 juta telah dibelanjakan sebagai subsidi kepada rakyat. Pada 2025, peruntukan PJRM telah ditingkatkan kepada RM252 juta;
4. Mengadakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sebanyak enam (6) kali pada musim perayaan utama iaitu pada Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Gawai, Pesta Kaamatan dan Hari Krismas;
5. Melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu. Pada tahun 2024, peruntukan program sebanyak RM225 juta diperoleh untuk melaksanakan program ini di 203 zon meliputi 854 kawasan pengedaran dan 1,780 *Point of Sales*. Pada tahun 2025, peruntukan program ditingkatkan kepada RM250 juta untuk diperluaskan ke kawasan baharu di Magandai, Kota Marudu dan Nanga Pelawan, Bintulu dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KPDN juga sedang memperhebat aktiviti penguatkuasaan melalui kuasa perundangan yang diperuntukkan dalam mengawal, menyelia dan memantau ke atas harga barang yang ditawarkan kepada rakyat. KPDN komited dalam mengekang aktiviti pencatutan dan anti-persaingan dalam pasaran dan

seterusnya membanteras aktiviti kartel melalui perundangan seperti berikut :

1. Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122];
2. Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 [Akta 723];
3. Akta Persaingan 2010 [Akta 712];
4. Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599]; dan
5. pelbagai OPS yang telah dan sedang dilaksanakan.

KPDN juga terus melaksanakan pemantauan harga barang di seluruh negara melibatkan hampir 1,600 premis yang merangkumi enam (6) kategori barang iaitu barang basah, barang kering, barang berbungkus, makanan dan barang bayi, barang kebersihan serta minuman. Sekiranya terdapat kenaikan harga yang mendadak dan tidak munasabah, perkara tersebut akan segera disiasat di bawah Akta 723.

Pada Disember 2024, pergerakan inflasi kekal stabil malah semakin mereda pada kadar 1.7% lebih rendah berbanding 1.8% pada November 2024. Ini adalah bukti usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan berkesan dalam mengawal kenaikan harga yang mendadak termasuk harga makanan, barang dan perkhidmatan asas kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini siasatan isu salah laku berhubung sindiket visa perubatan yang dikeluarkan kepada warga asing dari beberapa negara tanpa mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Isu salah laku berhubung sindiket visa perubatan yang dikeluarkan kepada warga asing adalah masih dalam siasatan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC). Sejak bermulanya siasatan kes ini, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah memberi kerjasama sepenuhnya dengan membekalkan maklumat dan dokumen lain yang diperlukan oleh agensi tersebut. Sehingga kini seramai 22 orang pegawai JIM telah dipanggil oleh pihak EAIC untuk membantu siasatan.

JIM sentiasa memastikan pegawai dan kakitangannya mematuhi Akta, Peraturan, Prosedur Kualiti Operasi, Pekeliling, Arahan Tetap Ketua Pengarah dan arahan-arahan semasa yang sedang berkuatkuasa. JIM akan mengambil tindakan dan tidak akan melindungi sebarang salahlaku mana-mana pegawai. Kementerian Dalam Negeri memandang serius dan tidak berkompromi dengan sebarang pelanggaran integriti oleh mana-mana pegawai. Sepanjang tahun 2022 sehingga 2024, pihak pengurusan JIM telah mengambil tindakan tatatertib ke atas 241 pegawai dan 46 orang telah diambil tindakan buang kerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengkaji dan melaksanakan peraturan pemanduan yang lebih ketat dan berkesan bagi membendung gejala kemalangan di lebuh raya melibatkan kenderaan berat dan pengangkutan awam seperti bas yang semakin membimbangkan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas (PPK) yang melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) serta kerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi melaksanakan langkah-langkah strategik untuk menangani isu kemalangan melibatkan kenderaan berat.

### **Penguatkuasaan Secara Bersepadu Dan Efektif**

2. Salah satu tindakan utama yang telah dirangka melalui PPK adalah dengan menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu melibatkan peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasikan 53 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, pihak JPJ juga turut dibekalkan dengan 75 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan penguatkuasaan tersebut. Di sepanjang tempoh antara tahun 2016 sehingga September 2023, sejumlah 65,221 notis saman telah dikeluarkan melibatkan kesalahan muatan bahaya dan lebih muatan.
3. Selain itu, Pasukan Unit Penguatkuasaan Lebuhraya (UPLR) turut ditubuhkan oleh JPJ untuk meningkatkan pematuhan kenderaan perdagangan terhadap peraturan khususnya di lebuh raya dan laluan utama yang mempunyai aliran trafik tinggi. Tugas UPLR merangkumi:
  - a. Memantau secara visual ketebalan tayar kenderaan berat yang beroperasi di jalan raya;

- b. Menguatkuasakan peraturan terhadap kenderaan perdagangan yang membawa lebih muatan atau memandu di lorong kanan secara berterusan;
  - c. Memeriksa aksesori yang mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya, seperti kayu penyendal yang tidak diikat dengan baik; dan
  - d. Mengambil tindakan terhadap kenderaan yang berhenti di lorong kecemasan atau tepi lebuh raya tanpa alasan kukuh.
4. Di samping itu, MOT sedang giat memperluaskan penggunaan sistem “*High Speed - Weigh in Motion*” (HSWIM), yang dijangka mula beroperasi pada suku ketiga tahun 2025. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara masa sebenar atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut berhenti untuk ditimbang. Selain itu juga, kamera *Automated Awareness Safety System* (AWAS) akan ditambahbaik dengan kaedah pemantauan kelajuan secara *point-to-point* yang lebih menyeluruh dan berkesan dalam memastikan pemanduan selamat khususnya melibatkan kenderaan berat.

#### **Penambahbaikan Prosedur Dan Aspek Teknikal Pemeriksaan Berkala PUSPAKOM**

5. MOT juga akan memperketat prosedur pemeriksaan berkala bagi kenderaan berat dengan memberi penekanan kepada komponen kritikal seperti sistem brek dan tayar yang memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan jalan raya. Proses pemeriksaan ini akan dilaksanakan dengan lebih teliti untuk meningkatkan tahap keselamatan. Selain itu, pemantauan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif (BKA), JPJ di setiap negeri akan dipertingkatkan dengan memberi tumpuan khusus kepada cawangan utama yang mempunyai jumlah pemeriksaan yang tinggi. Hal ini termasuk meningkatkan jumlah sampel bagi pemeriksaan kualiti yang diperiksa oleh pegawai-pegawai BKA untuk memastikan kualiti pemeriksaan di PUSPAKOM adalah terjamin dan bebas daripada sebarang unsur manipulasi.

### **Penambahbaikan Kod Amalan Industri Keselamatan (ICOP)**

6. Dalam masa yang sama, MOT juga melaksanakan tindakan penambahbaikan melibatkan aspek pematuhan Kod Amalan Industri Keselamatan (ICOP) seperti:
  - a. Mentauliahkan Orang Yang Terlatih (OYT) melalui Kursus Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*Work-Related Road Safety Occupational Safety and Health Coordinator, WRRS OSHC*) bagi memastikan pemandu dan kakitangan kenderaan perdagangan memahami dan mematuhi ICOP;
  - b. Pemantauan berkala akan dilaksanakan terhadap pematuhan ICOP oleh syarikat pengendali kenderaan perdagangan. Ini termasuklah penilaian terhadap aspek penyelenggaraan kenderaan dan pengurusan keselamatan operasi syarikat. Sekiranya terdapat pelanggaran ICOP, tindakan sewajarnya akan diambil, termasuk penarikan balik lesen operasi bagi syarikat yang gagal mematuhi piawaian keselamatan; dan
  - c. Meningkatkan kesedaran melalui advokasi dan penggunaan teknologi seperti GPS (Sistem Penjejakan/ *Telematics*) dan kamera papan pemuka (*dashcam*) secara tidak langsung dapat membantu pemantauan kepada pematuhan ICOP secara lebih efektif.
7. MOT secara berterusan akan melaksanakan program kerjasama dalam bentuk advokasi, kesedaran dan latihan bersama agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan lain-lain agensi bagi memastikan pematuhan yang lebih baik terhadap piawaian keselamatan.
8. Langkah-langkah komprehensif ini adalah komitmen MOT dalam menangani isu keselamatan jalan raya secara tuntas dan bersepadu, dengan objektif utama untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya

NO SOALAN : 37

melibatkan kenderaan berat, sekali gus melindungi nyawa semua pengguna jalan raya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah usaha pemerkasaan METMalaysia bagi mengoptimumkan keupayaan sistem rangkaian cuaca sedia ada terutama dari segi perkongsian maklumat dengan Kerajaan negeri berpandukan model tinjauan iklim serta siren amaran banjir di stesen pencerapan cuaca permukaan sebagai kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu sepanjang tahun bertanggungjawab memantau situasi cuaca negara dan akan mengeluarkan maklumat dan amaran sekiranya bencana berkaitan cuaca dijangka berlaku. Pejabat Meteorologi Negeri yang terdapat di seluruh negara sentiasa mengemaskini maklumat dan amaran cuaca kepada pihak Kerajaan Negeri serta pihak pengurusan bencana negeri.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siren amaran awal banjir merupakan sistem pengurusan banjir di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). JPS mempunyai rangkaian stesen pencerapan cuaca hujan mereka sendiri yang terletak di sepanjang sungai-sungai yang berpotensi mengalami bencana banjir. Manakala rangkaian stesen pencerapan cuaca MET Malaysia yang berjumlah 433 buah pada ketika ini berada di lokasi yang berbeza, seperti di kawasan pertanian, lapangan terbang, bandar serta pelancongan. Sehubungan itu, data-data cuaca MET Malaysia adalah kurang relevan untuk digunakan oleh JPS bagi membantu mereka memantau bencana banjir.
3. Walau bagaimanapun, MET Malaysia sentiasa berkongsi maklumat bagi membantu pihak JPS memantau dan mengeluarkan amaran bencana banjir. Antara maklumat utama yang telah dikongsi adalah data radar cuaca yang mencerap intensiti hujan pada masa sebenar. Bilangan stesen radar cuaca MET Malaysia telah ditambah daripada 12 unit sebelum tahun 2020 kepada 19 unit pada ketika ini, hasil daripada projek pembangunan RMK-11 dan 12. Data-data ini dikongsi terus dengan pihak JPS bagi membantu memantapkan operasi mereka di Pusat Ramalan Awal Banjir Nasional (PRABN).

4. Selain itu, MET Malaysia juga berkongsi maklumat yang dijana oleh model ramalan cuaca numerikal (*Numerical Weather Prediction (NWP)*) menggunakan teknologi Sistem Komputer Berprestasi Tinggi (*High Performance Computing (HPC)*) bagi membolehkan pihak JPS mengoperasikan model ramalan banjir mereka. Sistem NWP MET Malaysia ini telah beroperasi sejak 2018 bagi menghasilkan ramalan cuaca sehingga 7 hari ke hadapan. Bagi memantapkan lagi sistem NWP ini, MET Malaysia dalam proses meningkatkan keupayaan teknologi HPC sedia ada kepada teknologi yang lebih terkini bermula tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027. Dengan sistem HPC baharu ini, produk-produk ramalan boleh dihasilkan sehingga 14 hari ke hadapan dengan resolusi yang lebih tinggi pada 300 meter berbanding 1 kilometer sebelum ini bagi mendapatkan perincian yang lebih baik pada sesuatu kawasan yang dijangka mengalami bencana berkaitan cuaca.
5. Perkongsian maklumat cuaca MET Malaysia dengan Kerajaan Negeri, agensi pengurusan bencana dan juga orang awam telah dibuat menggunakan pelbagai kaedah penyampaian. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, MET Malaysia telah membangunkan aplikasi mobil myCuaca yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi pada masa sebenar untuk diakses pada bila-bila masa. Selain itu, Jabatan juga menyampaikan ramalan dan amaran cuaca ini menggunakan pelbagai medium seperti media sosial (Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube), laman sesawang Jabatan dan media massa (televisyen dan radio). Selain itu, pegawai-pegawai MET Malaysia yang bertugas di negeri sentiasa bertindak secara proaktif dalam memberi khidmat nasihat apabila bencana cuaca dijangka melanda di sesuatu negeri.
6. Dengan penambahbaikan berterusan yang dilakukan terhadap sistem ramalan cuaca negara, ia dijangka dapat menghasilkan ramalan yang lebih tepat dan seterusnya dapat membantu pihak Kerajaan Negeri, agensi pengurusan bencana serta orang awam untuk bertindak lebih awal dalam memastikan keselamatan rakyat terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah komitmen Kerajaan dalam mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada paras semasa bagi melindungi kestabilan ekonomi domestik serta mengelakkan rakyat daripada menanggung beban kewangan yang lebih serius disebabkan peningkatan komitmen pembayaran ansuran bulanan kepada pihak bank.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jawatankuasa Dasar Monetari (Dengan izin Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) bertanggungjawab merumuskan dasar monetari dengan matlamat untuk mengekalkan kestabilan harga serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. MPC terus komited dalam memastikan kesejahteraan ekonomi negara serta rakyat Malaysia bagi jangka masa panjang.
2. Pada mesyuarat terkini MPC pada 22 Januari 2025, paras Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah dikekalkan pada 3 peratus. MPC berpandangan bahawa paras OPR semasa terus menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan inflasi yang terkawal. Keadaan kredit terus menyokong keperluan pembiayaan isi rumah dan perniagaan dengan kadar faedah pinjaman secara amnya kekal stabil dan pertumbuhan kredit yang berterusan. Keadaan ini akan menghasilkan persekitaran yang kondusif untuk menyokong kegiatan ekonomi yang mampan, sekali gus mengukuhkan lagi prospek ekonomi negara.
3. Prospek ekonomi Malaysia yang kekal positif dan inflasi yang dijangka kekal terkawal pada tahun 2025 memberikan peluang kepada Malaysia untuk terus melaksanakan pembaharuan struktur yang menyeluruh bagi menangani cabaran pada masa hadapan. Selaras dengan mandat BNM, MPC akan terus memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil. BNM akan terus memantau perkembangan semasa, termasuk persekitaran global yang berubah-ubah, serta kesannya pada ekonomi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN  
MOKHTAR [KEMAMAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah pendirian dan tindakan Kementerian terhadap cadangan penggunaan indikator baharu bagi mengukur perkembangan sektor ekonomi dan teknologi hijau iaitu *Environmental Performance Index (EPI)* dan *Green Future Index (GFI)* di mana ia turut digunakan di negara-negara maju.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan Index Environmental Performance Index (EPI) dan Green Future Index (GFI) dalam mengukur perkembangan sektor ekonomi dan teknologi hijau negara perlu dilihat secara menyeluruh. Ini kerana data yang diperoleh untuk memenuhi indikator-indikator yang disediakan tidak diambil daripada data yang disahkan dan perbincangan antara pembangunan indikator dan negara yang dinilai tidak dilaksanakan.
2. Meneliti indeks pengukuran EPI dan GFI di peringkat antarabangsa dan menyedari akan kepentingan untuk mengukur pencapaian alam sekitar negara secara menyeluruh, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah melaksanakan satu kajian yang dikenali sebagai Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (MyEPI). Bagi menjayakan pelaksanaan MyEPI ini, Kementerian telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai rakan strategik yang membantu melaksanakan kajian terperinci dalam membangunkan kerangka MyEPI dan juga bagi mengenalpasti indikator-indikator yang sesuai untuk digunakan bagi mengukur prestasi alam sekitar negara. Kajian ini telah bermula tahun 2021.
3. Penetapan indikator dan metodologi kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian EPI yang dilaksanakan di peringkat global dan disesuaikan dengan keperluan negara serta mengambil kira keunikan rangka kerja institusi dan perundungan di Malaysia.
4. Laporan MyEPI Tahun 2021-2022 telah selesai dibangunkan. Skor purata indeks MyEPI peringkat kebangsaan berdasarkan kepada 23 indikator adalah 69.81%, yang mencapai penarafan tiga bintang daripada 5 bintang. Selain skor purata peringkat negara, MyEPI turut menyediakan sistem profil alam sekitar yang lengkap untuk tiga belas negeri dan tiga wilayah persekutuan Malaysia. Skor negeri-negeri adalah di antara 60% ke 78%

NO SOALAN : 40

dan kesemua negeri mencapai penarafan tiga bintang. Manakala Laporan MyEPI Tahun 2023-2024 dijangka akan siap pada Julai 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [JELUTONG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bilakah projek RTB Sungai Pinang, Jelutong di Pulau Pinang dijangka siap dan sempurna.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang Fasa 1 telah diluluskan dalam *Rolling Plan ke-2 (RP2)* Tahun 2022. Kerja-kerja fizikal mula dilaksanakan pada September 2023 dengan kos kontrak RM114 juta. Kemajuan kerja semasa di tapak telah mencapai 16.5% dan berdasarkan jadual, projek akan siap pada September 2027.

Sebagai makluman, projek ini direkabentuk untuk menyediakan tahap perlindungan sehingga 100 tahun tempoh ulangan purata (*average recurrence interval, ARI*) di lembangan Sungai Pinang. Skop utama projek melibatkan kerja melebar dan mendalamkan sungai, pembinaan weir, rumah pam, jambatan dan lain-lain infrastruktur berkaitan banjir termasuklah kerja menaiktaraf dan pengindahan koridor sungai. Apabila siap kelak, projek ini berupaya mengurangkan keluasan kawasan banjir di sebahagian Lembangan Sungai Pinang sebanyak 62ha melibatkan seramai 30,000 orang penduduk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASSIN [PAGOH]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASSIN [PAGOH] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- a. berapa jumlah pendatang asing tanpa izin di Malaysia pada masa ini
- b. adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat pengurusan pekerja asing di Malaysia dan mencadangkan langkah-langkah mengatasi kebanjiran pendatang asing tanpa izin.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa komited dalam menjaga keselamatan negara dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan di samping menjalankan tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik JIM dari tempoh 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024, terdapat 90,859 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditahan di depot-depot tahanan imigresen. PATI dari Indonesia mencatat bilangan tertinggi dengan bilangan seramai 30,384 orang diikuti PATI yang berasal dari Myanmar dengan jumlah seramai 19,285 orang. Manakala PATI dari Bangladesh mencatat bilangan ketiga tertinggi dengan bilangan seramai 11,347 orang. Bagi tahun 2024, seramai 48,377 orang PATI telah dipindah ke negara asal.

Manakala, jumlah pekerja asing iaitu pemegang PLKS yang sah dalam Negara adalah terkawal dan berada di bawah siling 15 peratus daripada jumlah tenaga kerja negara sepetimana ketetapan Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Sebagai langkah berterusan KDN untuk mengawal kebanjiran warga asing dalam Negara, Kementerian ini dan JIM mengambil langkah-langkah proaktif seperti berikut:

- i. membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing seperti premis yang menggajikan pekerja asing, institusi pendidikan yang mengambil pelajar antarabangsa, premis perniagaan di pasaraya dan pasar borong serta kawasan perumahan;
- ii. memberi fokus untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan di lokasi *hotspot* di seluruh negara yang dikenal pasti menjadi tumpuan warga asing dan PATI. Operasi penguatkuasaan ini turut melibatkan

- operasi secara bersepada dengan kerjasama lain-lain agensi penguatkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- iii. melaksanakan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
  - iv. melaksanakan penguatkuasaan yang seimbang melibatkan tindakan undang-undang ke atas majikan yang menggajikan PATI dan pihak yang melindungi PATI. Sehubungan itu, JIM telah menetapkan sasaran kepada semua JIM Negeri untuk menggandakan bilangan operasi penguatkuasaan dan tangkapan terhadap majikan yang melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
  - v. melaksanakan penugasan ke atas pegawai JIM berbentuk *omnipresence*. Kaedah ini memberi fokus kepada pemantauan, pemeriksaan, nasihat dan amaran kepada pihak-pihak yang menggajikan atau membenarkan keberadaan PATI di premis termasuk di pusat komersil;
  - vi. memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara; dan
  - vii. pelawat-pelawat asing ke negara ini diwajibkan mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping semakan dibuat agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri di sepanjang masa berada di negara ini.

Selain daripada maklumat risikan dan naziran, tindakan penguatkuasaan imigresen ini juga berdasarkan aduan awam serta maklumat-maklumat lain yang diterima oleh JIM melalui panggilan telefon, kehadiran ke pejabat imigresen, e-mel dan juga surat-menjurat. Kesimpulannya, keberadaan warga asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak, termasuklah rakyat negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG  
[KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- a. jumlah penagih dadah mengikut negeri tahun 2020 hingga tahun 2024
- b. perkembangan siasatan kematian empat individu selepas menghadiri konsert ambang tahun baharu Pinkfish di Bandar Sunway Subang Jaya dan langkah- langkah untuk memastikan kejadian sedemikian tidak berulang pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penagih dadah mengikut negeri dari tahun 2020 hingga September 2024 berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan adalah seramai 703,857 orang. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH (ORANG)</b>
1.	Johor	78,363
2.	Selangor	72,109
3.	Kelantan	71,230
4.	Kedah	68,778
5.	Terengganu	61,297
6.	Pahang	59,716
7.	Perak	56,468
8.	Pulau Pinang	47,118
9.	Sarawak	40,396
10.	Sabah	37,868
11.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	33,875
12.	Negeri Sembilan	32,994
13.	Melaka	28,281
14.	Perlis	11,188
15.	Wilayah Persekutuan Labuan	2,302
16.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	1,874
<b>JUMLAH</b>		<b>703,857</b>

Berhubung status siasatan ke atas empat (4) orang mangsa yang telah meninggal dunia semasa menghadiri konsert Pinkfish 2024 yang berlangsung di Sunway Lagoon Surf Beach, Bandar Sunway pada 31 Disember 2024, hasil siasatan dan laporan Jabatan Kimia terhadap empat (4) mangsa tersebut mendapati darah kesemua mangsa mengandungi kandungan dadah jenis ecstasy.

Manakala empat (4) individu yang turut ditahan juga didapati terlibat menggunakan bahan terlarang. Berdasarkan hasil siasatan awal PDRM, bahan terlarang tersebut disyaki dadah jenis ecstasy semasa menghadiri konsert berkenaan, Pihak PDRM sedang melengkapkan kertas siasatan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk tujuan pendakwaan.

Tuan Yang di Pertua,

Pihak PDRM memainkan peranan penting dalam menguatkuasakan undang-undang semasa konsert bagi memastikan acara berlangsung dengan selamat dan bebas daripada pelanggaran undang-undang, terutamanya penyalahgunaan dadah. Berikut adalah beberapa langkah yang diambil oleh pihak polis:

1. Pemeriksaan dan Kawalan di Pintu Masuk

Pemeriksaan badan dan beg akan dilakukan oleh Polis dan pasukan keselamatan dengan pemeriksaan rapi terhadap penonton untuk mengesan dadah, senjata, atau bahan terlarang sebelum memasuki kawasan konsert. Penggunaan anjing pengesan – Anjing K9 yang terlatih juga boleh digunakan untuk mengesan bahan terlarang seperti dadah di pintu masuk dan sekitar lokasi konsert.

2. Pemantauan dan Rondaan Sepanjang Konsert

Penugasan anggota polis berpakaian seragam dan preman akan ditempatkan di pelbagai kawasan untuk memantau tingkah laku penonton dan bertindak segera jika ada kegiatan mencurigakan.

Pengawasan melalui CCTV dipasang di kawasan strategik untuk memantau sebarang aktiviti mencurigakan. Selain itu, penyamaran sebagai penonton mungkin menyamar sebagai penonton untuk mengesan aktiviti pengedaran atau penyalahgunaan dadah dalam kalangan penonton.

### 3. Serbuan dan Ujian Dadah Secara Rawak

Serbuan jika ada maklumat risikan bagi mengumpul maklumat tentang aktiviti pengedaran atau penyalahgunaan dadah, polis akan melakukan serbuan di lokasi yang disyaki. Ujian air kencing secara rawak boleh dilakukan ujian air kencing terhadap individu yang disyaki mengambil dadah.

### 4. Kerjasama dengan Penganjur dan Agensi Berkaitan

Bekerjasama dengan penganjur bagi mengambil langkah-langkah keselamatan yang ketat dan mematuhi syarat kelulusan PUSPAL. Selain itu, kerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) boleh dilibatkan dalam melakukan pemeriksaan dan memberi kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM menyatakan :**

a. hala tuju perlombongan unsur nadir bumi (REE) serta langkah segera bagi mempercepatkan proses penguraian REE agar Malaysia tidak ketinggalan dalam pengeksportan bahan ini

b. selain Lynas apakah Kementerian berhasrat mempercepatkan pewujudan kilang pemprosesan bahan REE.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

### **Soalan (a)**

1. Menyedari potensi besar yang boleh dibawa oleh industri unsur nadir bumi (REE), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menetapkan hala tuju supaya industri ini dibangunkan secara menyeluruh merangkumi industri hulu, pertengahan dan hiliran. Ia adalah selaras dengan pernyataan dasar di bawah Kerangka Dasar Mineral Negara 3. Hala tuju pembangunan industri REE telah dibentang dan dipersetujui secara prinsip dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Bil. 6 Tahun 2024 pada 5 Ogos 2024 berdasarkan model perniagaan jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Kementerian mensasarkan Malaysia mempunyai rantaian industri REE yang lengkap pada tahun 2030 serta menjadi hab industri REE serantau dan global.
  
2. Bagi memastikan perancangan hala tuju ini dapat digerakkan, *Special Task Force* yang dianggotai oleh NRES, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kewangan (MOF) telah ditubuhkan pada 14 Oktober 2024. Di bawah *Special Task Force* ini, 3 Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk bagi menumpukan kepada pembangunan di peringkat hulu, pertengahan dan hiliran serta penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan, inovasi dan teknologi.
  
3. Penubuhan *Special Task Force* yang melibatkan kementerian-kementerian utama ini merupakan satu langkah strategik bagi memastikan tindakan dan inisiatif dibuat dengan lebih bersinergi. *Special Task Force* ini memainkan peranan penting dalam menetapkan hala tuju pembangunan industri REE sebelum dibawa ke peringkat Jemaah Menteri atau Majlis-majlis lain yang berkaitan.

**Soalan (b)**

4. Kementerian sememangnya berhasrat untuk mempercepatkan pewujudan kilang pemprosesan bahan REE yang dianggap sebagai agenda paling kritikal dan utama dalam memastikan pembangunan industri ini tidak hanya tertumpu kepada pembangunan di peringkat huluhan sahaja. Selain melihat kepada potensi dari Lynas, Kementerian turut terbuka untuk berunding dengan mana-mana negara yang memiliki kepakaran dan teknologi seperti China, Korea Selatan dan Jepun bagi membangunkan loji pemprosesan di peringkat pertengahan.
5. Perkara ini selaras dengan keputusan yang dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bahawa rundingan bagi membangunkan loji pemprosesan di peringkat pertengahan perlu dibuat bersama dengan pihak China dan negara Barat. Kerajaan berpandangan ini merupakan pendekatan yang wajar dalam memastikan matlamat pembangunan industri REE negara dapat dicapai di samping mengekalkan hubungan baik dengan pelbagai negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana penganjuran Festival Idea Putrajaya 2024 yang mengumpulkan bakat dan pakar pelbagai bidang tempatan boleh diperluaskan ke seluruh negara dalam memastikan pemegang taruh institusi pendidikan tinggi seperti golongan mahasiswa mendapat manfaat daripada perkongsian dan pemindahan ilmu pengetahuan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih atas pertanyaan yang dikemukakan. Penganjuran Putrajaya Festival of Ideas (atau dikenali sebagai Putrajaya FOI) 2024 merupakan satu inisiatif penting dalam usaha merakyatkan idea dalam bentuk pemikiran, solusi, inovasi, dan aplikasi secara besar-besaran.
2. Melalui pendekatan whole of government, festival ini bertujuan untuk menghimpunkan pemimpin pemikir, pakar, pembuat dasar, ahli akademik, industri, dan masyarakat umum dalam satu platform berprestij bagi membincangkan serta berkongsi idea inovatif dan penyelesaian terhadap cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh negara dan dunia.
3. Festival yang dilaksanakan pada tahun 2024 ini adalah bersifat pengenalan untuk penganjuran berskala penuh pada tahun 2025. Sungguhpun demikian, festival ini telah berjaya menjadi landasan untuk mengetengahkan kearifan lokal dan kebijaksanaan tempatan, selaras dengan usaha membina masyarakat MADANI yang maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi dan khazanah bangsa.
4. Kejayaan Putrajaya FOI 2024 yang telah mendapat maklum balas positif daripada pelbagai pihak termasuk Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), industri, dan masyarakat ini menjadi pemangkin kepada hasrat memperluaskannya ke seluruh negara. Antara pencapaian utama Putrajaya FOI 2024 adalah seperti berikut:
  - i. Penjenamaan Putrajaya sebagai "City of Ideas".
  - ii. Penyertaan lebih 100,000 peserta, melibatkan sekurang-kurangnya 27 kementerian dan agensi pusat, serta delegasi antarabangsa lebih dari 86 buah negara.
  - iii. Pulangan ekonomi, termasuk 97 perjanjian bernilai lebih RM100 juta, karnival kerjaya dengan lebih 10,000 peluang pekerjaan dan pengumpulan lebih 1,000 idea melalui Bank Idea yang dikenali sebagai IdeaVault.
  - iv. Lebih 100 pameran hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D), produk dan harta intelek, dengan penyertaan lebih 250 institusi tempatan serta

antarabangsa.

v. Sebanyak 41 perkhidmatan Khidmat MADANI IPT@Komuniti. Misalnya kemudahan Mamogram bergerak dengan program dijenama sebagai CEMPAKA dengan nilai termasuk kepakaran melebihi RM2.4 juta, dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Melihat kepada kejayaan ini, kerajaan berhasrat untuk memperluas penganjuran Putrajaya FOI ke seluruh negara, dengan melibatkan IPT dan komuniti setempat.

6. Melalui pelaksanaan secara menyeluruh pada tahun 2025, Putrajaya FOI bukan sahaja akan memastikan manfaatnya kepada mahasiswa dan pemegang taruh institusi pengajian tinggi, tetapi juga kepada semua lapisan masyarakat.

7. Kerajaan komited untuk menjadikan Putrajaya FOI sebagai platform utama memacu kecemerlangan ilmu dan pembangunan modal insan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Seksyen 15 dan 39C Akta Dadah Berbahaya 1952 memandangkan usaha-usaha Kerajaan untuk memulihkan pengguna-pengguna dadah dan bukan menghukum mereka dan juga untuk mengurangkan kesesakan penjara (*prison overcrowding*).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dan bahan serta sentiasa komited untuk membendung masalah dadah dalam negara. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 telah diluluskan Dewan Rakyat pada 18 Julai 2024 dan Dewan Negara pada 1 Ogos 2024. Akta ini juga telah mendapat perkenan diraja pada 9 Oktober 2024 dan disiarkan dalam warta pada 17 Oktober 2024.

Selain itu, Kementerian juga telah mengemukakan cadangan pindaan ADB 1952 kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia termasuk seksyen 39C ADB 1952 yang antara lain untuk mengeluarkan kemasukan ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) sebagai pemberat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN  
KHIRUDIN [JERANTUT]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan kembali Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang bebas dan tidak terikat dengan mana-mana Kementerian bagi melaksanakan penguatkuasaan yang lebih tegas agar kemalangan meragut nyawa yang melibatkan jentera dan kenderaan berat dapat dibendung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dibubarkan pada 2018, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah ditubuhkan bermula 2 Januari 2019 dengan fungsi utama iaitu mengawal selia piawaian prestasi pengendali perkhidmatan pengangkutan awam darat di Semenanjung Malaysia melalui pelesenan dan libat urus, serta memantau tahap perkhidmatan untuk memastikan pengguna mendapat perkhidmatan yang selamat, efisien serta boleh diharap. Tugas-tugas yang dilaksanakan termasuklah mengeluarkan lesen kepada pengendali kenderaan perdagangan, menyediakan syor kelulusan skim keretapi, pemantauan dan siasatan insiden keretapi, pemantauan prestasi perkhidmatan pengangkutan awam bas dan rel, menyedia latihan *Industrial Code Of Practice* (ICOP) keselamatan dan melaksanakan program khusus bas henti-henti seperti SBST (BAS.MY) dan ISBSF.
2. Sejak ditubuhkan, APAD telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan untuk memudahkan proses pelesenan dan memastikan prestasi perkhidmatan pengangkutan awam sentiasa berada di tahap yang terbaik. APAD telah membangunkan sistem pelesenan kenderaan perdagangan (i-SPKP) iaitu sistem atas talian yang bersepada dan menyeluruh. Melalui pelaksanaan sistem i-SPKP, permohonan permit atau memperbaharui permit boleh dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya tanpa perlu hadir ke kaunter-kaunter APAD. Pada masa yang sama, APAD juga telah menambahbaik piagam pelanggan dimana tempoh proses kelulusan untuk permohonan baru dan pembaharuan permit telah dipendekkan dari 30 hari kepada 14 hari, manakala untuk tempoh proses melesenkan kenderaan pula telah dipendekkan dari 7 hari kepada 1 hingga 3 hari.
3. Selain itu, APAD juga telah berjaya melaksanakan pelesenan terminal pengangkutan awam yang tidak dikawal selia sebelum ini. Pelesenan membolehkan terminal mengenakan caj kepada syarikat bas dan

penumpang berdasarkan gred dan fasiliti yang disediakan di samping memastikan keselamatan, keselesaan dan kemudahan penumpang adalah terjamin. APAD juga sedang melaksanakan program *Stage Bus Services Transformation* (SBST) yang menggunakan jenama BAS.MY di lokasi-lokasi utama di Semenanjung iaitu Johor Bahru, Melaka, Seremban, Ipoh, Kangar, Kuala Terengganu, Kota Setar, Kota Bharu dan Kuantan secara berfasa. Program BAS.MY dapat memberi manfaat kepada rakyat bagi perkhidmatan bas henti-henti yang cekap dan berkesan.

4. Selain dari memastikan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien, APAD juga telah melaksanakan penggantungan dan pembatalan permit serta lesen syarikat yang melanggar syarat-syarat pelesenan dan tidak mematuhi pemeriksaan audit ICOP keselamatan. Ini bagi memastikan syarikat pengangkutan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk sentiasa mematuhi keperluan pelesenan serta mengurangkan isu kerosakan dan kemalangan di jalan raya. Sejak tahun 2022, APAD telah mengambil tindakan membatakan sebanyak 4 lesen pengendali syarikat dan 58 permit kenderaan. Manakala sebanyak 491 lesen pengendali dan 147 permit kenderaan telah diambil tindakan gantung untuk tempoh di antara 7 hari sehingga 90 hari.
5. Dalam konteks penguatkuasaan pula, yang mana sebelum ini dilaksanakan oleh SPAD, peranan penguatkuasaan dalam keselamatan jalan raya khususnya melibatkan kenderaan berat, kini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). JPJ memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan jalan raya melalui tindakan penguatkuasaan yang ketat dan berterusan.
6. JPJ melaksanakan pelbagai inisiatif penguatkuasaan bagi memastikan keselamatan jalan raya, khususnya melibatkan kenderaan berat. Antara langkah yang diambil termasuk pemeriksaan teknikal berkala dan pemeriksaan mengejut bagi memastikan setiap kenderaan mematuhi spesifikasi keselamatan seperti sistem brek, tayar, dan lampu isyarat. Selain itu, pemantauan had muatan turut dilaksanakan bagi mengelakkan risiko kegagalan teknikal yang boleh menyebabkan kemalangan serta bagi mencegah kerosakan infrastruktur jalan akibat muatan berlebihan.

7. Bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan, JPJ juga mengambil tindakan tegas berdasarkan peruntukan kuasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] serta Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 710] dengan mengeluarkan saman termasuklah melaksanakan tindakan penggantungan atau pembatalan lesen kepada pemandu atau pengendali yang didapati gagal mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.
8. Berdasarkan peranan dan fungsi yang telah diselaraskan ini, MOT berpandangan bahawa sistem pengawalseliaan dan penguatkuasaan sedia ada adalah mencukupi. Fungsi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah diperkuatkuarkan oleh APAD dan JPJ dengan pendekatan yang lebih sistematik dan komprehensif serta luas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI SAIFUDDIN BIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI SAIFUDDIN BIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Kementerian menghakupaya mahasiswa dalam struktur dan proses membuat keputusan dalam IPT iaitu dengan melantik perwakilan mahasiswa menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa penting di IPT, contohnya Lembaga Pengurusan Universiti, Senat, Jawatankuasa Fakulti dan sebagainya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan Agenda Pemerksaan Mahasiswa terus diperkuuh melalui pelbagai inisiatif strategik mempersiap mahasiswa sebagai pemimpin masa hadapan.
2. Dalam usaha ini, KPT telah melaksanakan pelbagai program dan dasar bagi memastikan mahasiswa bukan sahaja menjadi penerima manfaat, tetapi juga sebagai pemegang taruh utama dalam pembentukan dasar dan pembangunan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).
3. Dalam hubungan ini, pelbagai langkah proaktif bagi menggalakkan keterlibatan mahasiswa secara langsung dalam proses membuat keputusan di IPT diambil melalui pelantikan wakil mahasiswa (yang diwakili oleh Majlis Perwakilan Pelajar atau Kesatuan Mahasiswa) dalam beberapa mesyuarat dan jawatankuasa penting di peringkat universiti, termasuklah:
  - i. Mesyuarat Senat Universiti,
  - ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti,
  - iii. Jawatankuasa Kebajikan Pelajar,
  - iv. Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Universiti, dan
  - v. Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar.
4. Sehingga ini, kesemua 20 Universiti Awam (UA) telah secara rasmi melibatkan wakil mahasiswa dalam mesyuarat dan jawatankuasa penting di universiti.
5. Penglibatan ini dilihat menghasilkan impak yang positif termasuk peningkatan wakil suara mahasiswa dalam isu kebajikan, pembangunan kampus dan hal-hal akademik yang seterusnya menyumbang kepada persekitaran universiti yang lebih inklusif dan responsif.
6. KPT percaya kebersamaan pihak pengurusan IPT dan mahasiswa dalam struktur dan proses membuat keputusan di IPT ini bukan sahaja menghakupayakan mahasiswa, tetapi turut membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab dalam meneraju masa hadapan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MORDI ANAK BIMOL [MAS GADING]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN MORDI ANAK BIMOL [MAS GADING]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang lebih konkrit untuk mengelakkan program seumpama Kem Jati Diri dan Kerohanian Siri ke-20 UiTM yang dikatakan memaksa pelajar bukan Islam dari Sarawak dan Sabah untuk menghadiri acara keagamaan Islam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang serius tuduhan bahawa terdapat paksaan kepada pelajar bukan beragama Islam dari Sarawak dan Sabah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menghadiri acara keagamaan Islam.
2. Sebagai makluman dewan yang mulia, arahan kepada pelajar bukan Islam dari Sarawak dan Sabah untuk menghadiri acara keagamaan Islam tersebut tidak berlaku.
3. Kem Jati Diri dan Kerohanian di UiTM yang dimaksudkan adalah sebahagian daripada kursus kokurikulum Kesatria Negara dan Kesatria Kembara yang bertujuan membentuk mahasiswa seimbang dari segi sahsiah, intelek dan spiritual.
4. Program ini telah dirangka selaras dengan komposisi pelajar UiTM yang terdiri daripada golongan berbangsa Melayu dan Bumiputera, dengan memberi penekanan kepada keseimbangan dalam pembangunan modal insan.
5. Oleh itu, program ini dibuka kepada pelajar beragama Islam dan bukan Islam dengan modul yang jelas bagi memastikan penyertaan yang relevan dan bermakna.
6. Modul-modul yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - a) Pelajar beragama Islam mengikuti modul kerohanian, yang menekankan nilai-nilai Islam, pembentukan kepimpinan, ketahanan diri, serta amalan ibadah dalam kehidupan seharian, dan
  - b) Pelajar bukan beragama Islam mengikuti modul etika sosial yang memberi fokus kepada kepimpinan, tanggungjawab sivik, serta pemahaman budaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.
7. Pendekatan ini menunjukkan bahawa tiada pelajar yang bukan beragama Islam menghadiri sebarang modul keagamaan Islam dalam program ini. Sebaliknya, setiap pelajar wajib mengikuti modul yang relevan dengan latar belakang dan keperluan mereka kerana ia merupakan sebahagian daripada

struktur kurikulum UiTM yang berasaskan pembelajaran holistik.

8. Walau bagaimanapun, bagi mencegah timbulnya salah faham sebegini di masa akan datang, KPT telah meminta setiap Universiti Awam (UA) untuk mengambil langkah-langkah pencegahan antaranya:

- i. melakukan semakan prosedur dan penilaian risiko penganjuran program bagi memastikan pelaksanaannya tidak menimbulkan sebarang isu atau salah faham di masa akan datang,
- ii. membuat pemantauan dan penilaian berkala bagi program-program yang dianjurkan di universiti bagi memastikan pematuhan kepada prinsip inklusiviti dan kebebasan beragama,
- iii. melibatkan wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai wakil pelajar dalam apa jua perbincangan bagi program berskala besar di universiti, dan
- iv. membuat penilaian daripada pelbagai pespektif bagi memastikan pemilihan lokasi program yang bersesuaian dan tidak menimbulkan isu di masa hadapan.

9. Melalui langkah-langkah ini, KPT yakin suasana yang inklusif serta saling menghormati dapat dikekalkan dan terus diperkujuh dalam ekosistem Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Bank Negara mengawal selia syarikat-syarikat ITO (*insurance, takaful operators*), dari segi perundangan, kawal selia, penguatkuasaan dan aspek-aspek lain. Terangkan secara terperinci proses BNM meluluskan kenaikan harga insurans, apakah kriteria-kriteria kelulusan dan beri contoh.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Perkhidmatan Kewangan [Akta 758] 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam [Akta 759] 2013 memperuntukkan kuasa bagi Bank Negara Malaysia (BNM) bagi pengawalseliaan dan penyeliaan penyedia perkhidmatan kewangan, termasuk syarikat insurans dan pengendali takaful (insurers and takaful operators, ITO). Objektif pengawalseliaan utama Akta ini adalah untuk menggalakkan kestabilan kewangan.
2. Bagi mencapai objektif ini, BNM memupuk keadilan, kebertanggungjawaban dan pelakuan perniagaan yang professional oleh ITO serta berusaha untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna perkhidmatan dan produk kewangan.
3. BNM menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi di bawah Akta ini dengan cara yang BNM berpendapat paling wajar bagi maksud mencapai objektif pengawalseliaan Akta ini. Selaras dengan ini, BNM mengambil tindakan terhadap ITO sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan oleh ITO. Antara tindakan ini termasuk penalti monetari pentadbiran, amaran, teguran awam atau teguran peribadi, perintah untuk mematuhi (order to comply), perintah untuk membuat restitusi atau langkah-langkah penyeliaan lain.
4. Khususnya bagi perniagaan melibatkan produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (medical and health insurance and takaful, MHIT), ITO perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam Dokumen dasar Perniagaan Insurans/Takaful Perubatan & Kesihatan (Medical and Health Insurance/Takaful Business, MHIT), termasuklah dalam aspek peningkatan berkala premium/sumbangan bagi produk MHIT. Dokumen Dasar Perniagaan MHIT yang diterbitkan pada 29 Februari 2024 oleh BNM bertujuan untuk meningkatkan standard amalan dalaman perniagaan ITO yang merangkumi panduan tambahan untuk memastikan peningkatan premium/sumbangan produk MHIT adalah adil dan saksama oleh ITO.

5. Dokumen Dasar Perniagaan MHIT memastikan sebarang amalan dalaman ITO untuk mentadbir urus peningkatan premium/sumbangan produk MHIT perlu mengambil kira keseimbangan antara kemampuan pemegang polisi dan kemampanan produk MHIT. Sebagai contoh, ITO perlu memantau pengalaman kos tuntutan produk MHIT secara objektif, dan hanya boleh menetap semula premium/sumbangan apabila kos tuntutan sebenar merosot secara berterusan serta melebihi nilai ambang (threshold) yang ditentukan lebih awal dalam amalan dalaman ITO. ITO juga tidak dibenarkan untuk menetapkan semula premium/sumbangan semata-mata untuk meningkatkan keuntungan ITO.
6. Penetapan semula premium/sumbangan adalah berdasarkan amalan dalaman yang diluluskan oleh lembaga pengarah ITO, tertakluk kepada dasar-dasar BNM. Melalui rejim ‘lancar dan fail’, maklumat penetapan semula premium/sumbangan yang merangkumi justifikasi teknikal berdasarkan trend kos tuntutan produk MHIT, penjelasan terhadap bagaimana kenaikan premium/sumbangan ditentukan dan pilihan-pilihan yang disediakan untuk pemegang polisi yang memerlukan bantuan dari segi kemampuan untuk membayar kenaikan premium/sumbangan turut dihantar untuk makluman BNM.
7. BNM mengarahkan ITO untuk tidak meneruskan penetapan semula premium/sumbangan yang tidak selaras dengan Dokumen Dasar Perniagaan MHIT seperti:
  - i) ITO gagal memberikan justifikasi yang kos tuntutan semasa telah melebihi nilai ambang (threshold) yang ditentukan lebih awal dalam amalan dalaman ITO; dan
  - ii) Penetapan semula premium/sumbangan turut mengambil kira faktor selain kenaikan kos tuntutan contohnya kenaikan kos perbelanjaan pengurusan ITO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN  
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]**  
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**  
menyatakan :

- a. sejauh manakah tindakan pengesanan KPDN terhadap kadar jualan diesel dan RON95 di stesen minyak di seluruh negara
- b. adakah terdapat peningkatan ketara dari segi penyeludupan bahan api RON95 ekoran langkah penyasaran subsidi diesel dan berapa jumlah kerugian yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Kerajaan sentiasa memantau pembekalan diesel dan petrol RON95 melalui Jawatankuasa Penetapan Kuota dan Jualan Runcit Petrol dan Diesel Bersubsidi (JKPD) dengan menggunakan Sistem DataPetrol melalui pembekalan daripada terminal ke stesen-setesen minyak. Syarikat-syarikat minyak yang memohon melalui JKPD seterusnya akan melaporkan penggunaan secara berkala kepada KPDN. Melalui mekanisme ini, KPDN dapat mengesan dan mendapat data pembekalan diesel dan petrol RON95. Syarikat-syarikat minyak akan mengemukakan laporan penggunaan liter kepada KPDN melalui sistem ini dan tuntutan subsidi kepada Kementerian Kewangan.

Kementerian juga sentiasa menambahbaik kawalan terhadap masalah penyeludupan bahan api RON95 dan diesel terutama di sempadan negara. Antara langkah komprehensif dan bersepadu yang dilakukan oleh KPDN dalam mencegah ketirisan barang kawalan bersubsidi bagi petrol RON95 adalah seperti berikut:

1. Menempatkan pegawai penguat kuasa yang bertugas secara berjadual di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) bagi memantau dan memeriksa kenderaan yang keluar melalui sempadan darat negara;
2. Mengawal selia operasi stesen-setesen minyak di negeri bersempadan melalui pelaksanaan Buku Log dan Peti Lawatan yang telah dilaksanakan sejak Tahun 2021 dan telah diperluaskan di stesen-setesen minyak di negeri Sarawak, Sabah dan Labuan;
3. Melaksanakan larangan eksport bagi barang kawalan bersubsidi termasuklah bahan api Petrol RON95 dan diesel bagi mengekang ketirisan di sempadan negara;

4. Melancarkan Task Force Ops TIRIS selama enam bulan bermula 1 Mac 2023 sehingga 31 Ogos 2023 bagi memastikan pelaksanaan subsidi diesel tidak mengalami ketirisan dan disalurkan kepada pihak yang layak menerimanya. Ops ini difokuskan kepada usaha untuk membanteras penyelewengan minyak diesel bersubsidi yang telah menyebabkan kerugian kepada pihak Kerajaan dan bekalan bahan petroleum (diesel) itu tidak sampai kepada mereka yang selayaknya. Seterusnya Ops Tiris 2.0 diteruskan bermula 1 September 2023 hingga 31 Disember 2023. Pada 1 Januari 2024, Ops Tiris 3.0 telah diperluaskan kepada lain-lain barang kawalan iaitu diesel, petrol, LPG, minyak masak, gula pasir kasar dan tepung gandum. Ops Tiris 3.0 masih diteruskan sehingga sekarang;
5. Melaksanakan Ops Statik di stesen minyak sempadan negara yang mencatatkan nilai jualan yang tinggi. Hasil daripada Ops ini jumlah jualan telah menurun yang menunjukkan bahawa pihak-pihak yang tidak layak tiada lagi akses kepada diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak di sempadan negara.
6. Melaksanakan pengauditan dan naziran ke atas pemegang lesen borong dan runcit bagi mengenal pasti pergerakan dan rantai pengedaran barang kawalan;
7. Mengurangkan kuota dan kuantiti ke atas pemegang lesen Borong Barang Kawalan bagi maksud mengelakkan lebihan kuota dan juga kuantiti setiap pemegang lesen yang boleh mendorong kepada kemungkinan berlaku penyelewengan di peringkat pembekal;
8. Melancarkan inisiatif Kita Gempur iaitu Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan bagi menggempur manipulasi dan ketirisan barang kawalan dan bersubsidi melalui aktiviti perniagaan. Selain memperkasa aspek penguatkuasaan, gerakan ini juga akan memberikan fokus kepada advokasi kepenggunaan dan advokasi Berniaga Patuh Kod Etika dan Perundangan (Biz-Berkat); dan

9. Mengambil tindakan dan mendakwa pihak yang melakukan kesalahan penyelewengan khususnya melibatkan barang kawalan bersubsidi seperti diesel dan petrol.
  
- b. Tindakan kes yang diambil berkaitan barang rampasan petrol RON95 bagi tempoh enam (6) bulan sebelum dan enam (6) bulan selepas penyasaran subsidi diesel mendapati berlaku sedikit peningkatan. Kesemua kes dihasilkan di bawah Akta Kawalan Bekalan dan perundangan subsidiari di bawahnya. Bagi enam bulan sebelum penyasaran subsidi diesel sebanyak 469 kertas siasatan telah dibuka berhubung larangan penjualan petrol Ron95 melibatkan nilai rampasan sebanyak RM447,237.47 dan jumlah kes selepas enam (6) bulan penyasaran subsidi diesel dilaksanakan menunjukkan sedikit pertambahan iaitu meningkat ke 559 kes melibatkan nilai rampasan sebanyak RM565,507.58. Pertambahan sebanyak 90 kes. Walaupun banyak kes berjaya dihasilkan, adalah penting untuk diakui bahawa penyeludupan dan ketirisan adalah masalah kompleks yang melibatkan faktor ekonomi, rupa bentuk geografi di sempadan negara dan kerjasama antara agensi. Oleh itu, dalam mengatasi ketirisan penyeludupan diesel bersubsidi bergantung kepada kerjasama berterusan antara pihak berkuasa dan masyarakat untuk meminimumkan aktiviti ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Pekan Tatau yang mempunyai seramai 35,000 orang penduduk dan merupakan pekan utama di Parlimen Selangau tidak mempunyai bank.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan peka terhadap keperluan mendapatkan akses perkhidmatan kewangan, termasuk di kawasan luar bandar. Secara umumnya, keputusan sesebuah institusi kewangan untuk membuka cawangan bank atau menempatkan mesin Terminal Layan Diri (SST) dalam sesuatu kawasan adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran, keperluan serta permintaan perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat. Setakat ini, terdapat **dua lokasi SST** di dalam Daerah Tatau, Sarawak.
  
2. Dalam usaha untuk meluaskan capaian perkhidmatan kewangan kepada golongan sasar:
  - Institusi kewangan melalui ejen bank menawarkan perkhidmatan perbankan asas seperti penyimpanan dan pengeluaran deposit, khidmat pemindahan dana, pembukaan akaun, pembayaran balik pembiayaan dan pembayaran bil utiliti. Ejen bank terdiri daripada entiti perniagaan seperti kedai runcit, stesen minyak, pejabat pos dan koperasi yang dilantik oleh pihak institusi perbankan untuk memberikan perkhidmatan perbankan asas, terutamanya di kawasan pedalaman yang jauh dari cawangan bank. Setakat ini terdapat **dua lokasi ejen bank** di dalam Daerah Tatau, Sarawak.
  
  - Pihak Bank Negara Malaysia (BNM) bersama pihak Kementerian Kewangan terus berusaha untuk memperluaskan inisiatif perkhidmatan Bank Bergerak terutamanya di kawasan luar bandar dengan kerjasama institusi perbankan. Bank Bergerak menawarkan perkhidmatan perbankan asas serta khidmat nasihat mengenai perbankan secara digital. Penggunaan perbankan digital, di mana transaksi perbankan boleh dilakukan di mana sahaja dan pada bila-bila masa secara selamat, diharap

akan dapat meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan kepada kawasan-kawasan luar bandar, agar pengguna di seluruh Malaysia boleh mendapat manfaat daripada akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan. Setakat ini terdapat **tiga lokasi Bank Bergerak** di Daerah Tatau, Sarawak.

3. Kerajaan akan sentiasa komited untuk berbincang dengan institusi bank berkaitan untuk memastikan perkhidmatan sampai kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kementerian bagi mengumpulkan data/statistik berkenaan kes pemilikan dan penyebaran bahan luah kanak-kanak bagi memahami skop masalah serta langkah bagi meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa dan badan antarabangsa dalam membanteras isu ini secara lebih efektif.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebanyak 238 kes berhubung penghasilan, pemilikan dan penyebaran bahan lucah kanak-kanak di bawah **Seksyen 5 hingga Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017** sepanjang tempoh tahun 2020 hingga tahun 2024. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- i. Tahun 2020: 31 kes;
- ii. Tahun 2021: 44 kes;
- iii. Tahun 2022: 28 kes;
- iv. Tahun 2023: 67 kes; dan
- v. Tahun 2024: 68 kes.

Berikut adalah skop masalah dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan kerjasama dalam membanteras jenayah ini.

### **1. Penambahbaikan Undang-Undang**

Pindaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah pun dibuat pada tahun 2023. Pindaan tersebut dibuat berdasarkan modus operandi terkini dan lebih terperinci. Terma pornografi kanak-kanak telah dipinda kepada bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (*Child Sexual Abuse Material – CSAM*) selari dengan terma yang digunakan di peringkat antarabangsa. Selain itu, beberapa pindaan lain telah dibuat sesuai dengan perkembangan semasa.

### **2. Tambahan Sumber Manusia**

Bahagian D11, Jabatan Siasatan Jenayah mempunyai tenaga kerja yang sangat terhad dalam menyiasat kes-kes sebegini jika dibandingkan dengan jumlah kes yang semakin meningkat setiap

tahun. Justeru, kekuatan Bahagian D11 telah ditambah dari sejak 2022 dengan pertambahan 100 perjawatan baharu.

### **3. Keperluan Latihan**

Penjenayah menggunakan pelbagai teknologi untuk menyembunyikan aktiviti mereka, menjadikan pengesanan lebih sukar. Justeru, latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai/anggota di Bahagian D11 dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memperkasa kualiti siasatan dan pengendalian kes.

### **4. Perkongsian Maklumat/Risikan**

Kekurangan komunikasi dan kerjasama antara negara boleh menghalang usaha untuk membanteras jenayah ini. Justeru, Bahagian D11 turut bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan antarabangsa dalam perkongsian risikan, maklumat dan pembangunan kapasiti dalam menangani ancaman

### **5. Usaha Meningkatkan Kesedaran Awam**

Bahagian D11 dengan kerjasama pelbagai Jabatan dan Agensi Meningkatkan kesedaran awam tentang bahaya pornografi kanak-kanak dan menggalakkan mangsa untuk melaporkan kes. Langkah-langkah ini adalah penting untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak serta mencegah jenayah seksual daripada terus berlaku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu penipuan dalam talian yang semakin meningkat, yang bukan sahaja memberi kesan kepada individu tetapi juga boleh merosakkan reputasi Malaysia sebagai lokasi perniagaan yang selamat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sangat memandang serius isu-isu berkaitan penipuan dalam talian ini kerana melibatkan jumlah kerugian yang besar dan memberi impak kepada ekonomi negara. Untuk makluman, PDRM pada ketika ini hanya menguatkuaskan perundangan sedia ada bagi membanteras jenayah melibatkan penipuan dalam talian.

Dalam mengekang jenayah penipuan dalam talian, pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan melalui kerjasama bersepadu dengan pelbagai agensi. Antara langkah yang telah diambil adalah:

### **A. Strategi dan Kerjasama Antarabangsa**

- i. Menjalinkan kerjasama dari aspek perkongsian maklumat dan risikan seperti Interpol dan FBI serta kerjasama melalui Memorandum Persefahaman Jenayah Rentas Sempadan dengan pelbagai negara; dan
- ii. Menjalinkan kerjasama di peringkat ASEAN dengan melibatkan pegawai-pegawai PDRM dalam ASEAN-Singapore Cybersecurity Center of Excellence (ACCP) bagi mempelajari pengetahuan tentang keselamatan siber dan trend terkini jenayah siber;

### **B. Usaha Peningkatan Kesedaran dan Pendidikan**

Sepanjang tahun 2024, PDRM telah melaksanakan sebanyak 10,406 aktiviti pencegahan seperti pameran, ceramah, siaran media, sembang

santai, *meet & greet* dan *high profile policing* secara berterusan di seluruh negara dilaksanakan secara bersasar dengan menumpukan sasaran mengikut umur, lokasi dan tahap pendidikan.

### C. Pindaan Undang-Undang Bagi Membanteras Jenayah Siber

Kerajaan telah membuat pindaan ke atas Kanun Keseksaan (Akta 574) bagi menangani kes jenayah siber khususnya penipuan kewangan melibatkan penggunaan akaun keldai yang membabitkan peruntukan tambahan iaitu seksyen 424A, 424B, 424C, dan 424D berkenaan kesalahan memiliki, mengawal dan menggunakan kad ATM, kad kredit, e-wallet dan sebarang instrumen pembayaran.

Selain itu pindaan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) membabitkan penambahan peruntukan Seksyen 116D yang memberikan kuasa kepada pegawai polis untuk menyita dan membekukan akaun bagi menyekat urusan transaksi kewangan.

Kerajaan juga sedang mengkaji kesesuaian menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Jenayah Siber sebagai sebahagian usaha membanteras jenayah siber di negara ini.

### D. Penubuhan Pusat Respon Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre – NSRC*)

Pusat Respon Penipuan Kebangsaan (*National Scam Response Centre – NSRC*) telah beroperasi semenjak 12 Oktober 2022 yang menggabungkan kerjasama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Kebangsaan (*National Anti-Financial Crime Centre*, NFCC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi.

Gabungan NSRC ini menghimpunkan sumber dan kepakaran daripada semua pihak bagi membanteras penipuan kewangan dengan lebih cepat dan berkesan. NSRC berfungsi menyelaraskan tindak balas oleh agensi penguatkuasaan undang-undang, institusi kewangan dan syarikat perkhidmatan telekomunikasi bagi mencegah mangsa daripada

menghadapi kerugian kewangan.

#### E. Portal Semakmule 2.0

Portal Semakmule 2.0 merupakan salah satu inisiatif PDRM untuk membantu masyarakat menyemak status akaun bank, nombor telefon dan syarikat yang mungkin terbabit dengan penipuan. Portal ini bekerjasama dengan institusi kewangan untuk menyediakan maklumat yang tepat dan terkini mengenai akaun yang disyaki terbabit dengan penipuan dan sekaligus meningkatkan keselamatan pengguna dan mengurangkan insiden penipuan dalam talian.

Berdasarkan rekod PDRM sehingga 21 Januari 2025, pangkalan data sistem Semak Mule 2.0 telah merekodkan sebanyak **33,453,578** jumlah pelawat ([data boleh diperolehi as of date melalui portal https://semakmule.rmp.gov.my/](https://semakmule.rmp.gov.my/)). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 238,006 akaun bank, 191,960 nombor telefon dan 7,291 nama syarikat telah direkodkan hasil daripada maklumat orang ramai serta mangsa penipuan.

#### F. Pewujudan Unit Khas

Bagi meningkatkan keupayaan mengatasi ancaman siber, unit-unit khas telah diwujudkan di Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) PDRM dengan pelbagai kepakaran ditubuhkan seperti:

- i. **Unit Siasatan Forensik Digital** yang pakar menganalisa peranti-peranti digital yang terlibat dengan kes jenayah siber;
- ii. **Unit Police Cyber Investigation Response Centre (PCIRC)** yang memantau media sosial bagi kes-kes 3R (*Religion, Race, Royalty*) dan isu scammer di Malaysia;
- iii. **Unit National Scam Response Center (NSRC)** yang menguruskan siasatan bagi kes-kes penipuan atas talian yang dilaporkan di NSRC; dan
- iv. **Unit Taktikal Siber** yang pakar menjelaki dan mengesan penjenayah siber.

Manakala di peringkat Kementerian, sebuah unit khusus iaitu **Unit Jenayah Siber telah ditubuhkan di bawah Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam** bagi membantu PDRM menyelaraskan perkara berkaitan dasar berkaitan jenayah siber dengan Kementerian/Jabatan dan Agensi lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN  
FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan pelan mitigasi bagi menangani fenomena sungai cetek dalam negeri Kedah berdasarkan tadbir urus koordinasi Pengurusan Lembagan Sungai Bersepadu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjalankan kajian Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management, IRBM*) sebagai antara langkah untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah menguruskan lembangan sungai di Negeri Kedah.

Kajian IRBM menyediakan cadangan perancangan dan pembangunan sumber air di sebuah lembangan untuk rujukan oleh pihak Kerajaan Negeri dan semua pihak berkepentingan. Terdapat empat (4) objektif utama dalam pendekatan IRBM adalah untuk memastikan air mencukupi, memastikan air bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) kajian IRBM yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2019 di Negeri Kedah iaitu IRBM Sungai Merbok dan IRBM Sungai Muda. Manakala IRBM Sungai Melaka, Pulau Langkawi pula sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap pada tahun 2026.

Khusus untuk isu sungai cetek, IRBM Sungai Merbok (2019) menggariskan sungai yang mengalami pemendapan yang serius akan dipulihara melalui pendekatan struktur iaitu dengan melaksanakan kerja-kerja pengaluran bagi meningkatkan kapasiti dan kualiti air sungai. Kajian turut mencadangkan agar jawatankuasa koordinasi yang terdiri daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK), Majlis Perbandaran (MPSP), Jabatan Perhutanan dan Pejabat Daerah Kuala Muda ditubuhkan untuk menyelaras dan memantau pengurusan lembangan sungai.

IRBM Sungai Muda (2019) pula menyatakan bahawa pembukaan kawasan hutan untuk tujuan pertanian akan meningkatkan kadar pemendapan sediada di Empangan Beris dan lembangan Sungai Muda.

Hal Ini akan mengurangkan jangka hayat struktur empangan dan Sungai Muda juga akan menjadi lebih cetek. Bagi mengatasi masalah ini, pelan mitigasi yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- i.Pemuliharaan ekosistem;
- ii.Pengurusan ekosistem yang mampan;
- iii.Pemuliharaan dan penyelenggaraan habitat sungai untuk kemandirian hidupan akuatik;
- iv.Membersih sungai secara berkala;
- v.Pendidikan dan kesedaran awam untuk menggalakkan peranan masyarakat dalam penjagaan ekosistem tempatan; dan
- vi.Meningkatkan keberkesanan perkongsian maklumat antara agensi

PETRA melalui JPS telah melaksanakan kerja-kerja jangka pendek bagi menangani fenomena sungai cetek di Negeri Kedah melalui peruntukan di bawah butiran Kecemasan Luar Jangka. Pada tahun 2022 hingga 2024 sebanyak 326 sebutharga telah dilaksanakan melibatkan kos sebanyak RM19.5 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan :**

- a. langkah yang diambil Kementerian untuk menangani hakisan pantai di kawasan seperti Batu Ferringhi dan bagaimana usaha ini disepadukan dengan pengurusan pantai lestari bagi melindungi pantai serta aset pelancongan Malaysia
- b. adakah Kementerian mempunyai pelan induk pengurusan pantai bagi seluruh Malaysia.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diluluskan projek pembinaan *outfall* dan struktur mencegah hakisan pantai di Batu Feringghi dan Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, di bawah *Rolling Plan Ke-5* (RP5) tahun 2025 RMKe-12 dengan jumlah kos sebanyak RM61.2 juta. Antara skop utama projek adalah pengorekan muara Sungai Mas, Sungai Kechil dan Sungai Kelian termasuklah pembinaan outfall serta kerja pembinaan struktur kawalan hakisan pantai. Pelaksanaan projek akan dimulakan dengan lantikan perunding jurukur dan rekabentuk terperinci seterusnya pelaksanaan fizikal dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2026.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRA melalui JPS telah menyiapkan kajian Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) di Negeri Pulau Pinang yang pertama pada tahun 2010. Berdasarkan kajian, perubahan garisan pantai di Pulau Pinang adalah akibat dari tindak balas kepada Monsun Timur Laut dan Barat Daya pada setiap tahun. Antara lain, kajian ini mencadangkan kaedah struktur kawalan hakisan pantai seperti penyuburan pasir pantai (*beach nourishment*) bagi memperbaiki keadaan dan mengekalkan ciri semulajadi pantai.

PETRA melalui JPS akan melaksanakan kajian semula ISMP Pulau Pinang yang kini sedang dalam proses perolehan dan kajian dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2027. Kajian ini akan menghasilkan pelan baru yang merangkumi kajian dan penilaian semula status hakisan, kawalan hakisan pantai dan strategi serta objektif pengurusan garis pantai yang baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan penguatkuasaan dan undang-undang termasuk pendakwaan di mahkamah yang telah dilakukan terhadap pihak-pihak yang terlibat melakukan kesalahan dalam tragedi pencemaran toksik kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada tahun 2019 lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah pun menjalankan pendakwaan di Mahkamah terhadap pihak-pihak yang terlibat melakukan kesalahan dalam tragedi pencemaran toksik kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada tahun 2019 lalu. Mahkamah telah menyabitkan kesalahan terhadap pesalah dan telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM420,000.00.
2. Kerajaan memandang serius akan tragedi pencemaran yang telah mengakibatkan kesihatan orang awam terjejas. Sehubungan itu, Kerajaan telah bertindak proaktif dalam memperkuatkan perundangan melalui pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 dengan meningkatkan nilai hukuman pencemaran kepada RM10 juta dan penjara tidak melebihi 5 tahun. Pindaan ini telah diwartakan pada 6 Jun 2024 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2024.
3. NRES melalui JAS menegaskan komitmen Kerajaan untuk memastikan tindakan tegas diambil terhadap pihak-pihak yang melanggar undang-undang alam sekitar. Tindakan pendakwaan yang telah dijalankan dan hukuman yang dikenakan dalam kes pencemaran toksik kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang adalah bukti kesungguhan kerajaan dalam melindungi alam sekitar dan kesihatan masyarakat. Usaha ini akan terus diperkasakan bagi memastikan tragedi sebegini tidak berulang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah tangkapan yang telah dibuat pada tahun lepas terhadap individu yang terlibat dalam aktiviti perjudian dalam talian secara haram. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak polis untuk membendung operasi perjudian dalam talian di kawasan luar bandar Sarawak.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod PDRM pada tahun 2024, sebanyak 1,046 serbuan telah berjaya dilaksanakan oleh PDRM melalui ‘OP DADU’ yang melibatkan tangkapan seramai 1,126 orang.

Tuan Yang di Pertua,

PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah judi dalam talian (*judi online – JOL*), terutamanya di kawasan luar bandar di Sarawak. Antara langkah yang diambil oleh PDRM dalam mengesan dan membanteras kegiatan judi online sama ada oleh orang perseorangan atau kumpulan sindiket adalah:

- i. Mengenal pasti **modus operandi** yang terkini oleh pihak sindiket yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan teknologi;
- ii. Mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak penjaga premis dan pengajur kegiatan perjudian haram serta kegiatan-kegiatan berkaitan di bawah akta sedia ada seperti **Akta Rumah Judi Terbuka 1957** dan **Akta Pertaruhan 1953**;
- iii. Mengambil tindakan yang lebih keras di bawah peruntukan undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001;
- iv. Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi sekatan laman sesawang perjudian di bawah Sek. 263 (2) Akta Komunikasi Multimedia; dan
- v. Bekerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan utiliti ke atas premis yang sering digunakan oleh sindiket perjudian terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

PDRM juga telah mencadangkan agar penelitian undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan *modus operandi* sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (*online*). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut terlibat dalam kajian penambahbaikan undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) supaya selaras dengan perkembangan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR  
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian untuk menangani masalah Air Tidak Berhasil (NRW) di Sabah yang telah mencapai sehingga 60%.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan air termasuk bekalan air terawat untuk negeri Sabah terletak di bawah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Jabatan Air Negeri Sabah melaksanakan fungsi di bawah Enakmen Bekalan Air Sabah 2003. Sehubungan dengan itu, perancangan dan pembangunan infrastruktur bekalan air di negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, untuk membantu mengatasi isu bekalan air di negeri tersebut, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan pembangunan dalam bentuk pinjaman dan geran di bawah Rancangan-rancangan Malaysia termasuklah dalam mengurangkan Air Tidak Terhasil (NRW).

Di bawah RMKe-11, Kementerian telah melaksanakan satu (1) projek rintis NRW di Kota Marudu, Sabah dengan kos berjumlah RM20.4 juta. Projek rintis ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2019. Projek rintis ini dilaksanakan untuk mendapatkan pengukuran NRW yang lebih tepat di kawasan Kota Marudu. Hasilnya, kadar NRW selepas projek ini menjadi 58.9% lebih rendah daripada bacaan sebelumnya yang dicatatkan pada 76.6%.

Pada masa ini, terdapat tiga (3) projek yang telah diluluskan untuk negeri Sabah di bawah Program NRW Pendekatan 1 dengan kos keseluruhan berjumlah RM87.2 juta secara geran seperti berikut:

PAKEJ	SKOP	KOS (RM)
Pakej 1	Penggantian Meter SIV, Meter Pengguna dan Pemetaan GIS (Seluruh Sabah)  <b>Telah siap pada 9 Ogos 2023</b>	31 juta
Pakej 2	Penggantian/ Pembaikan Tangki (Bahagian Keningau, Beaufort dan Ranau) yang dijangka siap pada Februari 2025  <b>(Dalam tempoh LAD)</b>	31.31 juta
Pakej 3	Penggantian/ Pembaikan Tangki (Bahagian Kota Kinabalu, Kota Belud, Kudat, Sandakan, Lahad Datu, dan Tawau)  <b>Telah siap pada 22 Mac 2023</b>	24.9 juta

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) memaklumkan bahawa pihaknya juga sedang melaksanakan Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (Penggantian/ Naik Taraf Paip, Pam Penggalak dan Tangki Simpanan Air di daerah Kota Kinabalu) dengan anggaran kos sebanyak RM219.4 juta secara pinjaman. Peruntukan ini adalah sebahagian daripada peruntukan khas berjumlah RM300 juta yang telah diluluskan untuk mengatasi isu bekalan air Negeri Sabah di bawah Rolling Plan 4, RMKe-12. Ini menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan yang telah disediakan bagi menangani isu NRW Sabah di bawah RMKe-12 berjumlah RM306.6 juta.

Bagi projek di bawah RMKe-13 pula, PETRA akan melaksanakan penambahbaikan kepada Program NRW Kebangsaan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada Julai 2024 dengan jumlah kos sebanyak RM2.525 bilion bermula tahun 2025 hingga 2030. Antara program yang akan dilaksanakan di bawah penambahbaikan ini termasuklah pelaksanaan Program NRW Kebangsaan Pendekatan 1 Fasa 2 yang merangkumi:

- i. program penggantian paip kritikal sepanjang 1,844 km di seluruh Malaysia termasuk negeri Sabah; dan
- ii. penyelesaian NRW secara holistik yang merangkumi antara lainnya pembentukan *District Metering Zone* (DMZ) dan *Pressure Management Area* (PMA) serta pelaksanaan *Active Leakage Control* (ALC) (melibatkan negeri Pahang, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan WP Labuan).

Pada masa ini, Kementerian serta agensi pelaksana sedang melaksanakan kerja-kerja penyelarasan untuk melaksanakan program ini termasuk mengadakan sesi libat urus bersama semua pihak termasuk kerajaan negeri dan agensi yang berkaitan serta sesi-sesi khusus dengan operator air setiap negeri yang berkaitan untuk menentukan kawasan penggantian paip kritikal serta mekanisme pelaksanaan yang sesuai di setiap negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah artifak khazanah negara yang dikenalpasti berada di luar negara dan apakah usaha yang telah dilaksanakan untuk membawa pulang artifak tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menerusi agensi di bawahnya iaitu Jabatan Muzium Malaysia (JMM) pada masa ini sememangnya telah dan sedang merancang untuk mendapatkan semula artifak khazanah negara yang tersimpan di luar negara. Antara koleksi yang telah berjaya dibawa pulang ialah rangka paus biru dari Singapura (1974), rangka manusia Gua Cha (Kelantan) dari University of Cambridge (2008), rangka prasejarah Gua Niah dari University of Florida USA (2020), dua bilah parang Orang Ulu, kain pua kumbu Iban dan aksesori manik etnik Borneo (2023) serta ‘sun hat’ warisan Kenyah Badeng (2024). Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini proses untuk membawa pulang rangka manusia Guar Kepah, Seberang Perai, Pulau Pinang yang tersimpan di Collection Centre Netherlands (CCNL) sedang giat dijalankan oleh Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.
2. Kejayaan-kejayaan ini telah menguatkan lagi usaha untuk membawa pulang lebih banyak artifak negara. Setakat ini, Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengenalpasti negara-negara yang menyimpan koleksi artifak khazanah negara termasuk Singapura, United Kingdom, Perancis dan Belanda. Di antara artifak yang terlibat adalah prasasti, alat-alat batu neolitik, perhiasan diri dan koleksi tembaga dan perak. Walau bagaimanapun, kesemua ini memerlukan penyelidikan lebih lanjut dijalankan sebelum kita dapat mengenalpasti jumlah dan senarai artifak secara lebih terperinci termasuk jumlah kos yang terlibat.
3. Usaha membawa pulang artifak negara bukanlah suatu proses yang mudah memandangkan ia memerlukan penyelidikan yang terperinci bagi meneliti sama ada artifak bersejarah ini dibawa keluar sebagai hadiah, dirampas atau dicuri. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha ini perlu melalui tiga (3) fasa iaitu fasa penyelidikan, pengesanan dan negosiasi; fasa pemerolehan (yang melibatkan pembelian, insuran, pengangkutan dan pembungkusan), pemuliharaan, pendaftaran dan penyimpanan; serta fasa

pendigitalan (imbasan dan cetakan 3D), pameran, pendidikan dan pendokumentasian. Ketiga-tiga fasa ini lazimnya melibatkan tempoh yang panjang iaitu di antara 5 ke 7 tahun.

4. Di peringkat Kementerian sendiri, kita telahpun mengangkat memorandum berkaitan dengan pelaksanaan pengesanan, penyelidikan dan pembelian sumber sejarah di dalam dan luar negara. Perkara ini mendapat maklum balas dan kerjasama yang sangat baik dari pelbagai pihak sekali gus melancarkan usaha Kementerian khususnya menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) untuk membawa pulang artifak khazanah negara yang tersimpan di luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia di dalam indeks kesaksamaan oleh *Othering & Belonging Institute* yang kini berada pada kedudukan 129, terutamanya dalam mengambil kira hasrat Kementerian untuk memperkenalkan model perpaduan Malaysia pada Sidang Kemuncak ASEAN 2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas perhatian yang diberikan kepada Kementerian untuk mempamerkan model perpaduan Malaysia pada Sidang Kemuncak ASEAN 2025. Merujuk perkara ini, Malaysia selaku tuan rumah bagi Sidang Kemuncak ASEAN 2025 boleh mengetengahkan **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** yang merupakan indeks pengukuran tahap perpaduan yang digunakan bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.
2. Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mendapat pengiktirafan di daripada **Global Peace Index (GPI)** sebagai antara negara paling aman di dunia khususnya dalam aspek keselamatan, ketenteraman dan konflik berdasarkan penelitian terhadap 163 buah negara. Pada tahun 2024, Malaysia berada di kedudukan ke-10 dalam *Global Peace Index (GPI)*, sekaligus menjadikan Malaysia antara 10 negara paling aman di dunia manakala di tempat ketiga negara paling aman di Asia Pasifik selepas New Zealand dan Singapura. Pencapaian ini merupakan peningkatan yang signifikan dari kedudukan ke-19 pada tahun 2023. Skor Malaysia dalam indeks tersebut ialah 1.427, yang menggambarkan tahap keamanan yang tinggi berbanding kebanyakan negara lain.
3. Selain itu, di dalam negara terdapat beberapa agensi kerajaan yang telah membina indeks bersifat situasi (*situational index*) berkaitan ketegangan masyarakat, kesejahteraan rakyat, kesejahteraan keluarga, belia dan patriotisme di Malaysia. Antara indeks tersebut ialah **Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** bagi menilai tahap kesejahteraan umum rakyat dari segi ekonomi, sosial, dan kesejahteraan hidup dan **Indeks Malaysia Negara Rahmah (IMNR) oleh Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM)** bagi menilai tahap keadilan sosial, kesejahteraan dan rahmah.

4. Kedudukan Malaysia dalam ***Inclusiveness Index*** berada di kedudukan 129 dari 152 negara yang diukur secara keseluruhan dengan skor 46.27/100. Ianya dinilai berdasarkan 6 dimensi iaitu *race, gender, LGBTQ+, religion, disability dan general population*. Indeks ini mengukur keterangkuman berdasarkan prinsip keadilan sejagat tanpa terikat kepada norma atau budaya tertentu yang relevan untuk negara-negara yang mempraktikkan sistem sekular.
5. Pengukuran tersebut dilihat kurang relevan dengan amalan agama dan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini. Atas dasar itu, penilaian Malaysia dalam *Inclusiveness Index* yang menggunakan pendekatan yang berbeza dengan amalan masyarakat Malaysia dari konteks budaya, norma sosial dan nilai sepunya (*common values*) yang menjadi tunjang keharmonian negara tidak perlu diperbesarkan atau diberi perhatian kerana dimensi indeks ini kurang sesuai untuk masyarakat negara ini.
6. Dalam hal ini, berdasarkan konteks dan keperluan masyarakat, IPNas dan beberapa indeks agensi kerajaan yang lain adalah sangat relevan untuk negara seperti Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan agama di mana perpaduan dan keharmonian menjadi keutamaan Kementerian. Pengiktirafan Malaysia sebagai 10 negara paling aman di dunia melalui Global Peace Index 2024 sudah memadai bagi mencerminkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat berbilang kaum di negara ini di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar dan pendekatan yang diambil oleh Kementerian Kewangan untuk menangani beban hutang isi rumah di Malaysia yang semakin meningkat dan bagaimana Kementerian merancang untuk menyokong golongan pendapatan rendah agar tidak terperangkap dalam kitaran hutang yang berterusan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hutang isi rumah meningkat daripada RM1.53 trillion pada akhir tahun 2023 kepada RM1.59 trillion pada akhir bulan September 2024, iaitu bersamaan dengan 83.9% daripada KDNK (2023: 84.2%). Namun begitu, hutang isi rumah harus dilihat bersama dengan aset kewangan isi rumah yang jauh lebih besar berjumlah RM3.3 trillion setakat September 2024, iaitu bersamaan 174.5% daripada KDNK.
2. Mengikut jenis pembiayaan, bahagian terbesar hutang isi rumah ialah pinjaman perumahan yang merangkumi 61.1% daripada hutang isi rumah, diikuti oleh pinjaman kenderaan (13.6%), pembiayaan peribadi (12.3%) dan pinjaman untuk tujuan-tujuan yang lain termasuk pembelian harta bukan kediaman, hutang kad kredit, sekuriti dan lain-lain. Mengikut pendapatan, bahagian peminjam yang berpendapatan rendah (iaitu RM5,000 dan ke bawah) mencakupi 28.8% daripada hutang isi rumah.
3. Kerajaan dan BNM sentiasa komited melaksanakan pelbagai inisiatif berterusan untuk mengawal hutang isi rumah serta memperkuuh daya tahan isi rumah. Ini termasuk memastikan peminjam dapat membayar balik pinjaman dalam tempoh yang telah ditetapkan dan meminjam mengikut kemampuan mereka dengan nisbah khidmat hutang (*Debt Service Ratio, DSR*).
4. Peminjam yang menghadapi kesulitan kewangan boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk dipertimbangkan di bawah Program Pengurusan Kredit (PPK). Program ini dapat membantu peminjam menstrukturkan semula pinjaman yang sedia ada dan membolehkan peminjam untuk terus membayar balik pinjaman. Hal ini dapat mengelakkan mereka daripada tindakan undang-undang yang boleh diambil seperti kebankrapan, sekiranya peminjam gagal meneruskan bayaran balik pinjaman.

5. Rang Undang-undang Kredit Pengguna akan dibentangkan pada sidang Parlimen kali ini untuk mempertingkatkan perlindungan kepada pengguna kredit dengan mengawal selia industri kredit di Malaysia, termasuklah skim beli sekarang, bayar kemudian (BNPL). Rang Undang-undang Kredit Pengguna ini akan menyediakan rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh dan bersepada ke atas industri pemberi kredit dan penyedia perkhidmatan kredit bukan bank.
6. Selain itu, Kerajaan juga berusaha meningkatkan tahap celik kewangan rakyat menerusi Financial Education Network (FEN) serta program pendidikan kewangan yang disediakan oleh AKPK.
7. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan kebajikan rakyat kian bertambah baik meskipun berlakunya peningkatan kos sara hidup, inisitif Belanjawan 2025 telah menggariskan tindakan berikut antaranya:
  - (i) Peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah dan Sumbangan Asas Rahmah bagi tahun 2025 ditingkatkan kepada RM13 bilion berbanding RM10 bilion. Peningkatan ini memanfaatkan hampir 9 juta penerima atau 60% daripada penduduk dewasa yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan pertengahan;
  - (ii) Peruntukan berjumlah RM1 bilion telah disediakan bagi menangani kos sara hidup dengan lebih meluas termasuk pengawalan harga bahan asas seperti beras dan minyak masak;
  - (iii) Kerajaan juga menanggung subsidi petroleum kepada 85% rakyat Malaysia yang turut terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan pertengahan; dan
  - (iv) Kerajaan meneruskan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sebagai langkah untuk menambah pendapatan keluarga miskin tegar dan B40 pada masa yang sama berusaha menyelesaikan masalah ekonomi harian menerusi inisiatif-inisiatif IPR.
8. Program bantuan dan subsidi yang dilaksanakan mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan golongan berpendapatan rendah

NO SOALAN : 63

tidak terjerat dalam kitaran hutang yang berpanjangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA MAS ERMIEYATI BINTI  
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK WIRA MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan bahawa pelantikan politik dalam GLC dan agensi Kerajaan dilakukan berdasarkan merit dan bukan kepentingan parti seperti yang berlaku pada hari ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dokumen Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Siri 1 No. 1 Tahun 2024 bertajuk Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) oleh Jabatan Perdana Menteri secara jelas menyatakan bahawa pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dalam SBK meliputi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta CLBG perlu dibuat berdasarkan kriteria yang objektif, merit dan mengambil kira kelayakan akademik dan profesional, kemampuan, kepakaran dan pengalaman spesifik yang berkaitan dengan syarikat serta tertakluk kepada proses saringan tertentu. SBK dan CLBG perlu mewujudkan matriks kemahiran ALP sebagai panduan pencalonan dan pelantikan pengarah.
  
2. Secara khusus bagi GLC di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] dan Badan Berkanun Persekutuan (BBP), pelantikan Pengerusi dan ALP dibuat berdasarkan proses saringan yang sewajarnya bagi memastikan individu tersebut berupaya memenuhi peranan dan tanggungjawabnya sebagai pengarah dengan berkesan. Bagi syarikat milik MKD, Pengerusi dan ALP dilantik oleh Menteri Kewangan selaku MKD iaitu pemegang saham syarikat, manakala ALP BBP dilantik oleh Menteri Kawal Selia Badan Berkanun berlandaskan akta tubuh BBP yang memperuntukkan kuasa untuk melantik calon yang sesuai dan berkelayakan sebagai ALP. Pertimbangan kepada pelantikan calon Pengerusi dan ALP syarikat MKD dan BBP adalah berdasarkan kemampuan, kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian serta mengambil kira keperluan dan *core business* entiti itu sendiri bagi membolehkan Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab fidusiari dengan cekap dan berintegriti. Pelantikan ini dibuat berdasarkan:

- i. kelayakan pendidikan di mana kriteria minimum bagi pelantikan calon Pengerusi dan ALP adalah Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan akademik dan profesional lain yang setara;
  - ii. pengalaman berkhidmat dalam industri atau bidang berkaitan seperti perakaunan, kewangan, kejuruteraan atau perundangan; dan
  - iii. kepakaran yang bersesuaian contohnya dalam bidang kewangan, perakaunan, kejuruteraan, perundangan, teknologi dan pengurusan atau kemahiran khusus lain yang relevan dalam industri berkaitan yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat, BBP dan industri.
3. Penekanan juga diberi kepada nilai personaliti individu dengan mengambil kira aspek integriti dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Sebelum pelantikan dibuat, setiap calon ALP syarikat MKD dan BBP perlu melalui beberapa tapisan keutuhan selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016 dan keputusan Kerajaan mengenai pengukuhan tatakelola BBP dan GLC seperti berikut:
- i. tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
  - ii. semakan kebankrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
  - iii. semakan tindakan undang-undang oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;
  - iv. kelulusan verifikasi *fit & proper* oleh Bank Negara Malaysia – bagi DFI;
  - v. tapisan keutuhan oleh Polis Diraja Malaysia – khusus bagi BBP;
  - vi. semakan pematuhan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; dan
  - vii. tapisan keselamatan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO).
4. Kriteria pelantikan dan tapisan keutuhan ke atas calon ALP turut terpakai kepada calon-calon lantikan politik. Hanya calon yang berjaya melepassi

NO SOALAN : 64

saringan kelayakan sahaja yang akan dilantik sebagai ALP syarikat MKD dan BBP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan SST yang dikutip tahun lepas berbanding dengan jangkaan sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kutipan hasil Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) bagi tahun 2024 dianggarkan sebanyak RM44.7 bilion. Jumlah ini akan dimuktamadkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024 kelak. Amaun ini adalah lebih tinggi berbanding dengan sasaran kutipan SST sebanyak RM41.3 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- a. berapa ribu hektar tanah-tanah rakyat akan diambil oleh sektor swasta di sepanjang jajaran Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura
- b. apakah projek HSR tersebut akan memberi peluang kepada sektor swasta membina bank tanah kepada mereka untuk projek hartanah pula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Cadangan Konsep yang diterima dari pihak konsortium bagi Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail - HSR*) Kuala Lumpur-Singapura melalui *Request for Information (RFI)* masih di peringkat konsep awal (*preliminary*). Penilaian jajaran secara terperinci, termasuk kajian-kajian melibatkan pengambilan tanah seperti kajian kesesuaian tanah (*soil investigation*) serta kajian impak sosial dan alam sekitar akan dilaksanakan pada proses seterusnya iaitu peringkat *Request for Proposal (RFP)*. Kerajaan juga akan memastikan impak sosial yang minimum terutamanya melibatkan pengambilan tanah semasa penilaian terperinci jajaran tersebut dilaksanakan.
  
2. Seperti projek-projek rel lain di negara ini, Projek HSR turut berpotensi membuka peluang kepada sektor swasta untuk membangunkan tanah secara komersial di sekitar stesen-stesen yang akan dikenal pasti kelak. Peluang ini merangkumi pembangunan harta tanah seperti perumahan, ruang komersial, dan pembangunan bercampur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menempatkan agensi yang popular dan sesak seperti imigresen dan JPN di pusat membeli-belah terpilih bagi merakyatkan perkhidmatan Kerajaan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejajar dengan usaha merakyatkan perkhidmatan kerajaan, JPN telah mengambil langkah proaktif dengan menempatkan pejabat cawangannya di Pusat Transformasi Bandar (UTC), termasuk di pusat membeli-belah terpilih di seluruh Malaysia bagi memudahkan akses kepada perkhidmatan yang disediakan.

Sehingga kini, terdapat sebanyak **210 pejabat JPN** di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **23 pejabat cawangan** JPN telah beroperasi di UTC bagi kemudahan orang ramai. Daripada jumlah tersebut, **16 cawangan** terletak di Semenanjung Malaysia, **tiga (3)** di Sabah, **tiga (3)** di Sarawak, dan **satu (1)** di Wilayah Persekutuan Labuan.

Waktu operasi UTC adalah berbeza di setiap cawangan, namun secara kebiasaannya, UTC beroperasi dari **jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam** pada hari Isnin hingga Jumaat, manakala pada hari Sabtu dan Ahad pula, waktu operasi adalah dari **jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang**.

Kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif baharu bagi memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan Kerajaan dengan memperkenalkan **“Kiosk Sentuhan Madani”** yang pada masa ini mempunyai beberapa perkhidmatan agensi Kerajaan iaitu MyDigital ID, JPJ dan turut akan dilanjutkan kepada agensi agensi lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan membuat kajian semula bagi kadar pajakan Pulau Pinang kepada Kedah yang telah berkorban lama dan sering dinafikan haknya demi keadilan kepada rakyat negeri Kedah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Khas Tahunan Negeri Kedah adalah berpunca daripada *Kedah Treaty* yang ditandatangani oleh Kerajaan British dengan Kerajaan Siam bertarikh 6 Mei 1869 berkenaan dengan penyerahan Pulau Pinang dan *Province Wellesley* (Seberang Perai) kepada British dengan bayaran 10,000 dollars kepada Yang di-Pertuan Kedah. Obligasi Kerajaan British di bawah *Kedah Treaty* kemudiannya telah menjadi obligasi kepada Kerajaan Persekutuan melalui Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan.
2. *Kedah Treaty* didapati tidak mempunyai peruntukan berkenaan kajian semula jumlah bayaran kepada Yang di-Pertuan Kedah. Sehubungan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Julai 2018 telah bersetuju untuk semakan semula ke atas pemberian kepada Kerajaan Negeri Kedah iaitu sebagai nilai tambahan kepada pemberian khas tahunan 10 ribu ringgit di bawah *Kedah Treaty* dan Perkara 167(7) seperti berikut:
  - a. bersetuju dengan bayaran sumbangan khas oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kedah dengan 10 juta ringgit setahun merupakan suatu *unilateral undertaking* dengan pihak Kerajaan Persekutuan bagi mengekalkan hak untuk bayaran tahunan Negeri Pulau Pinang; dan
  - b. bersetuju supaya tempoh kajian semula kadar sumbangan khas dibuat setiap 10 tahun sekali atau dalam jangka masa yang difikirkan sesuai.
3. Perkara ini juga telah disampaikan oleh Menteri Kewangan kepada YAB Menteri Besar Kedah melalui surat bertarikh 1 Ogos 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimana Kementerian memantau perlaksanaan projek tenaga baharu untuk memastikan ia tidak memberi impak kepada alam sekitar dan apakah tindakan yang diambil terhadap industri yang masih bergantung kepada bahan api fosil dan menyumbang kepada pencemaran udara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pembangunan projek tenaga boleh baharu (TBB) tidak memberikan impak dan kesan kepada alam sekitar, pelaksanaan kesemua projek TBB yang telah diluluskan Kementerian ini seperti pembangunan loji jana kuasa solar, biogas, biojisim dan juga hidroelektrik, perlu mematuhi segala perundangan, peraturan dan syarat perancangan dan pembangunan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan jabatan kawal selia yang berkaitan. Ini termasuk pematuhan garis panduan yang telah ditetapkan PBT seperti Garis Panduan Pembangunan Ladang Solar Berskala Besar yang dikeluarkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN) Malaysia.

Selain itu, tertakluk kepada ketetapan regulatori perancangan dan pembangunan yang berkuatkuasa, semua pemaju projek tenaga sama ada konvensional dan TBB, dikehendaki mendapat kelulusan semua pihak berkuasa melulus termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang bertanggungjawab mengawal selia aspek alam sekitar dan pencemaran termasuk pencemaran udara berpandukan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 (Akta 127).

Oleh itu, pihak industri yang masih bergantung kepada bahan api fosil adalah tertakluk di bawah Akta tersebut dan perlu mematuhi parameter yang ditetapkan di bawah Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) semasa fasa pra pelaksanaan dan pembebasan udara yang dibenarkan semasa pengoperasian dan penjanaan elektrik di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan hasil dalam pelaksanaan duti eksais ke atas minuman bergula sejak dasar tersebut diperkenalkan. Apakah jumlah hasil kutipan hasil daripada pelaksanaan duti eksais ke atas minuman bergula digunakan dalam tujuan kesihatan khasnya memerangi penyakit diabetes.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, duti eksais dikenakan ke atas minuman bergula terhadap 3 kategori minuman bergula sedia diminum (*ready to drink*) yang dikilangkan di dalam negara atau diimport dari luar negara. Pengenaan duti eksais adalah berdasarkan nilai ambang kandungan gula (*threshold*) yang telah ditetapkan di dalam Perintah Duti Eksais 2022.
2. Menerusi Belanjawan 2025, Kerajaan telah menggerakkan inisiatif Perang Terhadap Gula atau *War on Sugar* dalam usaha untuk mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan rakyat bagi menangani penyakit yang berpunca daripada penggunaan gula yang tinggi seperti diabetis dan obesiti. Antara langkah yang diambil termasuk menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai 1 Januari 2025 sebanyak 40 sen seliter menjadikan kadar duti eksais terkini ialah sebanyak 90 sen seliter. Hasil yang diperolehi daripada duti eksais tersebut akan digunakan untuk menampung perbelanjaan kesihatan awam antaranya penambahan bekalan ubat SGLT-2 inhibitors bagi kegunaan rawatan diabetes dan rawatan Dialysis Peritoneal untuk pesakit buah pinggang tahap akhir.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tempoh dari 2019 hingga 2024 jumlah keseluruhan kutipan duti eksais ke atas minuman bergula adalah sebanyak RM447.5 juta.
4. Selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI, Kerajaan komited untuk menyediakan akses sejagat kepada fasiliti kesihatan dan perubatan. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa meningkatkan peruntukan kepada sektor kesihatan secara berfasa. Bagi tahun 2025, sebanyak RM45.27 billion diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan semua program kesihatan termasuk langkah mencegah penyakit diabetes dan obesiti.

NO SOALAN : 70

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini berkenaan penjualan saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan langkah Kerajaan memastikan kepentingan strategik negara terus terpelihara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 4 Februari 2025, Konsortium Gateway Development Alliance Sdn. Bhd. (GDA) yang diterajui oleh UEM Group Berhad (UEM) (anak syarikat Khazanah Nasional Berhad) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan ia telah berjaya mencatatkan kadar penerimaan yang sah sebanyak 96.74% daripada para pemegang saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) di bawah tawaran pengambilalihan tersebut, sekaligus memenuhi syarat penerimaan tawaran dan menjadikan tawaran tersebut tidak lagi bersyarat atau ‘unconditional’.
2. Oleh kerana GDA telah pun memiliki lebih daripada 90% saham MAHB dan tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaraian MAHB di Pasaran Utama, urus niaga dagangan saham MAHB akan dihentikan pada 20 Februari 2025, iaitu lima (5) hari dagangan setelah tarikh akhir penerimaan tawaran yang dijadualkan pada 12 Februari 2025. Selepas itu, MAHB akan memulakan langkah dan prosedur yang diperlukan untuk dinyahsenaraikan daripada Pasaran Utama.
3. Perlu ditegaskan bahawa Kerajaan tidak menjual saham di dalam MAHB. Sebaliknya, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Pelaburan Kerajaan (GLC) iaitu KWSP dan UEM akan meningkatkan pegangan saham terkumpul di dalam MAHB daripada 41% kepada 70%.
4. MAHB akan kekal beroperasi sebagai aset strategik negara meskipun setelah diswastakan nanti. Peranan MAHB kekal terhad kepada pengoperasian lapangan terbang di bawah seliaannya, yang mana kesemua 39 lapangan terbang di Malaysia tersebut kekal berada di bawah pemilikan Kerajaan, seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Pengoperasian.
5. Selain itu, Kerajaan juga menegaskan bahawa tidak akan ada kompromi dalam isu keselamatan negara meskipun setelah pengambilalihan ini

dimuktamadkan. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, urusan keluar masuk dalam negara akan dikendalikan oleh pelbagai Agensi dan Jabatan termasuk Jabatan Kastam Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Soal keselamatan di darat dan kawasan awam di sekitar lapangan terbang pula adalah di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Manakala, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) pula bertanggungjawab dari segi keselamatan di udara serta kawasan pengendalian bagasi. Selain itu, MAHB akan kekal dikawal selia oleh agensi seperti Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

6. Kedaulatan dan kepentingan negara akan terus terjamin memandangkan Konsortium ini diterajui oleh syarikat-syarikat GLIC menerusi pemilikan majoriti saham 70%. Di samping itu, Kerajaan juga melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] akan mengekalkan pegangan Saham Khas atau Golden Share dalam MAHB. MKD selaku pemegang saham khas MAHB, berhak dari semasa ke semasa melantik pengarah MAHB, termasuk seorang Pengerusi dan seorang Pengarah Urusan MAHB. Ini akan memastikan segala keputusan strategik yang diambil oleh Konsortium ini adalah selari dengan kepentingan negara.
7. Kerajaan percaya usaha transformasi MAHB ini akan membawa hasil dan dapat menarik lebih banyak syarikat penerbangan, penumpang, sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan memberi pulangan kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) secara progresif yang akan dilaksanakan berkuat kuasa 1 Mei 2025 dan apakah terdapat peningkatan kadar cukai dalam peluasan skop yang akan dimuktamadkan kelak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana yang telah ditetapkan dan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025, pelaksanaan peluasan skop dan semakan kadar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) adalah tidak meliputi barang keperluan asas dan perkhidmatan asas yang digunakan oleh sebahagian besar rakyat Malaysia. Ini bermakna kadar cukai jualan ke atas barang keperluan asas tersebut masih kekal pada kadar 0% bagi kenaan cukai jualan mahupun cukai perkhidmatan.
2. Pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sedang giat mengadakan sesi libat urus dengan Kementerian dan pihak industri bagi memuktamadkan skop dan kadar cukai yang terlibat. Selain libat urus dengan industri yang berkait langsung dengan cukai jualan, industri-industri besar yang melibatkan perkhidmatan juga turut dilibatkan.
3. Setelah menilai dan mengambil kira input-input yang telah diterima daripada sesi libat urus tersebut, Kerajaan akan mencadangkan penetapan kadar cukai jualan pada 0% dikekalkan ke atas barang keperluan asas manakala kadar pada 5% dan 10% akan diperluas kepada barang bukan keperluan asas, diproses, bernilai tinggi serta barang diimport.
4. Penetapan cukai perkhidmatan pula melibatkan kadar yang dicadangkan sebanyak 6% dan 8% untuk diperluas kepada sektor perkhidmatan tertentu. Libat urus turut membincangkan kompleksiti isu berbangkit kesan kenaan yang bakal memberi impak terhadap sektor perkhidmatan terlibat. Justeru, Kerajaan akan memastikan kadar tersebut tidak memberi kesan kepada golongan rentan dan kesan inflasi yang terkawal.
5. Senarai muktamad peluasan skop dan semakan kadar SST akan diwartakan melalui perundangan subsidiari dalam suku pertama 2025 selepas proses libat urus diselesaikan bagi membolehkan persediaan

secukupnya sebelum perubahan SST dikuatkuasakan.

6. Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan yang berhati-hati dalam usaha melaksanakan penambahbaikan ke atas sistem percukaian negara dan menambah baik hasil untuk diberikan kembali kepada rakyat dalam bentuk perkhidmatan dan bantuan. Meskipun terdapat keperluan untuk meningkatkan hasil negara, Kerajaan akan terus mengimbangi hasrat ini dengan mengambil kira input dan keperluan untuk melindungi rakyat, industri dan peniaga termasuklah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Peluasan skop dan kadar SST melalui Belanjawan 2025 adalah langkah untuk menyokong usaha Kerajaan MADANI memperkuuh asas fiskal dan membawa ekonomi negara ke landasan yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan paras minimum bagi pelaksanaan invois elektronik bagi perniagaan kecil dan sederhana dan apakah langkah-langkah untuk memastikan kempen pendidikan dan kesedaran yang komprehensif sebelum pelaksanaan mandatori invois elektronik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan e-Invois fasa ketiga secara menyeluruh akan bermula pada 1 Julai 2025 yang melibatkan semua perniagaan termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pengecualian daripada pengeluaran e-Invois kepada peniaga kecil yang mempunyai jualan tahunan di bawah nilai ambang 150 ribu ringgit. Melalui pengecualian tersebut, dianggarkan sebanyak 700 ribu PMKS yang majoritinya adalah peniaga kecil tidak perlu mengeluarkan e-Invois yang mana ianya merangkumi 58.3% daripada keseluruhan PMKS. Ini juga bermaksud peniaga kecil-kecilan seperti gerai nasi lemak dan penjaja barang tidak akan terbeban dengan keperluan untuk mengeluarkan e-Invois samada dari aspek kewangan ataupun kemahiran.
2. Pelaksanaan e-Invois telah bermula sejak 1 Ogos 2024 bagi syarikat yang mempunyai jualan tahunan melebihi 100 juta. Mulai 1 Januari 2025, pelaksanaan e-Invois fasa kedua pula telah bermula bagi syarikat yang mempunyai jualan tahunan di antara 25 juta hingga 100 juta. Sejak pelaksanaannya mulai 1 Ogos 2024, sebanyak 20,673 syarikat telah menggunakan sistem e-Invois yang melibatkan pengeluaran 154 juta e-Invois secara keseluruhan. Penyertaan e-Invois ini bukan sahaja melibatkan syarikat atau pembayar cukai fasa pertama dan kedua, tetapi turut disertai oleh syarikat yang berada dalam fasa ketiga secara sukarela. Ini menunjukkan tahap penerimaan yang baik di kalangan syarikat dalam mematuhi pelaksanaan e-Invois.
3. Kerajaan sangat menggalakkan penglibatan peniaga kecil dalam inisiatif e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan perniagaan. Ini kerana inisiatif e-Invois akan dapat membantu perniagaan untuk mempunyai sistem perekodan jualan dan pembelian serta penyimpanan dokumen yang lebih teratur yang mana akhirnya dapat melancarkan operasi perniagaan.

4. Bagi melaksanakan e-Invois, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menyediakan Portal MyInvois yang boleh diakses dan digunakan secara percuma bagi proses penghantaran e-Invois kepada LHDN. Sebagai tambahan, aplikasi MyInvois telah turut dibangunkan oleh LHDN yang memudahkan pembayar cukai untuk melaksanakan e-Invois menerusi telefon pintar sahaja pada bila-bila masa dan di mana jua.
5. Namun, sekiranya peniaga memilih untuk membangunkan sendiri sistem *Application Programming Interface* (API) untuk diintegrasikan dengan sistem MyInvois, peniaga perlu melakukan perbelanjaan bagi penyediaan sistem dan mendapatkan khidmat nasihat dari perunding atau penyedia perkhidmatan. Kerajaan juga telah menyediakan insentif cukai kepada peniaga yang melakukan perbelanjaan bagi pelaksanaan e-Invois, antaranya seperti berikut:
  - i) Pertama: Tempoh tuntutan elau modal dikurangkan daripada 4 tahun kepada 3 tahun bagi perbelanjaan pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer mulai tahun taksiran 2024.
  - ii) Kedua: Potongan cukai sehingga 50 ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran bagi perbelanjaan yuran perundingan yang ditanggung PMKS mulai tahun taksiran 2024 hingga 2027.
6. Dari segi pengetahuan dan latihan, pihak LHDN mengambil pendekatan secara aktif dalam menjalankan program dan sesi libat urus yang berterusan bagi tujuan kesedaran dan pendidikan di seluruh negara. LHDN turut menyediakan platform, tutorial bimbingan dan panduan pengguna bagi membantu PMKS menggunakan Portal MyInvois. Selain itu, pegawai LHDN di peringkat negeri turun padang dan mengadakan bengkel serta taklimat bagi memberi bimbingan dan penjelasan berhubung pelaksanaan e-Invois kepada PMKS. Jadual program ini boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDN atau boleh menghubungi pejabat LHDN yang berhampiran.
7. LHDN akan terus mempergiatkan lagi sesi libat urus dan program pendidikan e-Invois dengan pembayar cukai dalam fasa ketiga bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar mulai 1 Julai 2025. LHDN sentiasa komited dan bersedia untuk memberikan taklimat kepada mana-

NO SOALAN : 74

mana pihak yang memohon untuk mendapatkan penjelasan serta bimbingan mengenai pelaksanaan e-Invois pada bila-bila masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MOHD RADZI BIN MD JIDIN [PUTRAJAYA]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DR. MOHD RADZI BIN MD JIDIN [PUTRAJAYA]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat kajian terperinci oleh Kerajaan tentang kesan kenaikan SST, perluasan skop SST, termasuk untuk perkhidmatan logistik dan kenaikan harga diesel kepada pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana serta menyatakan hasil dapatan kajian tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana yang telah ditetapkan dan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025, pelaksanaan semakan semula kadar cukai jualan dan peluasan skop cukai perkhidmatan tidak meliputi barang keperluan asas dan perkhidmatan asas yang digunakan oleh sebahagian besar rakyat Malaysia.
2. Perubahan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% pada tahun 2024 pula tidak melibatkan perkhidmatan yang digunakan oleh majoriti rakyat atau peniaga kecil seperti penyediaan makanan dan minuman, telekomunikasi dan parkir kenderaan. Disamping itu, cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan logistik telah ditetapkan pada kadar 6% bagi meminimakan kesan kenaikan kos setelah perkhidmatan logistik ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai.
3. Dalam menangani kesan daripada semakan semula kadar dan peluasan skop SST termasuk sektor logistik, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan. Berdasarkan maklum balas dan cadangan yang diterima, Kerajaan bersetuju supaya skop pengecualian kenaan cukai perkhidmatan antara perniagaan (business-to-business atau B2B) dalam perkhidmatan logistik diperluas untuk meliputi penyediaan perkhidmatan di bawah butiran yang sama. Ini adalah untuk mengurangkan insiden cukai berganda atau kesan melata ("cascading effect") daripada pengenaan cukai atas cukai bagi beberapa lapisan rantaian bekalan logistik.
4. Selain itu, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesan daripada pelaksanaan semakan semula kadar dan peluasan skop SST terhadap rakyat dan industri terutamanya kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Oleh itu, layanan khas dalam bentuk pengecualian cukai perkhidmatan melibatkan transaksi perkhidmatan logistik bagi memastikan pengguna termasuk peniaga tidak terbeban dengan kenaan

SST, antaranya seperti berikut:

- a. Perkhidmatan logistik bagi barang yang dieksport terus di point akhir sebelum eksport;
  - b. Perkhidmatan logistik bagi aktiviti transshipment;
  - c. Perkhidmatan logistik bagi aktiviti transit;
  - d. Perkhidmatan logistik bersifat penghantaran door-to-door;
  - e. Transaksi business-to-business (B2B) meliputi penyediaan perkhidmatan di bawah butiran yang sama;
  - f. Caj perkhidmatan penghantaran menggunakan mod pengangkutan laut (ocean freight) bagi semua barang yang dihantar terhad kepada perjalanan/destinasi berikut:
  - g. Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak/Labuan;
  - h. Sabah/Sarawak/Labuan ke Semenanjung Malaysia; dan
  - i. perjalanan antara Sabah, Sarawak dan Labuan.
5. Mulai 10 Jun 2024, Kerajaan juga telah melaksanakan penyasaran semula subsidi diesel bagi membendung ketirisan signifikan yang menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara. Penyasaran semula subsidi diesel ini menyasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barang darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 dengan menggunakan kaedah fleet card. Melalui kaedah ini, syarikat yang diluluskan masih boleh mendapatkan bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

6. Serentak dengan pelaksanaan langkah penyasaran subsidi tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM2,400 setahun atau RM200 secara bulanan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai ini dijangka dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjelaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar termasuk PMKS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [MUAR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kaedah standard yang digunakan bagi menentukan kelayakan penguasaan Bahasa Melayu bagi isteri bukan warganegara kepada lelaki Malaysia terutamanya golongan bukan penutur Bahasa Melayu atau mereka yang berpendidikan terhad.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, permohonan kewarganegaraan oleh isteri kepada Warganegara Malaysia masih tertakluk kepada syarat-syarat berdasarkan perundangan sedia ada seperti yang diperlukan untuk pemohon lain di bawah Perkara 16 dan 19 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan yang mencadangkan penambahan syarat penggunaan Bahasa Melayu bagi isteri kepada Warganegara Malaysia masih belum diwarta dan berkuat kuasa.

Bagi pemohon yang menghadapi ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) di bawah Perkara 16 dan 19, pelaksanaan ujian ini dijalankan secara individu dengan pemantauan ketat oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Modul ujian juga telah disusun untuk memastikan bahawa asas penggunaan Bahasa Melayu yang mudah difahami.

Apabila pindaan Bahagian III berkuat kuasa ke atas permohonan kewarganegaraan oleh isteri kepada warganegara Malaysia kelak, Kementerian akan memastikan pelaksanaannya dilakukan secara adil, telus, dan berintegriti bagi menjamin keupayaan pemohon dalam penggunaan Bahasa Melayu sebelum kelulusan kewarganegaraan diberikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pada tahun 2023, hutang Kerajaan telah direkodkan sebanyak RM1.173 trilion iaitu meningkat sebanyak RM92.918 bilion atau 8.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Adakah tujuh langkah yang telah diumumkan oleh Kerajaan sebelum ini telah menampakkan satu impak yang positif serta memberi kesan kepada ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan adalah disebabkan oleh keperluan Kerajaan bagi membiayai defisit fiskal untuk menampung perbelanjaan pembangunan (DE) khususnya bagi pelaksanaan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Pembiayaan ini secara langsung akan meningkatkan paras hutang Kerajaan selagi mana kedudukan kewangan Kerajaan mengalami defisit.
2. Walau bagaimanapun, komitmen Kerajaan dalam mengurangkan defisit fiskal daripada 5.5% pada 2022 kepada 5.0% pada 2023 dan dijangka sekitar 4% pada 2024 telah mengurangkan pinjaman baharu tanpa menjelaskan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh yang demikian, hutang baharu Kerajaan Persekutuan telah menguncup daripada RM99.4 bilion pada 2022 kepada RM92.6 bilion pada 2023 seterusnya berkurang kepada RM76.8 bilion pada 2024 dengan kadar pertumbuhan hutang turut mengalami penurunan daripada 10.2% pada 2022 kepada 8.6% pada 2023 seterusnya berkurang kepada 6.4% pada 2024.
3. Selaras dengan Belanjawan 2025, Kerajaan terus komited untuk mengukuhkan kewangan awam dengan meningkatkan asas hasil dan melaksanakan langkah penjimatan perbelanjaan awam seperti penyiasaran subsidi bagi meneruskan langkah konsolidasi fiskal selaras dengan pematuhan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Komitmen Kerajaan dalam memastikan disiplin fiskal dan inisiatif pembaharuan fiskal dapat terus dilaksana adalah penting bagi memastikan pertumbuhan jumlah hutang dapat dikawal seterusnya sasaran hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK seperti yang ditetapkan dalam Akta 850 dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana.
4. Selain itu, strategi pinjaman terus mengutamakan sumber pasaran modal tempatan untuk meminimumkan pendedahan kepada risiko tukaran mata wang asing. Hasilnya, sehingga akhir 2024, sebahagian besar komposisi

hutang Kerajaan Persekutuan adalah berdenominasi ringgit iaitu 97.8%. Kerajaan juga sentiasa memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membantu DE yang memberi pulangan kepada rakyat dan negara dalam tempoh jangka masa panjang.

5. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dapat menyumbang secara langsung kepada pengurangan nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK. Pengenalan dokumen strategik utama termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) selain penambahbaikan gaji minimum dijangka mampu memacu perkembangan aktiviti ekonomi dan perniagaan seterusnya menyumbang kepada objektif pembangunan negara. Pada tahun 2024, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.8% hingga 5.3%, melebihi sasaran awal antara 4% hingga 5%. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan di samping eksport yang terus berkembang serta pertumbuhan positif dalam semua sektor ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk mengemudi ketidaktentuan geopolitik dalam usaha menjayakan projek-projek peralihan tenaga boleh baharu di rantau ASEAN.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan tema kepengerusian Malaysia untuk ASEAN 2025 iaitu “Keterangkuman dan Kemampanan”, Malaysia akan mengambil pendekatan yang inklusif dan progresif dalam menangani dan mengemudi ketidaktentuan geopolitik global, bagi memacu pelaksanaan agenda peralihan tenaga dan tenaga boleh baharu (TBB) di peringkat ASEAN terutamanya dalam memuktamadkan Inisiatif ASEAN Power Grid (APG), sebagaimana yang telah dipersetujui di bawah *ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation (APAEC)*.

Keutamaan akan diberikan dalam pelaksanaan inisiatif APG dengan berpaksikan aspek keterangkuman pelaksanaan (*execution inclusivity*), kepentingan bersama (*mutual benefit*) dan juga kelebihan semula jadi (*natural advantage*) negara-negara anggota ASEAN. Pendekatan yang berpandukan prinsip memang-menang (*win-win approach*) akan memastikan pelaksanaan kesemua inisiatif peralihan tenaga dan pembangunan TBB adalah adil dan saksama serta memberikan manfaat kepada semua negara anggota ASEAN.

Mengambil kira landskap semasa geopolitik yang tidak menentu, kejayaan pelaksanaan APG ini juga berupaya meningkatkan keterjaminan bekalan elektrik negara anggota dengan membolehkan kemasukkan penjanaan *in-situ* daripada sumber TBB yang lebih tinggi serta pembekalan elektrik menggunakan integrasi dan perkongsian rangkaian grid pembekalan elektrik antara negara ASEAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf stesen dan memperindah kawasan sekitar stesen kereta api di Kuala Krai dan Dabong bagi menarik pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) selaku pemilik dan pengurus aset kereta api sedang giat melaksanakan pelbagai kerja menaik taraf kemudahan bagi meningkatkan mutu dan perkhidmatan kereta api untuk semua jajaran yang dioperasikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) termasuk untuk sektor jajaran Pantai Timur.
2. Beberapa projek menaik taraf yang telah dan sedang dijalankan adalah pembinaan platform di 37 lokasi stesen dan hentian kereta api termasuklah pembinaan stesen kereta api yang baharu di Dabong yang kini sedang dalam peringkat reka bentuk. Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana merangkumi kemudahan tandas, surau dan ruang lobi yang lebih kondusif sejajar dengan fungsi stesen kereta api ini yang semakin penting dan menjadi tumpuan ramai.
3. Kos pembinaan Stesen Keretapi Dabong baharu yang lebih lengkap dengan kemudahan fasiliti serta operasi tren yang lebih baik adalah sebanyak RM12 juta. Stesen Keretapi Dabong mempunyai jumlah penumpang yang tinggi setiap hari terutamanya para pelajar sekolah memandangkan stesen kereta api berkenaan adalah stesen yang digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah di kawasan pedalaman untuk turun naik ke sekolah berhampiran. Berkenaan Stesen Keretapi Kuala Krai, stesen sedia ada tersebut masih berfungsi dengan baik dan selamat untuk para penumpang. Selain itu, stesen ini juga menempatkan Pejabat Wilayah Timur KTMB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @  
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan ekoran kemerosotan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) pembuatan kepada 48.6 pada Disember 2024 dan mencatatkan indeks di bawah 50 sepanjang tahun yang menandakan industri pembuatan dalam pengecutan berbanding negara-negara jiran dengan PMI melebihi 50 secara konsisten.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) merupakan antara penunjuk ekonomi yang digunakan untuk menilai prestasi sektor pembuatan. PMI sektor pembuatan Malaysia bagi bulan Disember 2024 yang berada pada tahap 48.6 mata, di bawah paras neutral 50 mata, bukanlah satu-satunya indikator prestasi keseluruhan bagi sektor pembuatan Malaysia. Malah, terdapat penunjuk ekonomi lain bagi sektor pembuatan yang mencatatkan kedudukan yang baik. Sebagai contoh, data terkini sehingga November 2024 merekodkan prestasi nilai jualan sektor pembuatan meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada RM161.9 bilion (November 2023: -2.6 peratus; RM155 bilion), indeks pengeluaran perindustrian (IPI) meningkat sebanyak 3.6 peratus (November 2023: 0.4 peratus) dan indeks sektor pembuatan dalam IPI meningkat sebanyak 4.6 peratus (November 2023: -0.1 peratus).
2. Kedudukan bacaan PMI sektor pembuatan di bawah tahap 50 mata bukanlah menggambarkan pengecutan sektor pembuatan, namun situasi berkenaan turut berpunca daripada pelbagai risiko ekonomi seperti permintaan luar yang lebih lemah, pengurangan aktiviti pembelian dan inventori oleh firma serta gangguan rantai supPLY bekalan.
3. Kerajaan sentiasa memantau perkembangan sektor pembuatan negara secara berterusan dan mengambil langkah proaktif untuk memastikan ia terus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pelaksanaan dasar nasional seperti kerangka Ekonomi MADANI yang merangkumi pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Strategi Semikonduktor Nasional terus menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memperkuuh daya saing dan kemampunan sektor pembuatan negara di peringkat global. Ini dapat dilihat melalui pertumbuhan sektor pembuatan sebanyak 4.1 peratus pada sembilan bulan pertama 2024 berbanding 1.1 peratus pada tempoh yang sama 2023. Ikhtiar Kerajaan melalui Belanjawan 2025 dijangka akan terus memacu sektor ini bagi

NO SOALAN : 80

mendepani cabaran semasa dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pencapaian dan usaha dalam menambah baik kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Sabah dan Sarawak dan apakah tindakan diambil Kementerian di dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat di Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam darat di Sabah dan Sarawak. MOT melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah akan melaksanakan Program Transformasi Bas Berhenti-Henti (SBST) di Kota Kinabalu bertujuan menambah baik perkhidmatan bas awam melalui penggunaan bas baharu berjadual tetap dan sistem pembayaran tanpa tunai.
2. Pada 27 Disember 2024, LPKP Sabah telah mengeluarkan tawaran tender bagi perkhidmatan SBST di Bandaraya Kota Kinabalu yang bernilai RM88 Juta untuk tempoh lima tahun bagi 8 laluan yang telah dikenalpasti iaitu dari Pekan Manggatal sehingga Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Pelaksanaan SBST di Sabah, bermula di Kota Kinabalu dan akan diperluas ke daerah-daerah terpilih secara berperingkat. Inisiatif ini diambil untuk menangani isu seperti sistem perkhidmatan pengangkutan yang tidak sistematik dan tambang yang mahal.
3. Selain itu, melalui LPKP Sarawak, Program Transformasi Bas Berhenti-Henti (SBST) di Kuching merupakan inisiatif Kerajaan bagi menyediakan rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam yang mudah, stabil dan bersaling-hubungan sepanjang hari dengan struktur dan jadual yang mudah difahami. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian, kebolehpercayaan dan kesalinghubungan serta kemudahan dan kecekapan perkhidmatan bas berhenti-henti.
4. Program SBST yang dikenali dengan jenama BAS.MY, dijangka akan mula beroperasi di Bandaraya Kuching pada separuh pertama tahun 2025 dengan jumlah bajet RM79.2 juta bagi tempoh lima (5) tahun. Sebanyak lima puluh enam (56) buah Bas Berhenti-Henti di bawah program SBST ini bakal beroperasi di sekitar Bandaraya Kuching yang dilengkapi dengan ciri-ciri kemudahan moden bagi meningkatkan keselesaan para penumpang

bas. Program SBST juga bertujuan untuk memastikan bas awam mudah diakses oleh semua penumpang termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang mana bas jenis ‘low deck” akan digunakan bagi memudahkan para penumpang yang menggunakan kerusi roda.

5. Bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat, Program SBST di Kuching juga akan memperkenalkan Program Pas Bulanan Tanpa Had seperti yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia di mana pengguna hanya membayar RM50 untuk 30 hari perjalanan tanpa had di semua laluan SBST di Kuching. Pas Bulanan Tanpa Had ini dijangka dapat mengurangkan beban kewangan kepada rakyat di samping membantu rakyat untuk merancang perbelanjaan bulanan serta menarik minat rakyat untuk menggunakan bas sebagai mod pengangkutan dalam kehidupan sehari-hari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan kesan jangka masa panjang aktiviti pelombongan nadir bumi REE di Gerik kepada ekosistem dan penduduk serta langkah-langkah pencegahan terhadap kesan tersebut. Adakah kesan ini melibatkan kesihatan dan kehilangan sumber pendapatan kepada masyarakat sekitar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek perlombongan unsur nadir bumi (REE) telah dijalankan di Mukim Kenering, Gerik, Perak sejak tahun 2022. Pihak pengusaha telah menjalankan aktiviti perlombongan berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian. Aktiviti perlombongan ini telah mematuhi semua prosedur dan perundangan yang ditetapkan sama ada di peringkat Persekutuan dan Negeri.
2. Dalam memastikan aktiviti perlombongan ini dijalankan secara terkawal, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Audit pada tahun 2022 yang terdiri daripada jabatan dan agensi teknikal untuk memantau pelaksanaan projek perlombongan yang dijalankan. Hasil daripada dapatan audit tersebut mendapati pihak pengusaha telah mematuhi kesemua prosedur yang ditetapkan dan terdapat sebahagian kecil ketidakpatuhan yang telah ditegur dan diambil tindakan penambahbaikan oleh pihak pengusaha. Proses pemantauan ini dilaksanakan secara berterusan sehingga sekarang bagi memastikan aktiviti perlombongan yang dijalankan tidak memberi kesan negatif khususnya kepada alam sekitar dan penduduk sekitar.
3. Bagi melihat dari aspek impak terhadap aktiviti perlombongan REE pula, Kementerian telah melantik pihak Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan aktiviti perlombongan REE di kawasan ini. Berdasarkan laporan awal yang dikeluarkan oleh pihak FRIM, aktiviti perlombongan yang dijalankan hanya mendatangkan kesan yang tidak signifikan terhadap aspek berkaitan flora, fauna, tanah, hidrologi, stok karbon dan sosioekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL  
KHALID [KUALA KANGSAR]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

YB DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan pandangan mengenai pertumbuhan pesat pusat data di Malaysia memberi kesan terhadap peningkatan kadar tarif elektrik yang diumumkan baru-baru ini dan sejauh manakah implikasi penggunaan tenaga yang tinggi oleh peningkatan pusat data kepada alam sekitar di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertumbuhan pesat pusat data di Malaysia dapat dilihat dengan peningkatan bilangan pusat data dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. Sehingga Disember 2024, sebanyak 17 pusat data dalam kategori voltan tahap sederhana dan tinggi telah beroperasi di Semenanjung berbanding hanya enam (6) pusat data sebelum tahun 2022.

Permintaan elektrik daripada pusat data turut meningkat selari dengan pertambahan bilangan pusat data di Semenanjung. Permintaan elektrik daripada pusat data diunjurkan meningkat melebihi empat kali ganda iaitu daripada 3.0GW pada 2024 kepada 12.9GW pada 2030 berdasarkan kapasiti pusat data yang telah beroperasi, perjanjian pembekalan elektrik yang telah ditandatangani dan permohonan pembekalan elektrik yang diterima oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) sehingga Disember 2024.

Oleh yang demikian, kos pembekalan elektrik bagi memenuhi permintaan elektrik daripada pusat data turut meningkat berikutan terdapat keperluan penambahan kapasiti penjanaan daripada sumber bahan api yang lebih mahal iaitu gas asli dan keperluan menaiktaraf serta membina aset / infrastruktur grid yang baharu khusus untuk pusat data.

Memandangkan pusat data memerlukan bekalan elektrik pada skala yang besar dan berterusan dalam tempoh 24 jam, maka terdapat kekangan bagi penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu seperti solar, hidro dan biomas untuk memenuhi keseluruhan keperluan tersebut. Ini akan meningkatkan unjuran penjanaan elektrik daripada sumber gas asli secara ketara sehingga 2030 dan secara tidak langsung menyebabkan peningkatan pelepasan gas rumah hijau. Namun demikian, pelepasan gas rumah hijau dijangka dapat dikurangkan dengan pemilihan loji janakuasa berasaskan gas asli yang berteknologi tinggi dan lebih efisien.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) juga turut memperkenalkan *Battery Energy Storage System* (BESS) untuk

menyokong kestabilan pembekalan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). BESS ini akan membantu mengurangkan kebergantungan penggunaan gas dalam penjanaan elektrik dan secara tidak langsung turut mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Selain itu, Kementerian Ekonomi sedang meneroka potensi teknologi *Carbon Capture Utilizations and Storage* (CCUS) bagi mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) melalui aktiviti pemerangkapan dan penyimpanan CO<sub>2</sub>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah wujud usaha Kementerian bagi membentuk dan memperkasa NGO atau pertubuhan masyarakat setempat untuk menjadi ejen pemantau alam sekitar bagi mempertingkat pemantauan dan penguatkuasaan di lokasi-lokasi berpotensi tercemar mahupun pelanggaran-pelanggaran undang-undang tertentu berkaitan alam sekitar termasuk operasi tapak pelupusan sampah dan premis-premis industri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menggunakan pelbagai platform dalam memperkasakan Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (*Communication, Education and Public Awareness*) kepada masyarakat setempat berkaitan isu-isu pengurusan dan pencemaran alam sekitar ke arah pembudayaan kelestarian alam sekitar.
2. Pihak Kementerian sering kali mengadakan sesi libat urus dengan orang awam melalui media sosial dan media massa. Aktiviti ini termasuk penganjuran webinar serta sesi temu bual di televisyen dan radio untuk mengetengahkan isu-isu semasa seperti pencemaran air, pencemaran udara, dan pengurusan buangan berbahaya. Selain itu, promosi dan hebahan berkaitan alam sekitar turut dilaksanakan melalui laman sesawang serta penerbitan digital oleh Jabatan.
3. Kementerian berusaha untuk menyebarluas maklumat berhubung isu alam sekitar kepada rakyat melalui sambutan hari berkepentingan alam sekitar seperti Hari Alam Sekitar Negara, Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Ozon Sedunia yang diraikan setiap tahun. Program-program berdasarkan alam sekitar seperti Penanaman Pokok, Pengurusan Buangan melalui pendekatan 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*), Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna, Pembersihan Kawasan (*Plogging*), Pembersihan Pantai, Kem Kesedaran Alam Sekitar dan Amalan Gaya Hidup Hijau dan Lestari sering kali dijadikan aktiviti utama supaya rakyat lebih tertarik dengan aktiviti-aktiviti alam sekitar yang lebih santai.
4. Untuk makluman, JAS juga sedang giat memantapkan program dan meningkatkan keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) di seluruh negara. Program RAS telah dilancarkan pada 4 Jun 2009 merupakan inisiatif kementerian dalam membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat setempat dalam aktiviti kelestarian alam sekitar. RAS

melibatkan keseluruhan anggota masyarakat tanpa mengira umur yang berperanan menjadi ‘mata dan telinga’ untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar, di samping terlibat dalam program-program berbentuk komuniti dan kesedaran alam sekitar.

5. Untuk makluman, sehingga 31 Januari 2025, rekod keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) mencatatkan seramai 198,000 ahli. Sehubungan itu, NRES menggalakkan semua Kementerian dan Agensi untuk menyertai keahlian RAS serta melaksanakan program-program di bawah agensi masing-masing dengan penglibatan aktif ahli RAS tersebut.
6. JAS turut menjalinkan kerjasama bersama Rakan Strategik Alam Sekitar terdiri daripada kalangan industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi Kerajaan dan swasta dalam menganjurkan program-program kesedaran alam sekitar. Kerjasama ini dapat memastikan usaha penyampaian maklumat kepada JAS dilaksanakan dengan lebih berkesan, di samping memperkuuh pembudayaan kelestarian alam sekitar dalam kalangan masyarakat setempat.
7. Oleh itu, ejen pemantau alam sekitar yang terdiri daripada masyarakat setempat dapat memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan oleh JAS. Sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar dapat dilaporkan dengan lebih pantas kepada JAS menerusi talian bebas tol 1800-88-2727 yang beroperasi 24 jam, e-mel di [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my), atau melalui portal e-Aduan JAS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu peminjam PTPTN yang hampir bersara tetapi masih belum melunaskan pinjaman mereka. Adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan dasar kelonggaran pembayaran bagi golongan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam membantu memudahkan serta menggalakkan peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman mereka, pelbagai kaedah serta pendekatan telah diambil PTPTN seperti:
  - i. Mempelbagaikan kaedah atau saluran bayaran balik pinjaman seperti melalui kaedah potongan gaji, debit terus, perbankan dalam talian, bayaran secara elektronik, atau secara hadir di kaunter PTPTN di seluruh negara,
  - ii. Mbenarkan penstruktur atau pun penjadualan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam,
  - iii. Mbenarkan peminjam yang mencarum di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membuat pengeluaran Akaun II KWSP untuk membayar balik pinjaman mereka, dan
  - iv. Melaksanakan arahan potongan gaji mandatori kepada peminjam di sektor awam.
2. Selain itu, pinjaman pendidikan PTPTN juga dilindungi takaful sehingga peminjam berumur 70 tahun, di mana pihak pengendali takaful akan membayar balik pinjaman sekiranya berlaku kematian atau keilatan kekal ke atas peminjam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB KOMANDER TLDM (BERSARA) NORDIN BIN AHMAD ISMAIL [LUMUT]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB KOMANDER TLDM (BERSARA) NORDIN BIN AHMAD ISMAIL [LUMUT]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai status kontrak semasa di antara Kerajaan dengan limbungan yang dilantik bagi projek 3 buah Kapal Peronda Luar Pesisir untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Jika telah ditamatkan, apakah bentuk pampasan atau denda yang dikenakan ke atas limbungan terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Mac 2024 telah bersetuju supaya kontrak perolehan Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Tiga (3) Unit *Offshore Patrol Vessel* (OPV) C/W *Fitting & Accessories* untuk Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) ditamatkan setelah sesi penyerahan kapal OPV 1 oleh syarikat THHE Destini Sdn. Bhd. (TDSB) kepada APMM. Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga dibenarkan menamatkan kontrak projek tersebut setelah mendapat pandangan dan ulasan daripada Jabatan Peguam Negara atas

Sehubungan itu, Kerajaan telah menandatangani perjanjian penamatan bersama pihak syarikat pada 31 Disember 2024. Melalui perjanjian penamatan tersebut, pihak syarikat telah dikenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) sebanyak RM12,491,759.94 di atas kelewatan menyiapkan kapal OPV 2 dan OPV 3. Selain itu, pihak TDSB sebelum ini juga telah dikenakan LAD di atas kelewatan penyiapan kapal OPV 1 yang berjumlah RM5,584,322.59.

Pihak syarikat juga turut dikenakan LAD bagi kelewatan dalam pembekalan baki 12 unit *General Purpose Machine Gun* (GPMG) sebanyak RM9,600.00 dan pembekalan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) bermula 1 Oktober 2024 hingga tarikh penerimaan oleh Kerajaan. Nilai LAD sehari adalah RM1,200.00. Pihak TDSB selaku kontraktor utama serta pihak pembuat iaitu Alti Transition menjangkakan proses pembekalan termasuk konfigurasi, pemasangan dan latihan serta *Sea Acceptance Trial* (SAT) akan diselesaikan selewatnya pada 9 Februari 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini siasatan berhubung kes kematian empat orang warga tempatan yang menghadiri konsert tahun baru 2025 baru-baru ini dan nyatakan elemen-elemen yang perlu dipenuhi oleh pengajur sebelum sesuatu permit diluluskan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan di bawah Laporan Mati Mengejut (SDR) ke atas empat orang mangsa yang dipercayai telah meninggal dunia semasa menghadiri konsert Pinkfish 2024 yang berlangsung di Sunway Lagoon Surf Beach, Bandar Sunway pada 31 Disember 2024. Hasil siasatan dan Laporan Jabatan Kimia terhadap empat (4) mangsa yang telah disahkan meninggal dunia semasa menerima rawatan di wad kecemasan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) mendapati darah kesemua mangsa tersebut mengandungi kandungan dadah dan telah dirujuk semula kepada pihak PPUM untuk laporan penuh.

Manakala empat (4) individu yang turut ditahan kerana didapati terlibat menggunakan dadah terlarang semasa menghadiri konsert berkenaan, PDRM sedang melengkapkan kertas siasatan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk tujuan pendakwaan.

Pihak kerajaan dan agensi sentiasa meneliti keperluan memperketatkan garis panduan bagi penganjuran konsert pada masa-masa akan datang dengan memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mengeluarkan permit penganjuran akan mendapatkan pandangan serta ulasan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum mana-mana kelulusan diberi. Antara syarat yang ditetapkan oleh PDRM kepada PBT adalah seperti berikut:

- i. Tidak dibenarkan sama sekali untuk menimbulkan isu berkaitan 3R sepanjang pertunjukan/ persembahan diadakan;
- ii. Tahap keselamatan perlu dipertingkatkan agar tiada sebarang insiden atau kekecohan berlaku. Pihak pengajur perlu menyediakan kawalan keselamatan secukupnya ke atas artis dan pengunjung semasa pertunjukan/ persembahan;
- iii. Apa-apa penggunaan senjata api, amunisi, bahan letupan, bahan yang merosakkan, kayu, batu atau apa-apa senjata atau objek yang boleh digunakan untuk menimbulkan ketakutan atau menyebabkan kesederaan kepada orang lain atau kerosakan kepada harta adalah di larang sama sekali;
- iv. Tiada sebarang penggunaan bahan terlarang/ dadah;
- v. Tidak mempamerkan apa-apa lambang, bendera atau isyarat LGBT atau sebarang kumpulan pengganas; dan
- vi. Pengajur hendaklah memastikan mana-mana orang lain yang berada di dalam program ini tidak melakukan apa-apa kesalahan dibawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- a. bagaimana Kerajaan akan memastikan keselamatan dan privasi data peribadi rakyat dalam perlaksanaan MyDigital ID
- b. adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan elauan perumahan anggota polis dan juga elauan bulanan khas daripada RM200 hingga RM500 terutamanya bagi mereka yang tinggal di bandar.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat berterima kasih atas keprihatinan YB Arau berhubung kebijakan anggota polis dan bahagian (a) pertanyaan adalah berkaitan isu MyDigital ID di mana ianya adalah di bawah penyelarasan dan tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara.

Untuk bahagian (b) pertanyaan, Kementerian sentiasa menyemak kadar emolumen yang merangkumi gaji dan elaun serta kemudahan anggota keselamatan dan penguatkuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) demi memastikan kebijakan mereka sentiasa terpelihara.

Kerajaan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah melaksanakan penambahbaikan emolumen pegawai dan anggota PDRM khususnya Gaji Permulaan Terendah, Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) dan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024. Di bawah SSPA, gaji permulaan seorang Konstabel gred Y1 contohnya, telah meningkat daripada RM1,441.00 kepada RM1,590.00 menepati dasar gaji minuman yang sedang berkuatkuasa.

Selain gaji asas, sama seperti penjawat awam dan anggota keselamatan yang lain, anggota PDRM juga menerima Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) pada kadar RM300.00 hingga RM700.00 sebulan mengikut gred jawatan. Manakala Bayaran Insentif Perkhidmatan (BIP) PDRM sebanyak RM200.00 sebulan adalah sama seperti yang dinikmati oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Selain itu, anggota PDRM juga menikmati 32 elaun/insentif khas tertakluk kepada penugasan dan penempatan masing-masing.

Kementerian dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji pewujudan elaun/insentif baharu dan penambahbaikan kadar elaun bagi anggota

PDRM. Asas kajian meliputi aspek penugasan, risiko, kesaksamaan, dan lain-lain. Perkara ini penting dalam memastikan kebajikan anggota penguatkuasaan khususnya PDRM sentiasa dibela.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD  
DELI [JEMPOL]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

YB DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP menyatakan tindakan tegas Kementerian dan agensi berkaitan dalam memastikan tiada penyalahgunaan logo halal di pasaran yang boleh mengelirukan pengguna sebagaimana yang termaktub dalam Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730].

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, dalam ekosistem pensijilan halal di Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab menjalankan penguatkuasaan dan membuat pemantauan bagi memastikan makanan, barang dan perkhidmatan yang dijual di pasaran Malaysia mematuhi perundangan halal yang telah ditetapkan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730].

Dalam Akta 730 ini terdapat peruntukan berkaitan penguatkuasaan halal bagi menangani isu-isu penyalahgunaan sijil dan perakuan halal yang sering mendapat perhatian terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini. Perundangan-perundangan subsidiari di bawah Akta 730 iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 adalah bagi membolehkan isu penyalahgunaan sijil dan perakuan halal diatasi dengan lebih efektif dan menyeluruh.

Berhubung dokumen rasmi pengesahan status halal melalui skim Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), buat masa ini pendaftaran ini adalah bersifat sukarela (*voluntary*). Kebiasaan permohonan SPHM dibuat oleh peniaga yang berhasrat menggunakan logo halal atau ungkapan halal sebagai nilai tambah ke atas produk dan perkhidmatan mereka.

Kementerian sentiasa mengambil tindakan tegas kepada mana-mana peniaga yang menyalahgunakan logo halal di pasaran sehingga boleh mengelirukan pengguna. Bagi menangani penyalahgunaan logo halal, Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

1. Bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) melalui penurunan kuasa sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan bagi tujuan memperakukan sijil halal, menandakan logo halal bagi semua produk makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubungan dengan pembekalan barang-barang bagi memperkuatkukan penguatkuasaan halal;

2. Membuat hebahan umum mengenai pematuhan perundangan halal melalui media sosial rasmi Kementerian dan menerbitkan kenyataan media;
3. Menjalankan pemeriksaan halal secara berkala di premis makanan dan minuman, pasar raya, hotel serta kilang pemprosesan di samping memberi khidmat nasihat mengenai perundangan berkaitan halal;
4. Mengadakan operasi khas berkaitan halal secara bersepadu dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan di seluruh negara;
5. Membuat pemantauan di platform e-dagang bagi mengelakkan penggunaan logo halal yang tidak sah secara berleluasa dan boleh mengelirukan pengguna Islam khususnya; dan
6. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bertanggungjawab memastikan setiap permohonan cap dagangan yang diterima, diteliti dengan sewajarnya bagi memastikan tiada penyalahgunaan nama, istilah, perkataan, label atau apa-apa elemen yang boleh dikaitkan dengan Islam seperti logo atau kubah masjid, Kaabah, bulan sabit dan bintang, simbol atau tulisan yang boleh dikaitkan dengan Islam, termasuk ayat suci Al-Quran pada produk dan perkhidmatan yang diniagakan oleh peniaga bukan Muslim sekiranya digunakan bagi tujuan memperdaya atau mengelirukan pengguna Islam.

Peniaga yang menggunakan logo halal palsu tanpa mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah adalah melakukan kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Mana-mana orang yang disabitkan kesalahan di bawah Perintah ini boleh didenda tidak melebihi RM200,000 bagi syarikat, manakala bagi individu denda tidak melebihi RM100,000.00 dan penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

NO SOALAN : 89

Berdasarkan statistik penguatkuasaan bagi tempoh 1 Januari 2022 sehingga 21 Januari 2025, sebanyak 148 kes telah dihasilkan melibatkan nilai rampasan sejumlah RM3,290,791.00, nilai kompaun sebanyak RM635,000.00 dan denda sebanyak RM40,000.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL  
RAHMAN [LABUAN]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan apakah terdapat perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam menyelesaikan isu hakisan pantai (persisiran pantai Tanjung Aru, Nagalang dan Lubuk Temiang) yang rosak teruk akibat daripada ombak-ombak yang menghakis pantai di seluruh Labuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa berusaha untuk menyelesaikan isu hakisan pantai di seluruh negara termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sebagai penyelesaian jangka pendek, PETRA melalui JPS akan melaksanakan projek mencegah hakisan pantai di Pantai Lubok Temiang, Pantai Tanjung Aru dan Pantai Nagalang melalui perluasan skop projek sedia ada di bawah projek Pemuliharaan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri. Anggaran kos untuk melaksanakan projek di tiga lokasi ini adalah RM5.85 juta dengan skop projek utama adalah pembinaan struktur kawalan hakisan pantai seperti lapis lindung batu (*rock revetment*).

Manakala sebagai penyelesaian jangka panjang pula, PETRA melalui JPS akan memohon Projek Mencegah Hakisan Pantai Tanjung Aru Wilayah Persekutuan Labuan dalam Rolling Plan Pertama (RP1) Rancangan Malaysia ke-13 dengan kos sebanyak RM20 juta. Skop utama projek adalah pembinaan struktur kawalan hakisan pantai seperti penyuburan pasir pantai (*beach nourishment*), pembinaan lapis lindung batu (*rock revetment*), pembinaan seawall dan groin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :**

- a. isu pertikaian undang-undang antara Kerajaan dan Mulia Group berkenaan dengan pemilikan Exchange 106
- b. kadar *occupancy* dan purata kadar sewaan Exchange 106 terkini. Apakah anggaran *capitalisation rate*. Adakah pulangan pelaburan Kerajaan dalam Exchange 106 berbaloi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertikaian undang-undang antara MKD Signature Sdn Bhd (MKDSB) dan Mulia International (Labuan) Limited (MIL) adalah berkaitan kegagalan MIL untuk melaksanakan obligasinya di dalam Perjanjian Pemegang Saham yang telah ditandatangani pada tahun 2017 untuk menyiapkan projek menara Exchange 106 di Tun Razak Exchange (TRX).
2. Tindakan undang-undang yang diambil oleh MKDSB untuk melindungi kepentingannya adalah mengikut perjanjian yang telah dimeterai pada 19 Julai 2017. Walau bagaimanapun, demi menghormati proses Mahkamah, Kerajaan tidak boleh membuat sebarang kenyataan lanjut berhubung pertikaian pelaburan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]**

**TARIKH : 6 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi kesesakan keluar dan masuk pelawat dan pelancong di pintu masuk sempadan Sarawak dengan Brunei di Mengkalap Lawas, Sarawak dengan Indonesia di Ba'kelalan dan Sarawak dengan Sabah di Merapok Lawas.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) amat mengambil berat mengenai isu kesesakan yang berlaku di pintu-pintu masuk antarabangsa di seluruh negara termasuklah di kesemua Kompleks *Immigration, Customs, Quarantine and Security* (ICQS) dan Pos Imigresen di Sarawak. Bagi menangani isu kesesakan yang berlaku, Kerajaan telah meluluskan peruntukan bernilai RM193.6 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi kerja-kerja membina dan menaik taraf Kompleks ICQS dan Pos Kawalan Imigresen di persempadanan Sarawak. Jumlah ini turut meliputi kos pembinaan Pos Kawalan dan Kuarters Imigresen Ba'kelalan berjumlah RM21.6 juta.

Berdasarkan rekod JIM, seramai 759 orang pengembara direkodkan menggunakan Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Mengkalap, 554,379 orang di Ba'kelalan dan 24,324 orang di Merapok sepanjang tahun 2024. Dalam hal ini, antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh JIM bagi mengatasi kesesakan di Pintu Masuk Antarabangsa termasuklah penambahan kaunter pemeriksaan dan penambahbaikan prosedur operasi bagi mempercepatkan proses keluar masuk pengembara. Selain itu, cadangan pemanjangan waktu operasi di pintu masuk khususnya dengan Brunei Darussalam turut menjadi keutamaan dan telah disampaikan oleh Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri kepada negara tersebut. Usaha penyelarasan penugasan kawalan di pintu masuk di antara pasukan RELA, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia juga ditingkatkan agar perjalanan trafik bergerak lancar. Pihak KDN melalui JIM juga akan meneliti inisiatif menangani isu kesesakan di PMA dengan menaik taraf fasiliti seperti menambah bilangan kaunter bagi memastikan kelancaran pergerakan antara Sarawak dan Sabah.

Perantaian ke hadapan, JIM dalam usaha memperkasakan kaedah pelepasan imigresen di pintu masuk antarabangsa dengan memperkenalkan sistem baharu yang lebih cekap dan selamat. Sistem ini

akan mengintegrasikan teknologi terkini seperti pengesahan biometrik, pengecaman wajah dan penggunaan kecerdasan buatan (AI) untuk meningkatkan ketepatan dan kelancaran proses pelepasan. Selain itu, JIM juga komited untuk menaik taraf kemudahan dan infrastruktur di semua Kompleks ICQS di seluruh negara bagi memperkuatkan tahap keselamatan negara, mempercepatkan proses pemeriksaan dan meningkatkan pengalaman pengguna, baik bagi rakyat tempatan maupun pelancong asing.

Sekian, terima kasih.